

**PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGAL KELIMA
MESYUARAT PERTAMA**

Bil. 3

Rabu

25 April 2012

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

(Halaman 1)

USUL-USUL:

Menjunjung Kasih Titah Ucapan
Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong
- *YB Tuan Khoo Soo Seang*

(Halaman 29)

Waktu Mesyuarat dan Urusan
Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat

(Halaman 74)

MALAYSIA**DEWAN NEGARA****Rabu, 25 April 2012****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Tuan Yang di-Pertua (Tan Sri Abu Zahar bin Dato' Nika Ujang)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar** minta Menteri Kewangan menyatakan, apakah kriteria pemilihan penggabungan antara GLCs seperti MAS dan pihak swasta seperti AirAsia. Sebutkan jumlah penguasaan ekuiti MAS-AirAsia oleh pihak-pihak yang berkaitan dengan penggabungan perniagaan syarikat penerbangan gergasi itu.

Timbalan Menteri Kewangan II [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya memohon izin untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Abdul Rahman bin Bakar pada hari ini bersama dengan pertanyaan-pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Saiful Izham bin Ramli yang turut ditanya pada hari ini dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit yang di jadual dijawab pada 7 Mei 2012 memandangkan ketiga-tiga pertanyaan menyentuh perkara yang sama berkaitan transaksi pertukaran bersilang saham atau *share swap* di antara MAS dan AirAsia serta kerjasama di antara kedua-dua syarikat tersebut.

Untuk maklumat Yang Berhormat Malaysia Airlines Sdn. Bhd. (MAS), AirAsia Berhad (AirAsia) dan AirAsia X Sdn. Bhd. telah menyertai kerangka kerjasama komprehensif atau *Comprehensive Collaboration Framework* (CCF) pada 9 Ogos 2011 bagi meneroka pelbagai peluang kerjasama yang memberikan manfaat bersama. CCF bukannya merupakan penggabungan atau *merger* tetapi merupakan kolaborasi atau kerjasama strategik antara syarikat-syarikat penerbangan tersebut.

Bagi mengukuhkan kerjasama dan memberikan manfaat bersama, Khazanah dan pemegang saham utama AirAsia iaitu Tune Air Sdn. Bhd. telah memiliki saham kedua-dua syarikat penerbangan. Tune Air memegang 20.5% saham dalam MAS sementara Khazanah memegang 10% saham AirAsia. Setakat 16 April 2012 para pemegang saham utama MAS adalah seperti berikut:

- (i) Khazanah Nasional Berhad – 48.9%;
- (ii) Tune Air Sdn Bhd – 20.5%; dan
- (iii) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja – 9.2%

Kerjasama di antara MAS dan AirAsia ini bukan sahaja memastikan MAS kekal sebagai syarikat tersenarai yang dimiliki oleh pemegang saham tempatan tetapi juga untuk membantu membawa kepakaran dan pengalaman pengurusan yang dimiliki oleh pemilik AirAsia ke dalam

MAS melalui input yang diberikan di peringkat Lembaga Pengarah MAS. AirAsia memulakan operasi pada tahun 2002 telah berjaya membuktikan melalui model perniagaan yang diketengahkan serta kecekapan operasinya telah menghasilkan keuntungan setiap tahun sejak tahun 2003 hingga 2011, kecuali pada tahun kewangan 2008.

Ini sekali gus melayakkannya memenangi Anugerah Syarikat Penerbangan Tambang Murah Terbaik Dunia daripada *Sky Track* untuk tiga tahun berturut-turut iaitu pada tahun 2009, 2010 dan 2011. MAS pula telah mengalami kerugian teruk berkali-kali. Pada tahun 2011 kerugian adalah sebanyak RM2.5 bilion. Justeru kerajaan perlu mencari pendekatan baru untuk memastikan MAS berdaya maju di masa hadapan dan CCF ini diharap dapat membantu.

Salah satu daripada prinsip perjanjian kerjasama CCF adalah semua pihak yang terlibat iaitu MAS, AirAsia dan AirAsia X akan mendapat faedah daripada perjanjian ini dan tiada pihak akan berada dalam kedudukan yang merugikan berbanding keadaan sebelumnya. Sekiranya sebelum menyertai bidang kolaborasi tertentu ada pihak yang mendapati akan merugikan, kolaborasi dalam bidang tersebut tidak akan diteruskan.

Selain itu setiap bidang adalah tertakluk kepada kajian anti persaingan sebelum ianya diteruskan (*anti trust*). Kerjasama di antara kedua-dua syarikat juga adalah untuk memastikan operasi kedua-dua syarikat terutamanya MAS dilaksanakan secara efisien dan *cost effective*. Pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan kos operasi syarikat diminimumkan seperti melalui perolehan bersama atau *joint procurement*, perkongsian peralatan dan perkhidmatan serta penyatuan aktiviti utama yang boleh membawa kepada kecekapan *efficiency* yang lebih tinggi.

Di antara kebaikan dan keuntungan yang dijangka diperolehi melalui langkah-langkah ini adalah MAS dijangka berpotensi untuk mencatatkan penjimatan kos operasi tahunan sebanyak RM100,000 juta. Kerjasama ini juga bakal menjadikan Malaysia sebagai hab penerbangan dan pelancongan di rantau ini apabila penumpang-penumpang yang dibawa oleh AirAsia dari destinasi serantau boleh menyambung penerbangan jauh ke Amerika Syarikat dan Eropah melalui MAS. Ini dikenali sebagai *inter-lining*. Dengan hab-hab utama yang ada kini dapat di Bangkok, Singapura dan Hong Kong, MAS turut berperanan mempromosikan Malaysia kepada syarikat penerbangan lain dan pelancong asing. Selain mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi pertumbuhan industri penerbangan dan pelancongan di Malaysia.

■1010

Walau bagaimana pun kerjasama ini memerlukan masa untuk menampakkan hasil yang ketara. Berdasarkan kepada semua fakta tersebut CCF ini dijangka akan menguntungkan semua pihak. Harus ditekankan di sini bahawa kerjasama di bawah CCF ini adalah hanya sebahagian daripada rancangan pemulihan MAS. MAS akan terus menumpukan usaha untuk memperbaiki operasi dan memperkukuhkan kewangannya dalam usaha menjadikan syarikat penerbangan *premier* yang berdaya maju di masa hadapan. Terima kasih.

Datuk Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua. Tadi dinyatakan bahawa mengalami kerugian besar jumlah lebih kurang RM2.5 bilion. Satu angka yang besar dan mereka

kali-kali *repeat*. Saya hendak tanya apakah tindakan berdaya maju yang boleh diambil oleh kerajaan. Kedua apakah kerajaan berhasrat untuk swastakan kepada syarikat-syarikat yang berminat untuk ambil alih MAS. Ketiga, adakah pandangan saya ini setuju atau macam mana? Saya syorkan supaya pengurusan dan pentadbiran MAS kini ditukar ganti. Keempat saya syorkan penggabungan MAS dengan AirAsia yang ternyata tidak menguntungkan dikaji balik. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana yang dimaklumkan bahawa kerugian MAS pada tahun 2011 ialah sebanyak RM2.5 bilion. Ini ada suatu kerugian yang besar. Di antara sebab-sebab kerugian ini ialah kenaikan harga *fuel* yang melibatkan RM1.4 bilion sebanyak 33% pada tahun tersebut yang tidak dapat ditangani dengan baik. Keduanya ialah dari segi *provision* yang dibuat untuk pelbagai hal yang melibatkan RM1.1 bilion. *Provision* ini satunya ialah, apabila MAS sekarang ini menyewa kapal terbang ini, *aircraft* ini dan apabila MAS tempoh penyewaan ini tamat, maka kapal terbang-kapal terbang ini perlu diselenggarakan dengan baik sebelum dihantar balik.

Jadi, proses selenggaraan ini akan melibatkan perbelanjaan yang besar kepada MAS dan ini diambil sebahagian daripada *in payment* dengan izin, dan juga perkara-perkara lain. Jadi memang kerugian ini besar. Pengurusan *fuel* adalah yang terbesar. Jadi soalnya sama ada MAS boleh diswastakan Yang Berhormat tanya tadi, MAS sebenarnya sekarang memang sebuah syarikat swasta kalau dikira ianya telah pun disenaraikan cuma pemegang saham itu memanglah pemegang sahamnya Khazanah adalah pemegang saham yang terbesar.

Itulah sebabnya sebahagian daripada saham ini dijual kepada pemegang saham AirAsia dengan harapan supaya pengalaman AirAsia ini yang apa pun dikatakan jelasnya dari segi prestasi kewangannya syarikat AirAsia ini baik. Keuntungan setiap tahun kecuali satu tahun 2008.

Jadi diharapkan bahawa pengalaman ini dapat membantu MAS dari segi mengurangkan kerugian. Sama ada pengurusan MAS perlu ditukar memang sudah ada pertukaran pun yang dibuat baru-baru ini dari segi CEO. Jadi kalau baru tukar hendak tukar pula itu mungkin tidak adil kerana kerugiannya tahun 2011 selepas itu pertukaran dibuat. Jadi kita peluanglah kepada mereka untuk membuktikan bahawa segala usaha yang sedang dirancang ini akan mendatangkan hasil. Akan tetapi apa pun ini satu masalah besar yang perlu dihadapi oleh kerajaan bagaimana untuk menjadikan MAS ini berdaya maju.

Sebenarnya perlu juga diingatkan bahawa tentang prestasi kewangan yang menurun oleh syarikat-syarikat penerbangan ini bukan sahaja tertumpu kepada MAS tetapi semua di seluruh dunia umpamanya *Singapore Airline* menunjukkan penurunan keuntungan sebanyak 60%, 59%. Thai Airways keuntungan jatuh sebanyak 126%, Cathay Pacific dan sebagainya. Akan tetapi yang MAS kita ini bukan sahaja keuntungan yang jatuh teruk tetapi juga kita mengalami kerugian yang begitu besar.

Oleh sebab itu pendekatan yang agak luar biasa jugalah diambil ini iaitu dengan memberikan pemilik saham AirAsia saham dalam MAS supaya mereka dapat mengadakan satu

kolaborasi yang strategik untuk memulihkan MAS dan juga satu pendekatan yang dapat menguntungkan AirAsia. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan pertanyaan tambahan saya ialah kerugian sebanyak RM2.5 bilion ini boleh dikatakan besar. Walaupun alasan yang diberikan tadi kerana kenaikan minyak dan penyewaan peralatan *aircraft* dan sebagainya. AirAsia pun menghadapi yang sedemikian tetapi mengapa dia boleh bertahan kerana MAS ini adalah GLC yang tanggungjawabnya ada juga kepada kerajaan. Jadi kerugian ini selain daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri jelaskan tadi adakah juga oleh kerana kelemahan urusan dan ada unsur-unsur penyelewengan sehingga berlaku kerugian yang begitu besar.

Keduanya mengenai CCF gabungan dengan AirAsia ini sejauh mana keyakinan kerajaan bahawa AirAsia ini mampu memberi kerjasama kepada MAS sehingga MAS boleh dipulihkan sedangkan ia juga merupakan syarikat penerbangan yang sentiasa meletakkan keuntungan yang lebih meningkatkan. Jadi tidakkah berlaku masalah-masalah lain dalam CCF ini antara MAS dan AirAsia. Terima kasih.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya saya ingin jelaskan bahawa isu penyelewengan tidak timbul sama sekali. Tidak ada isu ini dibangkitkan dalam mana-mana perbincangan bersama MAS atau di peringkat kementerian. Jadi soalnya ialah soal suasana operasi syarikat penerbangan yang begitu mencabar dan sukar hari ini. Ya, pengurusan boleh dikira satu daripada faktor. Faktor keduanya ialah dari segi struktur kos, *cost structure*. Kadang-kadang *cost structure* kita ini MAS ini dengan *union* dan sebagainya ini dia sudah ada satu kos yang tidak boleh dikurangkan. Jadi perlu ada satu usaha-usaha penjimatan yang lebih tegas.

Jadi sebab itulah penjimatan yang lebih besar yang diharap dapat dibuat umpamanya dari segi *joint procurement* dengan izin, apabila *procurement* dengan lebih besar MAS dan AirAsia disatukan bersama maka ini boleh menguntungkan, *bigger scale* diharapkan dapat dibeli dengan harga yang lebih murah untuk satu-satu unit. MRO sekarang ini AirAsia membaiki kapal terbang dia umpamanya di luar Malaysia. MAS mempunyai kapasiti untuk membaiki dan menyelenggara kapal-kapal terbang ini.

■1020

Jadi apabila ada *collaboration* ini, bermakna ada untung juga AirAsia supaya pembaikan, penyelenggaraan ini dibuat dengan kemudahan yang dimiliki oleh MAS. Kalau MAS untung, AirAsia pun untung kerana dia ada 20% syer. Jadi *inter-lining* – satu lagi *joint training*, *joint catering*, ini pun satu bidang yang boleh dicari cara bagaimana ia boleh dilakukan melalui *win-win*. Saya tidak ingin mengatakan bahawa ini sesuatu yang senang untuk mengelakkan MAS daripada mengalami kerugian. Kalau senang, barangkali tidaklah MAS ini mengalami keadaan ini berkali-kali dan tidak pula keadaan ini dialami oleh syarikat-syarikat penerbangan di seluruh dunia, cumanya ia tidak sampai ke tahap yang dialami oleh MAS.

Jadi ini perkara yang susah, dan sebab itu kerajaan mencari kaedah bagaimana, adakah AirAsia, kerana AirAsia juga merupakan satu syarikat yang mementingkan keuntungan, memang AirAsia tidak akan berkompromi ataupun *sacrifice* untuk MAS. Akan tetapi pendekatan yang kita ambil ini ialah berbentuk *win-win*. Jadi jika hendak mengharapkan *win-lose*, tidak boleh. Sebab itu kita kata kalau ada satu-satu bidang kerjasama yang mana satu-satu syarikat boleh rugi, maka ia tidak akan dilaksanakan. Jadi kita mengharapkan dengan *win-win* ini, ia akan dapat memperbaiki keadaan kewangan MAS. Terima kasih.

2. Dato' Muhammad Olian bin Abdullah minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan, apakah model perancangan yang telah digariskan dalam memastikan masyarakat Orang Asli tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara, serta apakah program serta bantuan yang disediakan dalam menjamin kedudukan ekonomi mereka.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, masyarakat Orang Asli sememangnya diberikan keutamaan oleh kerajaan dalam memastikan mereka sama-sama mengecap arus pembangunan dan kemajuan negara. Sehubungan dengan itu, kementerian ini menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli telah menyediakan Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli 2011 hingga 2015 yang merupakan pelan perancangan dan pembangunan yang komprehensif untuk pelaksanaan program dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Pelan Strategik Kemajuan Orang Asli ini adalah berasaskan kepada Rancangan Malaysia Kesepuluh dan Pelan Induk Pembangunan Luar Bandar ataupun PIPLB serta turut mengambil kira dasar semasa kerajaan seperti 1Malaysia, Model Baru Ekonomi, Program Transformasi Ekonomi dan Program Transformasi Kerajaan dan polisi atau dasar yang lain. Pelan strategik yang digubal tersebut mengandungi enam teras utama yang meliputi aspek pembangunan modal insan, pembangunan ekonomi, kemudahan prasarana, kesihatan dan kualiti hidup, pengetahuan tradisional dan warisan Orang Asli serta pemantapan sistem penyampaian perkhidmatan dan tadbir urus yang baik. Berdasarkan enam teras utama tersebut, terdapat 36 dasar strategik serta 100 program yang digariskan melibatkan anggaran perbelanjaan sejumlah RM1.52 bilion.

Mengenai bantuan-bantuan ekonomi yang telah disediakan oleh kerajaan menerusi Jabatan Kemajuan Orang Asli, sehingga kini projek-projek pembangunan ladang terus diberikan tumpuan sebagai sumber asas ekonomi masyarakat Orang Asli. Sejumlah 171 buah ladang dengan keluasan 23,546.13 hektar telah berjaya dibangunkan dengan tanaman getah dan kelapa sawit. Daripada jumlah tersebut, 148 ladang telah berjaya mengeluarkan hasil dan telah memberikan manfaat secara langsung kepada 10,198 orang peserta masyarakat Orang Asli di seluruh Semenanjung Malaysia.

Di samping itu, projek-projek pertanian dan asas tani seperti ternakan ikan sangkar, tanaman pisang, koko, kelapa mataq, jagung dan lain-lain yang mampu mempelbagaikan serta menambah pendapatan kepada ketua isi rumah telah dilaksanakan pada tahun 2011. Projek-

projek tersebut melibatkan peruntukan berjumlah RM1.2 juta dan telah memberikan faedah kepada 453 ketua isi rumah.

Manakala bantuan input pertanian di bawah Program Peningkatan Kualiti Hidup, diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2011 yang melibatkan peruntukan sejumlah RM300.9 juta dan memberikan faedah kepada 848 peserta. Program-program seumpama ini diteruskan pada tahun 2012 di mana peruntukan sebanyak RM3.3 juta disediakan bagi pelaksanaan program pembangunan ekonomi dan RM1.9 juta untuk program bantuan input pertanian.

Untuk makluman Yang Berhormat, Unit Perancangan Ekonomi Jabatan Perdana Menteri bersama *United Nations Development Program* ataupun UNDP dan *United Nations Children Fund* (UNICEF) sedang menjalankan kajian status sosioekonomi Orang Asli bagi pembentukan Pelan Pembangunan Orang Asli Nasional. Kajian ini dijangka selesai pada bulan Mei tahun ini. Sekian, terima kasih.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberikan jawapan yang cukup baik.

Soalan tambahan saya, daripada hasil kajian penuntut-penuntut universiti ataupun IPTA dalam agenda pembangunan masyarakat Orang Asli ini, didapati bahawa masalah utama dalam pembangunan, penyelarasan dan penerapan nilai-nilai perubahan berpunca daripada dasar-dasar yang tidak lagi dilihat sebagai konkrit dan terjamin kerana pencapaian ekonomi dan sosial didapati berbeza mengikut kawasan dan juga suku bangsa.

Oleh itu, apakah kerajaan bersedia untuk merizabkan tanah pertanian dan bukannya secara ad-hoc untuk masyarakat Orang Asli serta bantuan kemudahan pinjaman kewangan agar mereka dapat mengusahakan tanah-tanah ini tanpa rasa takut bahawa tanah mereka akan diambil balik untuk tujuan komersial.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Senator. Tentang isu tanah tambahan supaya Orang Asli ini mempunyai lebih banyak tanah untuk kegiatan ekonomi mereka, isu tanah ini sedang dalam proses diselesaikan dan kementerian ini sebenarnya memang mencuba untuk menyelesaikan masalah tanah ini secara menyeluruh di seluruh negara. Ada negeri-negeri yang sudah bersetuju pada dasarnya tentang bagaimana hendak menyelesaikan ini tetapi ada juga negeri yang masih belum diterima persetujuan mereka tentang apa yang telah dicadangkan oleh kementerian.

Di samping itu, ada juga pihak-pihak yang cuba menjadi hero ataupun pejuang tentang isu tanah Orang Asli ini dan ini memanglah merumitkan keadaan. Kita berharap apabila semua pihak, tidak mungkin berpuas hati tetapi bagi mendapatkan satu persetujuan kita dapat menyelesaikan isu tanah ini dan bukan sahaja diberikan tanah tambahan tetapi diwartakan dan diberikan *title* tanah ini nanti.

Mengenai pinjaman, sebenarnya kita tidak menyekat mana-mana pihak untuk mendapatkan pinjaman, kita tidak mengikut suku kaum dan sebagainya. Terutama sekali untuk Orang Asli ini, kita memang menggalakkan mereka mendapatkan pinjaman.

■1030

Sekiranya perlu nanti kemungkinan kita mengadakan tabung khas apabila Orang Asli ini dapat menunjukkan prestasi tentang bidang komersial dan terutama sekali dalam bidang *entrepreneurship*. Kemungkinanlah dapat kita sediakan tabung supaya mereka mendapat bantuan khas daripada segi hendak memajukan diri dalam bidang kegiatan *business* dan sebagainya. Sekian.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. soalan tambahan saya, setakat ini apakah ataupun di manakah universiti-universiti ataupun institusi pengajian tinggi yang telah memberikan pendidikan secara ataupun latihan secara *direct* kepada Orang Asli khususnya bagi mengekalkan budaya dan bahasa mereka. Ini kerana kita dapati kalau dibiarkan tanpa dibuat satu tempat yang khusus untuk pendidikan kepada mereka ini akan menjejaskan masa depan mereka. Maksud saya di sini ialah dari sudut adakah kerajaan mempunyai satu pusat di mana pusat ini menggunakan bahasa dan budaya Orang Asli untuk mendidik Orang Asli sendiri bagi menjamin latihan dan kemahiran yang benar diberikan kepada mereka, pertama.

Kedua, apakah perancangan strategik yang telah dibuat kepada wanita Orang Asli bagi menjamin mereka bukan sahaja mendapat kadar literasi yang tinggi tetapi juga menjamin sosioekonomi mereka? Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, tentang adakah institusi yang khas disediakan, setakat ini, tidak. Ada. Akan tetapi dalam pelan strategik kita, kita mengambil kira apa yang telah disebut ataupun dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Tentang sosioekonomi mereka misalnya, kita mengadakan – ada enam strategi yang telah kita sediakan. Dalam enam strategi ini, ada 37 jenis program supaya daripada segi pendidikan misalnya, mereka tidak ketinggalan dan di peringkat keciciran - ini lebih daripada apa yang disoal oleh Yang Berhormat Senator, saya jawab ini. Akan tetapi tentang bagaimana kita melihat kebajikan Orang Asli ini sebagai yang holistik, kita akan cuba pada tahun 2015, menurunkan kadar keciciran daripada 29% sekarang sampai 25% dalam dua atau tiga tahun ini.

Daripada segi ekonomi misalnya, kita telah menyediakan 11 strategi supaya meningkatkan sosioekonomi mereka. Dalam 11 strategi ini, kita telah menyediakan juga 25 buah program sama ada untuk meningkatkan pendapatan mereka supaya mengubah *mindset* ataupun minda mereka supaya dapat menerima cara-cara baru untuk membangunkan diri sama ada daripada segi sosioekonomi ataupun daripada segi budaya dan macam-macam yang lain. Sebenarnya perancangan pelan strategik ini begitu holistik. Cuma kita takut adakah suku kaum tertentu nanti dapat menerima bimbingan dan juga cadangan daripada kementerian ini.

Daripada segi peruntukan, kita tidak pernah memberikan Orang Asli ini keutamaan yang rendah. Sebenarnya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri selalu memberikan nasihat kepada kementerian ini supaya Orang Asli ini sedapat-dapatnya diberikan bantuan yang banyak. Itulah yang selalu kita usahakan. Akan tetapi bermacam-macam masalah kita hadapi kerana daripada segi budaya dan macam-macam isu yang lain, kadang-kadang agak sensitif, kita perlu ambil perhatian. Itulah sebabnya kadang-kadang walaupun kerajaan bersungguh-sungguh memajukan beberapa kampung dan sebagainya tetapi kemajuannya masih juga tidak secepat yang kita mahu. Sekian, terima kasih.

3. Dato' Ng Fook Heng minta Perdana Menteri menyatakan, berapakah pengundi baru yang telah didaftarkan sejak tahun 2008 hingga sekarang mengikut kaum.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Ng Fook Heng atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dalam Dewan ini, jumlah pengundi baru yang telah didaftarkan dari tahun 2008 sehingga tahun 2011 ialah seramai 2,000,272 pemilih warga Malaysia yang terdiri daripada 155,420 orang pemilih pada tahun 2008; 279,270 orang pemilih pada tahun 2009; 826,462 orang pemilih pada tahun 2010; dan 1,008,850 orang pemilih pada tahun 2011. Hak untuk mendaftar sebagai pengundi adalah merupakan hak warganegara Malaysia seperti yang dijamin di bawah Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, pengundi tersebut mestilah merupakan seorang warganegara Malaysia yang telah mencapai umur 21 tahun.

Sehubungan dengan itu, adalah wajar sekiranya kita melihat dari perspektif yang lebih besar bagi keseluruhan rakyat Malaysia dan bukan hanya menjurus kepada kaum semata-mata. Jika dilihat taburan jumlah pendaftar pemilih mengikut rakyat Malaysia yang berbilang kaum dan tahun, daripada jumlah pendaftaran mengikut tahun-tahun tersebut, didapati warganegara yang terdiri daripada kaum Melayu mendaftar paling ramai bagi keempat-empat tahun tersebut iaitu pada tahun 2008, seramai 82,309 orang pemilih iaitu 53%, diikuti oleh warganegara kaum Cina iaitu 29.4% dan rakyat Malaysia kaum India, 8.1%.

Pada tahun 2009 ialah seramai 187,828 orang pemilih iaitu 67.3%, diikuti oleh warga Malaysia kaum Cina iaitu 19.8% dan warga Malaysia kaum bumiputera Sarawak, 4.8% pada tahun 2010. 466,137 orang pemilih iaitu kurang lebih merangkumi 56.4%, diikuti oleh rakyat Malaysia kaum Cina 27% dan kaum India 6.6%. Pada tahun 2011, 611,498 orang pemilih iaitu 60.6%, diikuti oleh rakyat Malaysia kaum Cina 22% dan rakyat Malaysia kaum India 6.7%. Maklumat lanjut mengikut pecahan warganegara berbilang kaum dan negeri dan tahun adalah seperti yang akan dikemukakan kepada Yang Berhormat di lampiran nanti. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Tambahan Yang Berhormat Dato' Ng.

Dato' Ng Fook Heng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kagum dengan jawapan yang terperinci ini, yang begitu banyak pengundi yang sudah didaftarkan dalam jangka masa tiga

tahun atau empat tahun. Soalan tambahan saya adalah terdapat dakwaan bahawa sesetengah pihak memindahkan pengundi dari satu kawasan ke kawasan yang lain. Jadi, adakah dakwaan ini betul? Kalau betul, berapakah bilangannya dan apakah langkah yang diambil untuk mencegah perbuatan ini? Sekian.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sekiranya seseorang pemilih atau pengundi ingin memindahkan pusat pemilihnya ini tidak dihalang oleh pihak SPR. Semua pengundi akan didaftarkan mengikut alamat yang telah pun diberikan di atas kad pengenalan mereka. Jadi, ini terpulanglah kepada pihak mereka yang ingin memindah pusat mengundi mereka. Buat setakat ini, Yang Berhormat Senator, saya tidak ada jumlah yang telah pun ditanya oleh Yang Berhormat mengenai jumlah pemilih yang telah pun dipindahkan. Jadi, saya perlukan notis daripada Yang Berhormat atas soalan tambahan ini. Sekian.

■1040

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Dipersilakan Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap.

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertanyaan tambahan saya ialah baru-baru ini telah di ketahui secara meluas bahawa seramai 40,000 orang di Pantai Timur Sabah hanya di Semporna, yang telah cuba mendapatkan warganegara Malaysia. Ini telah pun diterima oleh Jabatan Pendaftaran Negara, selama satu bulan mereka berkampung di Semporna untuk mendaftarkan 40,000 orang ini. Jadi, soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah adakah juga mereka ini bakal menjadi pemilih, pengundi baru ataupun dalam proses didaftarkan sebagai pengundi baru di Sabah? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, ada dua perkara dalam soalan ini. Pertama ialah di mana mereka yang telah pun didaftar sebagai warganegara di tempat yang telah pun disebut oleh Yang Berhormat Senator. Mengenai pendaftaran sebagai warganegara ini adalah dalam bidang kuasa Jabatan Pendaftaran Negara tetapi seperti yang telah pun dikatakan oleh Yang Berhormat tadi sama ada mereka akan dijadikan pengundi. Daripada segi perundangan warganegara Malaysia yang telah pun mencapai 21 tahun layak untuk mendaftar menjadi pengundi.

Jadi, *allegation* yang telah pun dibuat oleh Yang Berhormat Senator ini amatlah serius dan pihak SPR buat setakat ini belum ada maklumat mengenai apa yang telah pun dikatakan iaitu mengenai sama ada mereka yang didaftarkan, yang kononnya didaftarkan sebagai warganegara itu telah pun dijadikan pengundi ataupun tidak buat setakat ini pihak SPR belum ada apa-apa statistik ataupun apa mengenai perkara tersebut. Itu sahaja.

4. **Tuan Pau Chiong Ung** minta Menteri Kerja Raya menyatakan:

- (a) adakah pihak kerajaan berhasrat untuk membina jalan alternatif yang menghubungkan di antara Bintulu dan Sibu memandangkan kos penyelenggaraan yang begitu tinggi; dan
- (b) jika ada, berapakah kos pembinaan jalan baru dan bila ia akan dimulakan.

Timbalan Menteri Kerja Raya, [Dato' Yong Khoon Seng]: Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya untuk menjawab soalan ini bersama-sama soalan Ahli Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg yang dijadualkan pada 8 Mei 2012 memandangkan terdapat persamaan terhadap isu yang dibangkitkan iaitu mengenai Jalan Persekutuan Pan Borneo di negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli-ahli Yang Berhormat mungkin telah sedia maklum, perancangan kerajaan untuk membina dan menaik taraf jalan persekutuan di Sabah dan Sarawak adalah berpandukan kepada Pelan Induk Pembangunan Rangkaian Lebuhraya Malaysia atau dengan izin, *Highway Network Development Plan (HNDP)* fasa 2 untuk negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Dokumen rujukan berkenaan telah disiapkan oleh Kementerian Kerja Raya pada tahun 2010. Setelah berbincang dan mendapatkan pandangan dari pelbagai pihak termasuk dari kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat. Laporan *blueprint* itu telah mengenal pasti dan mencadangkan keperluan untuk menaik taraf Jalan Persekutuan Pan Borneo sedia ada di negeri Sarawak iaitu dari Semantan di Selatan Sarawak ke Merapok di Lawas utara Sarawak sepanjang 1,077 kilometer secara berperingkat. Inilah termasuklah laluan Jalan Persekutuan dari Sibu ke Bintulu sepanjang 223 kilometer.

Berdasarkan anggaran kos semasa kerajaan memerlukan peruntukan yang dianggarkan di antara RM9 bilion hingga RM16 bilion untuk melaksanakan keseluruhan projek menaik taraf jalan tersebut. Memandangkan kos projek ini terlalu tinggi dan kemampuan kerajaan pula adalah terhad, projek berkenaan perlu dilaksanakan secara berfasa sehingga tahun 2025 iaitu sebagaimana saranan oleh HNDP. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, tumpuan utama kerajaan ialah untuk menaik taraf dan meningkatkan ciri-ciri keselamatan di sepanjang Jalan Pan Borneo. Sehubungan itu, kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM423 juta untuk melaksanakan fasa pertama di mana daripada jumlah tersebut sebanyak RM100 juta telah diluluskan pada tahun ini.

Antara skop projek menaik taraf Jalan Pan Borneo ini ialah mengukuhkan turapan jalan atau dengan izin, *pavements strengthening*, membina lorong memotong, menggantikan jambatan dan pemetung yang usang, membaik pulih cerun dan kawasan mudah banjir dan menaik taraf lokasi sering berlaku kemalangan atau dengan izin, *black spots*. Bagi negeri Sarawak sahaja, jajaran Jalan Persekutuan Pan Borneo yang akan dinaikkan taraf menerusi skop pengukuhan turapan jalan ini ialah sebahagian jajaran tertentu dari Sibu ke Bintulu, Bintulu ke Miri dan dari Miri ke Sindumin.

Di samping itu, kerajaan juga akan membina lebih banyak lorong-lorong memotong dan melaksanakan program keselamatan seperti membina jejantas jalan pejalan kaki, mengganti pengadang jalan, memasang lampu dan menaik taraf lokasi *blackspot*. Program keselamatan ini akan dilaksanakan di sepanjang Jalan Pan Borneo di negeri Sarawak termasuklah jajaran antara Sibu ke Bintulu. Berdasarkan perancangan projek-projek kecil yang melibatkan kos antara RM500 ribu hingga RM2 juta itu akan dimulakan selewat-lewatnya pada pertengahan tahun ini dan siap dalam tempoh enam bulan atau sebelum akhir tahun 2012. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan Yang Berhormat Tuan Pau Chiong Ung.

Tuan Pau Chiong Ung: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan diberi sebentar tadi. Oleh sebab jawapan begitu jelas sekali jadi saya tidak ada soalan tambahan lagi. Terima kasih.

5. Dato' Syed Ibrahim bin Kader minta Perdana Menteri menyatakan, sejak kebelakangan ini ramai individu yang menggunakan gelaran Dato' atau Dato' Seri yang diperoleh daripada sumber yang diragui kedaulatan mereka. Adakah kerajaan mengiktiraf penggunaan gelaran tersebut dan jika tidak, apakah usaha-usaha yang telah diambil untuk menangani gejala ini daripada terus menimbulkan kekeliruan di kalangan rakyat.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, [Datuk Liew Vui Keong]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Syed Ibrahim bin Kader atas soalan ini. Tuan Yang di-Pertua, mengikut dasar dan peraturan semasa kerajaan tidak mengiktiraf sesuatu penganugerahan selain daripada yang dikurniakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri dan ketua negara atau ketua kerajaan asing daripada negara yang berdaulat. Dalam hubungan ini anugerah yang diberikan oleh pertubuhan, persatuan atau mana-mana institusi dalam dan luar negara yang tidak mempunyai kekuasaan politik dan wujud hanya sebagai pusat kebudayaan dan pemuliharaan adat budaya dan tradisi sahaja adalah tidak termasuk dalam kategori penganugerahan yang diiktiraf seperti yang telah dinyatakan tadi.

Dasar berhubung pengurniaan darjah kebesaran dijelaskan dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-Undang Tubuh Negeri iaitu pengurniaan darjah kebesaran, bintang dan pingat atau gelaran kehormat merupakan hak *prerogative* Raja-Raja Melayu dan hanya boleh dikurniakan oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli-Duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri sahaja. Di peringkat persekutuan bagi memastikan suatu penganugerahan itu dikawal rapi, Bahagian Istiadat dan Urus Setia Persidangan Antarabangsa Jabatan Perdana Menteri mempunyai satu rekod yang lengkap dan kemas kini ke atas semua penerima Anugerah Persekutuan. Tindakan ini bagi memastikan gelaran atau pingat yang dianugerahkan mempunyai daftar rekod yang sahih selain mengelakkan timbulnya kekeliruan dan keraguan tentang senarai penerima anugerah darjah kebesaran, bintang dan pingat persekutuan. Sekian, terima kasih.

■1050

Tuan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Yang Berhormat Dato' Syed Ibrahim bin Kader.

Dato' Syed Ibrahim bin Kader: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya di sini juga hendak katakan darjah-darjah kebesaran seperti Datuk dan Dato' Seri ini sering diiklankan di surat khabar harian seolah-olah seperti darjah yang tulen. Mereka juga memperoleh lambang kereta. Soalan tambahan saya, adakah kerajaan bercadang hendak memulakan satu *database* atau pangkalan data semua penerima anugerah Datuk dan lain-lain anugerah? Kedua, apakah status pemegang gelaran JP yang sebelum ini dicadangkan untuk menjadi Hakim Majistret kelas ketiga? Sekian, terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' atas soalan tambahan ini. Tuan Yang di-Pertua, pertamanya seperti yang saya katakan tadi bahawa di negara ini penganugerahan hanya diiktiraf sekiranya ia dikeluarkan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-Raja dan Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri. Apa yang telah pun diiklankan di surat khabar itu ialah bukan dikeluarkan daripada pihak istiadat. Ini kerana semua anugerah yang telah pun diberi kepada Seri Paduka dan Raja-Raja yang saya sebutkan tadi, akan dipamerkan dalam surat khabar sehari atau pun pada masa pengurniaan. Jadi apa yang telah pun diiklankan di surat khabar itu bukanlah sah dan tidak boleh diiktiraf.

Jadi mengenai soalan yang telah pun dibangkitkan mengenai JP ialah bahawa di negara kita, pengiktirafan ini terpulang kepada negeri-negeri yang memberikan JP kepada mereka. Kita dapat lihat daripada negeri Johor ini, pengurniaan JP ini telah pun dibekukan, tetapi di negeri-negeri yang lain telah pun dihadkan. Akan tetapi sekiranya kita lihat daripada negeri Sabah pula, pengurniaan itu diberikan oleh Tuan Yang Terutama Negeri. Namun di negeri Sarawak tidak ada pengurniaan JP kepada sesiapa individu. Untuk mereka menjadikan hakim-hakim ini hanya dalam peringkat *discussion* sahaja. Belum lagi menjadi satu dasar atau pun isu kerajaan. Jadi buat setakat ini belum ada apa-apa tindakan atau pun rancangan daripada pihak kerajaan untuk mengiktiraf JP untuk dijadikan hakim.

Selain daripada itu seperti yang saya katakan tadi, juga sekiranya Yang Berhormat ingin menyemak sesiapa individu sama ada mendapatkan pengurniaan yang sah daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau pun Duli Yang Mulia Raja-Raja dan juga yang berada di persekutuan ini boleh menyemak laman web iaitu www.istiadat.gov.my. Di situ ada lengkap senarai di mana mengatakan siapa yang menjadi penerima darjah kebesaran negeri. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato' Ng. Fook Heng.

Dato' Ng Fook Heng: Tuan Yang di-Pertua, saya ada dua soalan di sini. Pertama adalah anugerah yang diterima yang kita tahu daripada Sultan Sulu, adakah itu diiktiraf? Kemudian yang kedua, seperti saya yang baru dianugerahkan Dato' oleh Duli Yang Mulia Sultan Pahang, adakah isteri saya ini dipanggil Datin secara *official* di sekolah kerana beliau seorang guru. *Is it* wajib atau pun terpulang kepada sekolah? Terima kasih.

Datuk Liew Vui Keong: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Dato' Ng. Fook Heng atas soalan tambahan ini. Soalan pertama yang mengenai anugerah daripada Sultan Sulu. Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua kepada Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini, penganugerahan darjah kebesaran dan bintang oleh Kesultanan Sulu, ada pun yang sering kita dengar daripada Kraton bukanlah satu penganugerahan daripada ketua negara yang berdaulat atau pun *sovereign state* dan tidak diiktiraf oleh Kerajaan Filipina atau pun Indonesia mereka. Jadi itu tidak akan diiktiraf.

Oleh yang demikian mengikut dasar semasa, penganugerahan itu tidak diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Mana-mana individu yang menerima anugerah sebegini tidak boleh menggunakan dalam urusan rasmi. Ini amat penting. Kadang kala kita nampak Tuan Yang di-Pertua, dalam buku cek, buku cek kadang kita nampak seorang yang dianugerahkan Datuk, jadi untuk Bank Negara atau pun bank-bank tersebut untuk mengeluarkan cek atas nama Datuk itu, mereka akan menyemak dengan pihak istiadat untuk mengesahkan sama ada orang ini adalah Datuk atau pun tidak. Ini amat penting dan juga dengan gelaran yang lain, lainlah seperti Tun dan juga Tan Sri. Ini kerana kadang kala kita juga terdapat ramai yang menggunakan *business card* yang menggunakan gelaran Datuk atau pun Tan Sri atau pun sebagainya. Ini sekiranya mereka tidak dianugerahkan kurniaan tersebut, mereka tidak boleh guna pakai. Sekiranya mereka guna pakai *business card* itu untuk cuba mendapatkan sesuatu, *abused his position* ataupun penyalahgunaan kuasa, mereka boleh diambil tindakan undang-undang terhadap mereka.

Mengenai gelaran yang diberikan kepada Yang Berhormat Senator Dato' Ng Fook Heng ini saya ucapkan tahniahlah dan ucapkan tahniah kepada Datin Ng. Itu sahaja. Terima kasih.

6. Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop minta Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar menyatakan, adakah terdapat cadangan untuk menubuhkan kawasan perniagaan berasaskan produk kemelayuan di Kuala Lumpur seperti mana wujudnya Petaling Street yang dimonopoli oleh kaum Cina dan Little India oleh kaum India.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar [Datuk Saravanan a/l Murugan]: Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat dari segi sejarahnya, kedua-dua kawasan Petaling Street dan Little India sememangnya merupakan kawasan perniagaan bagi kaum Cina dan India. Sehingga ke hari ini kedua-duanya dikekalkan sebagai identiti tersebut sebagai tarikan pelancongan yang menggambarkan keunikan masyarakat berbilang kaum di negara ini. Walau bagaimanapun, terdapat kaum-kaum lain yang menjalankan perniagaan di kawasan-kawasan sekitar Jalan Silang, Lebu Pudu, kawasan Wisma Yakin bersebelahan dengan Masjid India yang sehingga kini menjadi tumpuan perniagaan tukang jahit pakaian tradisi Melayu.

Selain itu, kebanyakan gerai-gerai di Jalan Masjid India dan Jalan Tuanku Abdul Rahman menjalankan perniagaan menjual produk-produk keperluan masyarakat Melayu termasuklah pakaian, keperluan beribadat seperti telekung, songkok dan kain ihram, peralatan majlis perkahwinan dan makanan. Ini menunjukkan bahawa perniagaan di kawasan tersebut tidaklah dimonopoli oleh satu-satu kaum sahaja. Sebaliknya turut melibatkan penyertaan kaum-kaum lain.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur telah mengambil tindakan dan melaksanakan program untuk mewujudkan pusat perniagaan berasaskan produk kemelayuan di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini, kerajaan sedar keperluan dan kepentingan untuk membangunkan sebuah kawasan khas bukan sahaja produk kemelayuan, tetapi melambangkan ciri-ciri kemelayuan di Kuala Lumpur. Pelbagai kajian sedang dibuat mengambil kira lokasi tapak perniagaan dan sebagainya sebelum keputusan dibuat. Pembangunan seperti ini perlu mengambil kira pelbagai aspek khususnya pemilik-pemilik tuan punya bangunan sekitar kawasan itu supaya kita mencapai matlamat yang diutarakan kepada kumpulan sasaran. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Soalan tambahan.

■1100

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop. Soalan tambahan.

11.00 pg.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Di samping mengekalkan konsep Petaling Street dan Little India tadi seperti yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, adakah kementerian turut memikirkan langkah mewujudkan pusat perdagangan atau perniagaan berkonsepkan 1Malaysia di mana semua golongan peniaga dari pelbagai kaum diberikan tapak dan lesen serta dipantau supaya operasinya berjalan lancar. Terima kasih.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti mana saya sebut tadi walaupun kita kekalkan kawasan Brickfields untuk perniagaan masyarakat India dan juga Petaling Street sebagai kawasan Cina dan juga kawasan-kawasan tertentu seperti Jalan Melayu, Masjid India, Pasar Jalan Raja Bot untuk masyarakat Melayu, pada masa yang sama kita mengikut konsep 1Malaysia. Memang kaum-kaum lain sedar dan telah diberi kebenaran untuk menjalankan perniagaan di kawasan – tidak ada mana-mana kawasan walaupun dikenali sebagai Little India ataupun Petaling Street, cuma menentukan sesuatu kawasan ke arah kaum tertentu sahaja. Dengan konsep 1Malaysia, kita menggalakkan dan memberi peluang kaum-kaum lain turut berniaga supaya kita melambangkan konsep 1Malaysia. Terima kasih.

7. Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah kes dan kematian akibat denggi dari Januari hingga Mac 2012 mengikut negeri, berapa pula kes dan kematian tempoh yang sama tahun lalu dan apakah langkah-langkah yang telah dan akan diambil untuk mengawalinya.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:
Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, daripada pemantauan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Kesihatan, kes kematian yang dilaporkan bermula dari Januari hingga 24 April 2012 adalah sebanyak 18 kematian daripada 8,052 kes yang dilaporkan berbanding 12 kematian daripada 6,594 kes yang dilaporkan pada tempoh yang sama pada tahun 2011. Kematian denggi berlaku daripada kes-kes demam denggi berdarah yang berkomplikasi dan antara faktor penyumbang adalah kelewatan mendapatkan rawatan dan juga rawatan yang tidak dioptimumkan. Pakar penyakit daripada *World Health Organization* (WHO) menyarankan supaya kadar kematian denggi dikurangkan sehingga kurang daripada 1%. Walaupun negara telah mencapai *target* tersebut dengan izin, namun Kementerian Kesihatan Malaysia sentiasa memberikan perhatian yang serius dalam perkara ini agar kejadian kematian dapat dielakkan.

Bagi menangani peningkatan bilangan kematian akibat demam denggi ini, pihak Kementerian kesihatan telah mengambil tindakan-tindakan seperti berikut:

- (i) mewujudkan *dengue-management team* dengan izin, yang dianggotai oleh pegawai-pegawai yang terlatih, wad denggi atau *cubicle* dan *High Dependency Ward* di semua hospital bagi merawat pesakit demam denggi. Pengurusan pemantauan pesakit denggi di wad dilaksanakan dengan teliti menggunakan *dengue k-chart* dengan izin, dan *clear clean sheet for suspected dengue cases* dengan izin;
- (ii) melantik pakar perunding perubatan sebagai *champion* di setiap negeri yang bertindak sebagai pakar rujuk bagi menangani isu berkaitan dengan pengurusan dan rawatan kes denggi;
- (iii) menyediakan *Clinical Practices Guideline* (CPG) bagi pengurusan kes demam denggi sebagai panduan dalam pengurusan ataupun kes demam denggi. CPG ini diguna pakai oleh semua pengamal perubatan yang terlibat dalam pengurusan rawatan kes demam denggi di fasiliti kesihatan kerajaan dan juga fasiliti kesihatan swasta;
- (iv) memberi latihan pengurusan kes demam denggi pada anggota kesihatan dari pelbagai peringkat yang terlibat dalam pengurusan kes demam denggi bagi memastikan semua anggota yang terlibat memberikan komitmen yang optimum;
- (v) mengadakan mesyuarat semakan kematian denggi kebangsaan yang dianggotai oleh pakar-pakar perunding perubatan penyakit berjangkit, pakar perubatan kesihatan awam, pakar kesihatan keluarga, ahli kaji serangga dan pegawai pendidikan kesihatan secara berkala. Mesyuarat antara lain membincangkan kelemahan-kelemahan dalam pengurusan kes denggi serta memastikan yang pertama, pengurusan kes denggi klinik atau hospital mengikut *Standard Operation Procedures* dengan izin, yang ditetapkan;

- (vi) kedua, penggunaan CPG, pengurusan rawatan kes denggi diguna pakai sepenuhnya di semua kemudahan kesihatan; dan
- (vii) semua arahan dari pekeliling Ketua Pengarah Kesihatan dan arahan pentadbiran yang dikeluarkan mengenai pengurusan kes demam denggi dilaksanakan di semua peringkat.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sebelum saya menjemput soalan tambahan, sukacita saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini, pada pagi ini turut hadir bersama kita di Dewan yang mulia ini ialah rombongan *daripada Honourable Society of Lincoln's Inn Alumni Association, Malaysia* yang diketuai oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dato' Seri Zaki bin Tun Azmi. Saya mengalu-alukan kehadiran...[Tepuk] Saya mengalu-alukan kehadiran semua ahli-ahli badan tersebut dan semoga saya percaya Ahli Yang Berhormat semua mengenali ramai mereka ini kita mengalu-alukan mereka kepada Yang Berbahagia Tun. Sekarang saya jemput soalan tambahan yang pertama. Dipersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof.

11.06 pg.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan. Pertanyaan ini saya kemukakan sebab satu kenyataan dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kementerian Kesihatan yang menyatakan bahawa kematian akibat denggi di negara kita amat membimbangkan. Seperti mana yang dijelaskan tadi, kes denggi sehingga April ini sudah 6,000 kes. Dalam Islam sejarah dia, semasa zaman Nabi Ibrahim dan Namruz, serangan nyamuk ini mengakibatkan terhapusnya umat Nabi Allah ini, Nabi Ibrahim. Denggi ini merupakan satu bala daripada Allah SWT dan ianya berpunca daripada sebaran nyamuk. Saya sendiri pengalaman dua kali kena denggi yang dibawa daripada Kuala Lumpur balik ke kampung. Di kampung, *alhamdulillah* tidak ada denggi.

Sebagaimana yang disebut oleh Ketua Pengarah Kesihatan, ada kawasan panas di Lembah Klang ini, di Kuala Lumpur iaitu di Flat Desa Tunku Mariam, Setiawangsa; Taman Seri Rampai, Setapak; dan Taman Bukit Anggerik di mana kawasan ini merupakan pembiakan nyamuk denggi. Jadi, pertanyaan tambahan saya, apakah usaha dan langkah kerajaan untuk memastikan pembiakan nyamuk yang membawa denggi ini dapat dihapuskan bukan sahaja di kawasan bandar dan kawasan berpotensi dan ini merupakan punca yang mengakibatkan sebaran penyakit ini. Di mana maklumat yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah, denda yang dikenakan kepada mereka-mereka yang terlibat terutama di pusat-pusat pembinaan dan sebagainya yang membiakkan nyamuk aedes ini – RM6 juta pada tahun lalu. Makna penguatkuasaan ini perlu dipertingkatkan lagi. Jadi apakah langkah yang dilakukan oleh kerajaan. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan. Pertamanya, saya ingin menyentuh mengenai kawasan *hotspot* tadi yang disebutkan Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kawasan *hotspot* ini akan berubah dari semasa ke semasa Yang Berhormat ya. Mungkin Yang Berhormat telah merujuk

kepada laporan akhbar yang secara tidak langsung menceritakan mengenai keadaan demam atau kes-kes denggi yang berlaku pada tempoh masa tertentu Yang Berhormat.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga, tindakan dari segi pihak kementerian selain daripada saya sebutkan tadi, sebenarnya kita banyak melaksanakan tindakan-tindakan tetapi yang paling utama yang saya ingin kongsi di Dewan yang mulia ini adalah pengupayaan komuniti itu sendiri Yang Berhormat kerana masalah denggi ini bermula daripada persekitaran. Sekiranya kita ada persekitaran yang bersih, sudah tentu kita akan terkeluar daripada risiko menghadapi masalah denggi ini. Jadi untuk pengetahuan Yang Berhormat, pengwujudan *Communication for Behavioural Impact* (COMBI) di seluruh negara telah berjumlah sebanyak 2,225 di mana program ini merupakan satu program kita mengupayakan komuniti bagi membanteras denggi dan Jawatankuasa COMBI ini Yang Berhormat terdiri daripada mereka pemimpin-pemimpin masyarakat termasuklah ketua kampung.

■1110

Kalau dia kawasan bandar, pengerusi perumahan dan sebagainya. Jawatankuasa ini juga mempunyai partisipasi daripada ahli-ahli politik yang merasakan mereka perlu memberikan peranan bukan sahaja menjalani aktiviti gotong-royong tetapi juga meningkatkan pengetahuan di kalangan komuniti kita.

Jadi denggi ini Yang Berhormat bukan masalah satu pihak sahaja. Bukan masalah Kementerian Kesihatan sahaja semata-mata. Akan tetapi ini merupakan masalah bersama yang perlu kita tangani secara bersama. Jadi amat penting pengupayaan komuniti itu yang sering kita tekankan selain daripada tindakan di peringkat kementerian sendiri seperti yang saya sebutkan tadi daripada awal Yang Berhormat. Tambahan daripada itu untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini juga, Kementerian Kesihatan setakat pada hari ini dalam usaha pengurusan kes demam denggi pada tahun lepas sahaja Yang Berhormat tahun 2011, seramai 8,121 anggota kesihatan yang telah diberikan latihan meliputi 271 pakar perubatan kita 1,713 pegawai perubatan, 5,050 paramedik dan 1,087 lain-lain kategori.

Selain daripada itu Yang Berhormat kita juga menjalankan latihan kepada pegawai perubatan swasta. Jadi kita cuba Yang Berhormat untuk menangani kes ini secara holistik. Tidak hanya menghadkan usaha kita kepada perkara-perkara tertentu sahaja. Untuk juga menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat, kalau dari segi kes, negeri Selangor merupakan negeri yang mencatatkan kes yang paling tinggi iaitu hampir 45% daripada keseluruhan kes yang saya sebutkan tadi iaitu 8,052 pusatnya adalah di negeri Selangor. Di negeri Selangor, sebanyak 3,615 kes setakat 24 April yang telah dilaporkan membawa kepada sembilan kematian. Keduanya adalah Wilayah Persekutuan dan Putrajaya. Sebanyak 868 kes yang membawa tiga kematian.

Oleh daripada itulah Yang Berhormat seperti yang saya jawab lebih awal tadi perubahan dari segi *mentality* dan juga *plus* usaha secara holistik yang melibatkan komuniti amat penting.

Sekiranya Yang Berhormat lihat sendiri negeri Selangor mungkin pengurusan dari segi sampah itu perlu diperbaiki. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat Dato Mustafa.

Dato' Mustafa Kamal bin Mohd. Yusoff: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk mengemukakan soalan tambahan kepada soalan nombor tujuh. Seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi berdasarkan data yang ada pada pihak kementerian, bagaimanakah taburan kes demam denggi ini mengikut *locality* seperti di kawasan bandar-bandar besar berbanding di pekan-pekan kecil di luar bandar dan juga di kawasan pedalaman? Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan yang dikemukakan. Saya telah berkongsi dengan Yang Berhormat Ahli Dewan yang saya muliakan bahawasanya negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai kes yang terbanyak iaitu 3,615 membawa sembilan kematian setakat 24 April tahun ini. Diikuti dengan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya sebanyak 868 kes membawa tiga kematian. Selepas itu Yang Berhormat kita mempunyai negeri Perak membawa kes 563 kes membawa satu kematian.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat daripada data tersebut boleh rangkumkan di sini bahawa kawasan-kawasan bandar yang mempunyai permasalahan denggi yang tinggi dan untuk juga berkongsi saya mungkin boleh maklumkan dengan izin Tuan Yang di-Pertua di negeri Sabah hanya 151 kes membawa satu kematian. Ini hanya merupakan 2% daripada keseluruhan kes kawasan-kawasan luar bandar. Jadi kita boleh melihat. Akan tetapi trend ini akan berubah Yang Berhormat sebab masalah denggi ini bukan terhad kepada satu-satu *locality* sahaja, Ini bergantung kepada bagaimana kita selaku komuniti berusaha ke arah untuk memastikan bahawa kawasan kita bebas daripada denggi. Terima kasih Yang Berhormat.

8. Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menyatakan, apakah usaha-usaha yang dijalankan oleh kementerian dalam menyeragamkan harga barangan keperluan pengguna.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Yang Berhormat Senator, Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya menjawab soalan ini serentak dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Gin Siu Ping bertarikh 26 April 2012 dan Yang Berhormat Datuk Paul Kong Sing Chu bertarikh 10 Mei 2012 adalah berkaitan isu yang sama.

Tuan Yang di-Pertua kerajaan melalui Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Koperasi dan Kepenggunaan sememangnya telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan program penyeragaman harga ke atas barang-barang perlu bersubsidi seperti tepung gandum kegunaan awam, minyak masak, gula, beras ST-15, gas petroleum cecair atau LPG dan petrol serta diesel sejak dari tahun 2009. Sehingga kini kerajaan masih meneruskan program penyeragaman harga

ini untuk menyeragamkan harga barang kawalan yang merupakan barang keperluan di seluruh negara khususnya di kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak supaya penduduk di kawasan pedalaman dapat menikmati harga yang sama seperti di Semenanjung.

Program ini merupakan inisiatif kerajaan bagi mengatasi masalah harga barang keperluan yang tinggi di kawasan pedalaman dan mengatasi masalah bekalan. Melalui program ini kerajaan telah melantik pengedar tempatan untuk membawa barang keperluan seperti beras, gula, tepung gandum, kegunaan am minyak masak, gas petroleum cecair LPG, petrol dan diesel ke kawasan pedalaman.

Selain barang subsidi yang telah ditentukan kerajaan juga telah menetapkan supaya pengedar membawa 50 jenis barang lain bergantung kepada permintaan penduduk setempat. Jika sebelum ini harga barangan kawalan di kawasan tersebut adalah tinggi disebabkan oleh faktor bentuk muka bumi yang meningkatkan kos pengangkutan namun selepas pelaksanaan program penyeragaman harga, penduduk di kawasan pedalaman dapat membeli barangan tersebut pada harga kawalan.

Sebagai contoh sebelum ini di Bario harga Ron-95 dan diesel mencecah sehingga RM5 seliter. Manakala LPG mencecah sehingga RM110 setong bagi 14 kg. Setelah pelaksanaan program ini penduduk Bario dapat membeli petrol Ron-95 pada harga RM1.90 seliter dan LPG pada harga RM26.60 setong. Berkaitan penyeragaman harga semua barang dan perkhidmatan di Sabah dan Sarawak, harga barangan keperluan subsidi telah diseragamkan tetapi tidak bagi semua harga perkhidmatan.

Namun begitu kerajaan melalui produk 1Malaysia yang telah dijual di Sabah dan Sarawak adalah sama dengan harga di Semenanjung. Boleh dikatakan 1Malaysia, satu harga. Menerusi program penyeragaman harga Kementerian telah memastikan bahawa pengedar perlu membawa 60% barangan keperluan subsidi dan 40% barangan produk 1Malaysia di kawasan luar bandar dan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Mempersilakan Yang Berhormat Datuk Haji Yunus.

Datuk Haji Yunus bin Haji Kurus: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah bagaimana konsep subsidi ke atas barangan keperluan harian berjaya mengekang kenaikan melampau harga barangan hari ini? Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Okey, terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Seperti yang telah dinyatakan bahawa dengan adanya subsidi yang telah diberikan oleh pihak kerajaan kepada rakyat hari ini, melalui barang-barang kawalan iaitu seperti diesel, seperti Ron-95, tepung, gula, minyak masak. Oleh sebab itu hari ini rakyat dapat menikmati harga yang murah.

Begitu juga di kawasan-kawasan pedalaman yang telah pun saya nyatakan tadi dengan adanya pembayaran ataupun kerajaan membiayai kos pengangkutan untuk barang-barang ini sampai kepada kawasan pedalaman khususnya di Sabah dan Sarawak hari ini rakyat di pedalaman hari ini menikmati harga yang sama seperti di Sabah, Sarawak dengan Semenanjung. Sekian, terima kasih.

■1120

Datuk Maijol Mahap: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana sentiasa mencari jalan untuk bagaimana kita boleh mencapai satu harga yang seragam di seluruh Malaysia ini. Akan tetapi saya ingin tanya kepada kementerian Tuan Yang di-Pertua bahawa sedarkah kementerian bahawa satu faktor utama kenapa harga barang di Semenanjung dan Sabah dan Sarawak itu tidak sama atau susah diseragamkan ialah disebabkan oleh satu dasar yang dipanggil *Cabotage Policy* atau Dasar Kabotaj. Di Sabah ini mereka panggil dasar sabotaj, bukan kabotaj. Disebabkan Tuan Yang di-Pertua kapal-kapal yang mengangkut barang-barang daripada tempat lain ke negeri Sabah ini mestilah menggunakan kapal-kapal yang didaftarkan di Malaysia ini.

Ertinya hanya kapal-kapal daripada Port Klang ini yang boleh menghantar barang-barang ke Kota Kinabalu. Hong Kong begitu dekat tidak boleh. Kapal daripada Hong Kong tidak boleh menghantar barang ke Kota Kinabalu. Begitu juga Vietnam tidak boleh menghantar, mesti daripada Port Klang. Oleh itu, ada perbezaan harga barang antara di Semenanjung dan di Sabah. Sebanyak 20% hingga 30% bezanya Tuan Yang di-Pertua. Jadi selagi *Cabotage Policy* ini tidak dihapuskan selagi itulah perbezaan harga itu adalah masih ketara lagi. Jadi minta jawapan daripada kementerian Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Dato' Tan Lian Hoe: Terima kasih Yang Berhormat Senator atas soalan tambahan. Untuk makluman Yang Berhormat, Polisi Kabotaj ini sebenarnya adalah pihak kerajaan membenarkan iaitu kapal-kapal mengangkut barang-barang terus ke destinasi. Masalahnya timbul di sini ialah di Sabah, Sarawak dan juga di Labuan disebabkan kerana kuantiti yang dibawanya adalah begitu kecil maka selalunya kapal akan berhenti di Pelabuhan Klang dahulu untuk mengangkut barang-barang, lepas itu mereka akan berhenti di pelabuhan di Kota Kinabalu dan sebagainya. Ini disebabkan kerana akibat daripada kuantiti yang ditempah oleh sesuatu kawasan itu adalah tidak besar hingga boleh menyebabkan kerugian kepada pihak syarikat perkapalan. Sekian, terima kasih.

9. **Dato' Mohammed Najeed bin Abdullah** minta Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat menyatakan, apakah strategi jangka panjang untuk membendung dan menghapuskan kutu-rayau, pengemis dan gelandangan terutamanya yang berasal dari negara luar.

Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat [Datuk Heng Seai Kie]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat amat prihatin dan memandang serius akan isu kutu-rayau, pengemis dan golongan gelandangan ini. Justeru, bagi menangani isu tersebut JKM menjalankan operasi menyelamatkan secara berkala di seluruh negara. Berdasarkan peruntukan di bawah seksyen 3 Akta Orang-orang Papa 1977. Sepanjang tahun 2011 sebanyak 1,190 operasi menyelamatkan pengemis atau kutu-rayau telah pun diadakan di seluruh negara yang merangkumi operasi berkala,

operasi berjadual, operasi ad-hoc dan aduan awam. Seramai 1,408 orang pengemis ataupun kutu-rayau telah berjaya diselamatkan dalam operasi tersebut.

Bagi menangani isu golongan gelandangan pula, kementerian telah mengambil pendekatan secara holistik ataupun secara menyeluruh dengan penglibatan pelbagai agensi. Sehubungan itu, satu jawatankuasa khas bagi menangani isu golongan gelandangan yang diterajui oleh Ketua Setiausaha kementerian ini telah pun ditubuhkan pada bulan Mac 2010. Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelaras program serta merangka tindakan bersepadu antara agensi-agensi kerajaan dan pertubuhan sukarela yang berkaitan.

Bagi memastikan golongan gelandangan ini mendapat pembelaan sewajarnya daripada kerajaan antara langkah yang diambil oleh pihak kementerian melalui agensi utamanya iaitu Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Yayasan Kebajikan Negara ialah dengan mewujudkan pusat sehenti intervensi bagi menangani golongan gelandangan di Kuala Lumpur yang dikenali sebagai Anjung Singgah. Anjung Singgah mula beroperasi pada 9 April 2011.

Walau bagaimanapun, pusat intervensi ini hanya memberikan perlindungan kepada gelandangan tempatan sahaja agar mereka dapat diintegrasikan semula ke dalam masyarakat supaya tidak terus tercicir daripada arus perdana pembangunan negara. Dari mula ia beroperasi hingga Februari 2012 terdapat seramai 458 orang golongan gelandangan tempatan yang telah mendapat perkhidmatan di sini. Disebabkan terdapat keberkesanan pelaksanaan Anjung Singgah ini, maka sewaktu membentangkan Bajet 2012 Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah mengumumkan untuk memperluaskan penubuhan Anjung Singgah ini ketiga buah negeri yang lain iaitu Johor, Pulau Pinang dan Sarawak.

Selain penubuhan Anjung Singgah, golongan pengemis dan kutu-rayau yang diselamatkan bagi mereka yang kurang daripada 60 tahun dan masih produktif mereka akan ditempatkan di Desa Bina Diri. Manakala bagi warga emas yang berumur lebih daripada 60 tahun dan ke atas mereka akan diberikan perlindungan di Rumah Seri Kenangan. Langkah ini adalah bagi memastikan kebajikan kesejahteraan dan kelangsungan hidup mereka terjamin. Di kedua-dua Desa Bina Diri dan juga Rumah Seri Kenangan ini mereka akan menjalani pemulihan dan latihan kerjaya bagi tempoh tidak melebihi tiga tahun. Bagi Rumah Seri Kenangan mereka akan diberikan rawatan perubatan, penjagaan kesihatan dan bimbingan kaunseling. Sebagai tambahan mereka turut mengikuti latihan vokasional, pertanian, kraftangan, bimbingan agama dan rekreasi. Bagi golongan gelandangan yang mempunyai keluarga mereka akan dikembalikan ke pangkuan keluarga masing-masing dan akan dipertimbangkan bantuan kebajikan yang bersesuaian sekiranya layak.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pengemis asing pula mereka akan diserahkan terus kepada Jabatan Imigresen untuk tindakan selanjutnya. Usaha untuk membanteras kutu rayau, pengemis dan gelandangan khususnya warganegara asing akan terus dilakukan dari semasa ke semasa demi menjaga imej baik negara. Sekian.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan. Walaupun soalan saya tadi berbentuk *long term*. Apakah strategi *long term*? Jadi nampaknya sebagai *stop gap measure* sahaja. Walau bagaimanapun, apakah bezanya pengemis dengan mereka ini yang meminta bantuan tunai ataupun kewangan daripada orang ramai yang berselindung di sebalik bakat mereka umpamanya boleh bermain bakat muzik ataupun memakai pakaian-pakaian yang boleh menarik. Mereka hanya meletakkan sebuah topi di depan mereka dan menagih simpati daripada orang yang lalu-lalang.

Kedua, gelandangan. Saya tertarik dengan usaha kementerian yang menubuhkan Anjung Singgah dan saya dapati Anjung Singgah telah dapat mengubah struktur hidup sebahagian daripada mereka yang saya lihat baru-baru ini dalam TV di mana bekas Menteri sendiri turun ke kawasan-kawasan ini, dan menggalakkan mereka berniaga dan sudah menampakkan kejayaan. Adakah ini akan diteruskan dengan lebih berlipat ganda lagi? Terima kasih.

■1130

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang telah dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, bagi mereka yang membuat persembahan di jalan untuk mendapatkan upah, saya tidak beranggapan bahawa mereka ini harus dianggap sebagai pengemis. Mereka haruslah diberi penghormatan sebagai artis iaitu yang menjadikan persembahan itu sebagai satu cara untuk mereka mendapatkan punca pendapatan.

Bagi menjawab isu yang kedua yang telah dibangkitkan, seperti mana yang saya nyatakan tadi, Anjung Singgah ini akan diperluaskan ke tiga buah negeri lagi iaitu di Johor, Sarawak dan Pulau Pinang di bawah peruntukkan Bajet tahun 2012. Sekian, terima kasih.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Puan Doris Sophia ak Brodi) **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Puan Chew Lee Geok: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ingin bertanya bagaimana mengenai orang yang tidak waras, orang yang tidak siuman yang merayau-rayau di jalan itu? Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat? Terima kasih.

Datuk Heng Seai Kie: Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tambahan yang dikemukakan. Tuan Yang di-Pertua, bagi mereka yang dikenal pasti sebagai tidak waras semasa operasi dijalankan, mereka akan terus dihantar ke hospital atau institusi kesihatan yang berkaitan untuk tindakan selanjutnya. Sekian, terima kasih.

10. Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan, status terkini 'krisis DBP-Dawama' yang beberapa bulan lalu bukan sahaja mengancam kelancaran penerbitan buku-buku teks sekolah, malah masing-masing mengancam hendak saling saman menyaman.

Timbalan Menteri Pelajaran I [Datuk Dr. Wee Ka Siong]: Tuan Yang di-Pertua, perjanjian konsesi Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) bersama Dawama masih dalam penelitian pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS) Jabatan Perdana Menteri. Selain itu, isu-isu yang berbangkit berkaitan DBP-Dawama telah dibincangkan dalam mesyuarat khas yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada 17 April yang lalu. Antara keputusan yang telah dicapai ialah pihak UKAS diminta meneruskan rundingan bersama pihak Dawama dengan penglibatan DBP bagi menyelesaikan segera isu tersebut manakala saman oleh pihak Dawama ke atas Dewan Bahasa dan Pustaka telah ditarik balik pada 21 Mac 2012. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Boleh saya tahu sekiranya ada *dateline* untuk perundingan ini sebab soalan ini sebenarnya saya telah timbulkan dua atau tiga sesi Mesyuarat Dewan Negara yang lalu tetapi jawapan yang saya terima ialah sedang berunding, sedang berunding dan sedang berunding. Jadi saya cadangkan kalau boleh diadakan satu *dateline* bila agaknya perundingan itu akan mencapai kata putusya. Terima kasih.

Datuk Dr. Wee Ka Siong: Terima kasih Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu ini. Ingin saya memaklumkan kepada Yang Berhormat, ini adalah perkembangan terkini di mana satu Mesyuarat yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada minggu lalu telah membuat satu keputusan. Jadi kalau sebelum ini pertikaiannya berkisarkan kepada penerbitan buku teks, pencetakan buku teks, kenapa tidak diberikan kepada Dawama yang mempunyai hutang yang melebihi RM135 juta dan mereka pun tidak ada keupayaan untuk membeli kertas. Kalau kita lihat pada tahun lalu, pertikaiannya adalah tentang kontrak, kenapa kita tidak bagi kepada Dawama. Dari satu sudut lain, kementerian berdepan dengan satu situasi di mana kalau kita tidak mencetak buku, kita menghadapi masalah untuk bekalan buku tahun 2012.

Kita faham Dawama ini dia melibatkan sukuk iaitu kita kena bayar wang melalui pemegang amanah di mana pemiutang-pemiutangnya jumlahnya adalah melebihi RM135 juta. Jadi apabila kita hendak membuat satu keputusan, biarlah melibatkan UKAS iaitu satu badan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan kita melihat. Kita tidak berniat untuk menamatkan kontrak dengan Dawama seperti mana yang saya jawab, dan kini adalah cara untuk kita mencari satu kaedah.

Baru-baru ini Dawama datang semula ke Dewan Bahasa dan Pustaka dan memaklumkan kepada kerajaan bahawa mereka ini dalam proses untuk mendapatkan pemilik saham baru di mana saya ingin memaklumkan, Utusan Print Corp. adalah antara yang disebut-sebutkan akan mengambil alih saham. Oleh kerana proses pemilikan saham oleh pemegang saham yang baru belum lagi disempurnakan, maka dalam mesyuarat yang lalu kita minta supaya UKAS memantau supaya mempercepatkan.

Sesambil kita menunggu ini, kalau mereka dapat menyempurnakan pemilikan saham secara rasmi dan diserahkan kepada pemegang amanah yang baru dengan menyelesaikan apa yang telah dijanjikan dengan pemiutang, maka kita tidak ada masalah untuk serahkan balik kerana

mengikuti kontrak asal, itu bukan semata-mata untuk mencetak buku. Banyak lagi kerja-kerja pemasaran, majalah, judul 10 itu banyak kita hendak bagi. Ini sebagai salah satu tanggungjawab Dawama untuk memasarkan buku-buku yang diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Jadi secara ringkasnya ingin saya maklumkan, baru seminggu dan UKAS ini diberi tanggungjawab dan kita hendak melihat sekadar mana mereka boleh mempercepatkan proses pemilikan saham. Kalaulah Dawama ini dapat distrukturkan semula dengan cepat, maka kita tidak ada masalah dan kita pulih seperti sedia kala. Terima kasih.

11. Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan, rancangan jangka pendek, sederhana dan jangka panjang dalam menganalisis Data Terbaru Taburan Hujan Negara dan takungan air bagi mengelakkan berlakunya bencana banjir kilat di seluruh negara.

Timbalan Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, data dan maklumat berkaitan taburan hujan diperoleh melalui pemantauan sejumlah 1,090 buah stesen hujan di seluruh negara oleh Jabatan Pengairan dan Saliran Malaysia atau JPS di bawah rangkaian stesen hidrologi negara. Berdasarkan data mengenai rekod intensiti dan jumlah hujan ini, pihak JPS menjalankan analisis dan reka bentuk hidrologi secara berterusan. Rekod dan data hujan tersebut juga diubah bentuk untuk menyediakan dan mengemas kini garis panduan manual atau prosedur reka bentuk hidrologi secara berkala.

Selain itu, analisis terperinci juga dibuat untuk mengenal pasti faktor kejadian banjir. Sementara itu, kajian-kajian mengenai kesan perubahan iklim di Malaysia telah dijalankan oleh Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM). Hasil kajian ini telah mengenal pasti peningkatan yang luar biasa dalam intensiti, kekerapan dan jumlah hujan serta perubahan kadar aliran sungai. Peningkatan ini berpotensi untuk menyebabkan bencana seperti kejadian banjir monsun dan banjir kilat. Data-data kajian ini digunakan untuk menambah baik analisis dan reka bentuk hidrologi serta diadaptasikan kepada garis panduan, manual dan prosedur hidrologi yang sedia kala ada.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, analisis data dan maklumat tersebut digunakan untuk perancangan dan pelaksanaan program jangka pendek dan jangka panjang untuk mengatasi masalah-masalah kejadian banjir dan inilah ada termasuk:

- (i) penyediaan kajian Pelan Induk Saliran Bandar dan kajian Pelan Induk Saliran Mesra Alam;
- (ii) penyediaan Manual Saliran Mesra Alam atau MASMA termasuk aspek saiz kolam takungan dan kapasiti sistem saliran untuk pelaksanaan oleh pihak berkuasa tempatan dan pihak-pihak berkepentingan yang lain;
- (iii) pembinaan infrastruktur saliran jalan raya dan lebuhraya; dan
- (iv) lain-lain struktur hidraulik projek tebatan banjir.

Sekian, terima kasih.

■1140

Timbalan Yang di-Pertua: Soalan tambahan Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya ialah adakah kerajaan melaksanakan penaksiran risiko bagi memastikan kapasiti empangan atau kawasan tadahan hujan di bawah seliaan Jabatan Pengairan dan Saliran tidak menyebabkan berlakunya limpahan besar ataupun melepasi had kapasiti maksimum sesebuah empangan itu. Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sememangnya ada kajian kita jalankan dan ini merangkumi dalam semua aspek. Pertama, bagi kami untuk menjalankan kajian risikan akibat daripada banjir itu ialah penyediaan memberitahu kepada orang umum terlebih dahulu. Di mana kita sedia berapa amaran apabila sahaja hujan turun dan setelah itu kemungkinan besar banjir berlaku. Setelah kita menjalankan kajian itu maka kita juga membuat atas sebab risiko yang akan dihadapi oleh penduduk-penduduk di sesuatu tempat. Ini yang mungkin mengalami masalah banjir kemudian ialah beberapa langkah yang kita buat untuk mengurangkan risiko ini atau mengelakkan risiko ini berlaku kepada penduduk-penduduk orang yang mungkin kena banjir kemudian akibat daripada hujan lebat itu.

Pertama inilah langkah-langkah bagi kami untuk mengatasi banjir dan seterusnya mengambil kira risiko yang akan dialami oleh penduduk-penduduk yang mungkin terlibat itu, iaitu:

- (i) kami mengenal pasti kawasan yang sering dilanda banjir dan mengkaji punca-punca banjir serta menyediakan peta *hazard* banjir atau dengan izin, *the flood hazard map*;
- (ii) penyediaan pelan induk tebatan banjir bagi lembangan-lembangan sungai;
- (iii) penyediaan pelan induk saliran bandar untuk diguna pakai dan dijadikan panduan untuk semua pihak berkuasa tempatan untuk semua jenis pembangunan;
- (iv) melaksanakan langkah-langkah struktur seperti menaik taraf sistem saliran, membina benteng banjir, menggantikan struktur di saluran utama, menghalang laluan air, membina rumah pam dan membina kolam-kolam takungan;
- (v) melaksanakan langkah bukan struktur seperti ramalan banjir, *flood forecasting* dan sistem amaran awal banjir.

Ini untuk makluman Dewan yang mulia ini, merangkumi infrastruktur rangkaian sistem telemetri hujan seperti saya katakan sebentar tadi itu. Kita akan memberi amaran kepada orang-orang yang mungkin terlibat mengalami masalah banjir akibat daripada hujan lebat. Kami akan memberi amaran dan satu teknologi yang begitu *advance* sekali ialah dinamakan sistem telemetri hujan, siren dan papan amaran banjir. Tujuan ini adalah untuk menyebarkan amaran awal banjir supaya rakyat yang tinggal di kawasan banjir boleh bersedia dan pengurusan bantuan bencana banjir dapat dilaksanakan dengan lebih berkesan.

Akhirnya pemantauan oleh pemaju projek terhadap garis panduan manual mesra alam dan pelan kawalan hakisan dan endapan atau dengan izin, *Erosion and Sediment Control Plan* yang disediakan oleh JPS dan diterima pakai, dikuatkuasakan oleh pihak berkuasa tempatan. Bukan sahaja kami mengetahui menjalankan risiko yang akan dialami oleh penduduk-penduduk berkenaan tetapi setelah itu kita mengambil tindakan terlebih awal terlebih dahulu. Memberi amaran dan seterusnya membuat sesuatu perancangan supaya risiko itu akan dapat dikurangkan atau ditangani sama sekali. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Menteri. Okey kita minta Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah soalan tambahan.

Dr. Ramakrishnan a/l Suppiah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini ada satu laporan di surat khabar mengenai empangan Bekuk di mana di sekeliling empangan itu ada banyak *deforestation* sebab kegiatan pekebun kecil dan petani-petani *clear forest*. Ini akan jejakkan *water catchments* dan juga *contaminate* air di empangan itu. Saya rasa *surprise* lah sebab macam mana satu perkara yang penting telah di biar begini dan kementerian dan pihak Syarikat Air Johor pun dengan sikap waswas.

Saya juga difahamkan bahawa ada *security guard* satu orang sahaja di situ. Kawasan yang begitu penting keselamatan tidak lengkap. Apakah tindakan yang diambil untuk menaikkan keselamatan di situ? Terima kasih.

Tan Sri Datuk Seri Panglima Joseph Kurup: Terima kasih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sebenarnya aktiviti untuk menjalankan sesuatu penebangan kayu atau apa yang dirujuk oleh Yang Berhormat *deforestation*. Ini sebenarnya mungkin ia berlaku atas sebab ada pembangunan menyebabkan bahawa kayu-kayu itu ditebang. *Now*, dari segi Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling kalau sekiranya kawasan itu merangkumi kurang 500 ke atas maka ia memenuhi EIA. Ini sebenarnya EIA terlebih dahulu mesti diperolehi. Akibat daripada itu, dalam EIA itu ada syarat-syarat yang dikaitkan kepada pihak pembangunan itu. Ini sahaja yang saya boleh jawab di sini Yang Berhormat oleh kerana pembalakan ini sebenarnya pengawasan dan pemantauan ialah di bawah bidang kerajaan negeri.

Walau bagaimanapun kita mempunyai satu Majlis Tanah Negara, di mana semua Ketua Menteri terlibat untuk membincangkan berkaitan dengan sesuatu isu berkaitan dengan aktiviti *deforestation* ini. Di dalam itu kita memberi garis panduan dan kami mengharapkan sangat agar semua kerajaan negeri mematuhi ketetapan-ketetapan yang dicapai dalam perbincangan itu. *Security guard* ini, kemungkinan berkaitan dengan *security guard* yang di sana. Saya tidak tahu sama ada ini daripada Kerajaan Persekutuan atau kerajaan negeri tetapi saya beranggapan bahawa *the provision of security* ini menjaga dengan tempat-tempat di sini ialah diberi oleh kerajaan negeri. Sekian.

12. Tuan Baharudin bin Abu Bakar [Di bawah P.M. 23(2)] minta Menteri Kewangan menyatakan, kajian semula kuasa CTOS dan CCRIS yang berlarutan hingga kini dan sekali gus telah menyusahkan rakyat dalam negara ini.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat agensi-agensi pelaporan kredit swasta adalah tertakluk di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 termasuk CTOS Sdn. Bhd.

1150

Akta tersebut sedang dilaksanakan dengan penubuhan Pejabat Pendaftar Agensi Pelaporan Kredit (PPAPK) di bawah Kementerian Kewangan. Kerja-kerja awas sedang dijalankan oleh Pejabat Pendaftar seperti sesi konsultasi bersama pemain utama industri pelaporan kredit termasuk CTOS Sdn Bhd. Sesi konsultasi tersebut merangkumi perbincangan secara menyeluruh mengenai peraturan dan garis panduan yang akan dilaksanakan. Selain itu, draf Peraturan Pendaftaran pembaharuan dan pembatalan perakuan pendaftaran 2012 dan draf Peraturan Pengkompaunan 2012 adalah proses untuk diwartakan dalam masa terdekat. Dengan penubuhan Pejabat Pendaftar, kesemua agensi pelaporan kredit di Malaysia perlu mengemukakan permohonan pendaftaran sebagai agensi pelaporan kredit bagi membolehkan mereka menjalankan perniagaan pelaporan kredit.

Di bawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010, Agensi Pelaporan Kredit bertanggungjawab untuk mengemaskinikan maklumat dan data kredit di dalam pangkalan data masing-masing. Selain itu, Agensi Pelaporan Kredit juga perlu menyediakan satu sistem bagi memudahkan orang awam untuk mengakses maklumat kredit mereka. Akta tersebut memperuntukkan setiap Agensi Pelaporan Kredit untuk mendapatkan persetujuan pelanggan sebelum menzahirkan laporan kredit kepada pihak ketiga seperti institusi kewangan. Sementara akta dikuatkuasakan, Agensi Pelaporan Kredit telah bersetuju untuk mematuhi peruntukan-peruntukan di bawah akta. Terima kasih.

13. Puan Hajah Noriah binti Mahat minta Perdana Menteri menyatakan, apakah peranan institusi sosioekonomi Islam seperti zakat, baitulmal dan lain-lain dalam memberi bantuan dan membiayai pelajar melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi dan bagi mengelakkan bekas graduan dibebani hutang belajar.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim]: Tuan Yang di-Pertua, dana zakat telah digunakan dengan sebaik mungkin menerusi pelbagai program-program bantuan zakat yang diwujudkan. Program ini bukan hanya untuk tujuan pendidikan sahaja, tetapi membantu semua lapan kategori asnaf dan antara program bantuan zakat yang disediakan merangkumi program pembangunan sosial, program pembangunan insan, program pembangunan institusi agama serta tidak ketinggalan program pembangunan ekonomi dan juga pendidikan. Bantuan wang zakat bagi membiayai pengajian di peringkat universiti diberikan dalam pelbagai bentuk seperti membiayai sebahagian yuran pengajian, pembelian buku dan wang saku, dan pemberian yang diberikan kepada pelajar adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang ditetapkan oleh negeri-negeri berkenaan dan jumlah juga bergantung kepada kemampuan dan jumlah kutipan zakat yang diperoleh oleh MAIN.

Pembiayaan ini diberikan hanya kepada pelajar yang layak dan terpilih. Sebagai contoh, Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) telah turut mengambil peranan membantu untuk membiayai pelajar ke pengajian institusi pengajian tinggi melalui skim-skim bantuan zakat yang disediakan. Antaranya adalah skim bantuan am pelajaran institusi pengajian tinggi, skim biasiswa insentif khas pelajar cemerlang, skim bantuan persediaan IPT yang mana pada tahun 2011 seramai 3989 pelajar telah menerima bantuan di bawah skim-skim ini dengan jumlah keseluruhan bantuan adalah RM14.94 juta. MAIWP juga memberi bantuan kepada pelajar-pelajar yang bermasalah bagi membiayai hutang yang tertunggak melalui skim menyelesaikan hutang di dalam *Asnaf Al-Gharimin* dengan syarat pelajar masih dalam pengajian. Bagi mereka yang telah tamat pengajian atau sudah bekerja, MAIWP setakat ini tidak menyediakan bantuan bagi kes-kes seperti berhutang dengan pihak PTPTN atau lain-lain. Walau bagaimanapun, MAIWP dari semasa ke semasa sentiasa mengambil langkah proaktif menambah baik skim-skim bantuan sedia ada bagi memastikan ianya relevan dengan keperluan semasa. Terima kasih.

Puan Hajah Noriah binti Mahat: Terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana menjawab dengan begitu lengkap. Cuma saya hendak tanya sikit soalan tambahan. Setakat ini berapa ramai yang telah menerima bantuan zakat baitulmal di seluruh negara ini? Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat, sebenarnya kutipan zakat dan juga agihan kepada pelajar-pelajar ini adalah di bawah negeri-negeri. Bagi pihak Kerajaan Pusat, kita boleh mendapatkan maklumat ini secara *detail* bila kita membuat permohonan dari negeri-negeri untuk mendapatkannya. Saya hanya boleh memberi kepada Yang Berhormat makluman daripada Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan yang di bawah kita, selainnya adalah daripada Majlis Agama Islam Negeri yang di bawah kuasa Sultan. Sekiranya Yang Berhormat berkeperluan daripada negeri-negeri tertentu, saya boleh mendapatkan makluman untuk diberi jawapan secara bertulis Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya ialah, dirasakan masih ramai umat Islam yang tidak menyedari bahawa hasil pendapatannya itu bahawa dia wajib membayar zakat, terutamanya yang berpendapatan tinggi. Sebagai contoh, jumlah pemberi zakat daripada golongan ini boleh dikatakan berkurangan. Jadi apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan terutama di Wilayah Persekutuan dan juga di negeri untuk menyelaraskan supaya kesedaran ini, kerana wang zakat ini bagi orang Islam, dia tidak boleh makan, bukan duit dia, haram. Akan tetapi ramai yang tidak sedar bahawa kena bayar. Keduanya, apa yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri hanya melibatkan MAIWP, sedangkan kutipan zakat di negeri-negeri di bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan negeri-negeri, dan adakah kerajaan tidak bercadang untuk menyelaraskan supaya kutipan zakat dapat diperluaskan lagi bagi tiap-tiap negeri dalam bentuk memberi kesedaran kepada orang ramai seperti mana kesedaran yang diberikan terhadap zakat tanaman.

Di Kedah, padi itu merupakan zakat tanaman yang mempunyai kesedaran yang begitu besar sehingga meningkat dengan banyaknya, saya tidak ingat jumlahnya. Terima kasih.

Dato' Dr. Mashitah binti Ibrahim: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya Yang Berhormat, saya pun bersetuju dan kita sedar bahawa zakat merupakan satu kewajipan yang sama pentingnya seperti rukun-rukun Islam yang lain. Kempen ke arah menyedarkan masyarakat bahawa zakat juga perlu dikeluarkan seperti mana solat yang wajib dan juga puasa serta tuntutan-tuntutan yang lain memang dibuat. Sebagai tandanya ialah di Wilayah Persekutuan sahaja. Pada tahun lalu kita berjaya membuat kutipan sebanyak RM341.33 juta di Wilayah Persekutuan yang merupakan tangga kedua tertinggi setelah negeri Selangor. Bagi tahun 2010 sahaja, jumlah kutipan seluruh negara adalah berjumlah RM1.3 bilion. Jumlah ini semakin meningkat daripada tahun ke tahun dan ini membuktikan bahawa adanya kesedaran di kalangan masyarakat. Namun demikian, kempen ke arah menggalakkan masyarakat tentang kesedaran dari segi meletakkan *banner* dan sebagainya tidak ditinggalkan dan begitu juga dipermudahkan proses membayar zakat ini melalui e-Zakat dan sebagainya telah diperkenalkan.

Berkenaan dengan soalan yang kedua, memang saya memberi jawapan berkenaan dengan zakat ini yang berkaitan dengan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) kerana yang lainnya berada di makluman negeri-negeri dan kita memang sedikit sebanyak menyelaraskan apa yang ada di negeri-negeri melalui Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR) di mana ada pertemuan daripada Majlis Agama Islam negeri-negeri, setiap tahun diadakan untuk melihat permasalahan-permasalahan yang boleh dikongsi dan diselesaikan bersama, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Maka setakat inilah sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan kita pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

■1200

USUL

MENJUNJUNG KASIH TITAH UCAPAN SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG

Aturan Mesyuarat dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara Malaysia di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-banyak syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Ucapan Seri Paduka Baginda semasa membuka Penggal Kelima, Parlimen Yang Kedua Belas.” **[24 April, 2012]**

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat-Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan sesi perbahasan ucapan Titah Diraja kita pada hari ini, saya ingin memperingatkan kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat, bahawa kita cuma ada hari ini dan esok, Khamis 26 April untuk membahaskan Ucapan Titah Diraja. Minggu hadapan iaitu hari Rabu dan hari Khamis sudah diperuntukkan bagi kementerian menjawab.

Jadi memandangkan esok *last day*, kalau semua hendak bercakap esok, nanti berebut-rebut pula dan masa pun terhad. Jadi, saya mintalah kerjasama Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian supaya siapa yang hendak bercakap hari ini dan juga esok supaya menghantar nama masing-masing agar senang untuk kita mencatur masa untuk hari dan sesi perbahasan esok. Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah untuk berucap. Terima kasih.

12.01 tgh.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk mengambil bahagian menyokong usul menjunjung kasih atas Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Duli Yang Maha Mulia Baginda Membuka Penggal Kelima Parlimen Yang Kedua Belas ini pada 12 Mac yang lalu.

Sebelum saya menyentuh beberapa butir yang spesifik mengenai ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong itu, saya ingin menyentuh secara umum semangat atau signifikan daripada titah ucapan tersebut. Saya melihat dan saya mengenang kita semua untuk menyedari bahawa amalan ucapan tersebut atau amalan titah ucapan tersebut adalah suatu bentuk pengisian tradisi kehidupan kita kepada negara yang telah kita amalkan selama lebih 50 tahun. Saya sengaja menekankan pengisian tradisi kerana sejak akhir-akhir ini sudah kedapatan gejala-gejala di mana tradisi itu seakan-akan diinjak-injak sedangkan yang menjadi kekuatan kita sebagai sebuah negara selama ini ialah penghormatan dan *observation* kita dengan izin terhadap tradisi itu.

Tersirat dalam semangat Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Yang di-Pertuan Agong itu ialah bahawa falsafah kepimpinan negara selama 50 tahun yang lalu yang berpedomankan dua konsep telah membawa kita kepada kejayaan setakat ini. Dua konsep yang saya maksudkan itu ialah perubahan dengan kesinambungan. Dengan izin, kalau boleh saya terjemahkan dalam bahasa Inggeris, *change with continuity* yang dalam kalau boleh saya menggunakan jargon ilmu sains sosial disebut ini sebagai *dynamic equilibrium*. Inilah yang menjadi rahsia kejayaan kita selama ini dan inilah yang kita dalam Dewan ini dan seluruh rakyat bertanggungjawab untuk mempertahankannya.

Kekuatan dan keistimewaan pimpinan negara selama 50 tahun yang lalu ialah melakukan kesinambungan tanpa melupakan tradisi. Ertinya, kita berjaya menyeimbangkan amalan-amalan *modernity* dengan tradisi. Kita berjaya mengamalkan perseimbangan antara akal dan akar dan kemudian oleh Yang Amat Berhormat Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib, konsep akal dan akar ini diubahsuai dengan konsep glokal, memberi keseimbangan antara kepentingan-kepentingan nokal dengan kepentingan-kepentingan yang lebih universal.

Dalam perbilangan adat perpatih, ada disebut, 'rasa dibawa naik, periksa dibawa turun' atau dalam bahasa aslinya, *raso* (perasaan) dibawa *naiak*, *pareso* (otak) dibawa turun. Ini adalah satu ajaran bagaimana kita perlu menyeimbangkan antara fikiran yang rasional dengan emosi yang kadang-kadang terlalu dikendalikan oleh perasaan.

Hal ini keperluan untuk mengadakan perseimbangan ini kemudiannya telah dilanjutkan lagi dengan konsep yang terakhir oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu dengan konsep *wasatiyyah* iaitu konsep kesederhanaan. Oleh sebab itu, konsep menghargai tradisi itu, menghargai tradisi termasuk tradisi memberi titah ucapan seperti yang disampaikan oleh Duli Yang Mulia Yang di-Pertuan Agong pada 12 Mac yang lalu haruslah kita pertahankan. Jangan ada pihak-pihak yang berangan-angan hendak menjadikan negara ini sebagai sebuah negara republik.

Saya sebut hal ini kerana sejak akhir-akhir ini terdapat gejala-gejala untuk mengabaikan tradisi kononnya untuk modenisasi atau untuk demokrasi. Kita harus juga bersikap bijaksana dalam menilai demokrasi itu kerana rasanya tidak semua amalan demokrasi sesuai dengan budaya politik kita di negara ini. Ertinya dalam keghairahan melakukan perubahan, tradisi harus dihargai. Modenisasi penting kerana ia akan menjamin dinamisme. Tradisi juga tidak kurang penting kerana ia akan menjamin kestabilan. Keupayaan kita mengadun dinamisme dengan kestabilan, itulah rahsia kejayaan kita selama 50 tahun yang lalu.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mencelah?

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, silakan.

Tuan Haji Ahamat @ Ahamad bin Yusop: Terima kasih. Terima kasih Yang Berhormat Dr. Firdaus. Yang Berhormat ada menyebut tentang adanya gerakan sebahagian daripada atau kumpulan-kumpulan yang bercita-cita untuk menjadikan negara ini sebuah negara republik. Dengan lain perkataan, menolak sama sekali Perlembagaan yang meletakkan Raja-Raja kita sebagai pemimpin negara. Bolehkah Yang Berhormat huraikan sedikit-sebanyak tentang kumpulan-kumpulan tersebut. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Saya... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Akan tetapi barangkali Yang Berhormat Tuan Haji Ahamad Yusop juga menyedari tentang tingkah laku dan tabiat setengah-setengah pihak sejak akhir-akhir ini sama ada secara tersirat, secara diam-diam melalui blog, melalui internet umpamanya membuat sindiran-sindiran ke arah itu. Kita bukanlah terlalu bodoh untuk tidak memahami apa maksud mereka. Jadi, kita haruslah berwaspada terhadap perbuatan-perbuatan dan tabiat-tabiat yang seperti ini. Kita ingat kira-kira tiga, empat tahun yang lalu ada gejala-gejala, ada orang yang menghalang Duli Yang Maha Mulia Sultan Perak atau Raja Muda Perak dengan membaringkan diri di tengah jalan. Satu perbuatan yang saya rasa amat tidak sopan dan itu adalah satu contoh.

■1210

Baru-baru ini kita dengar, kita baca di surat khabar sesetengah pihak mengejek-ejek Raja-Raja Melayu di Majlis Pertabalan walaupun dilakukan secara diam-diam. Ini adalah gejala-gejala yang kita bimbangkan akan memporak-perandakan kejayaan yang telah kita bina, yang telah

dibina oleh pendahulu-pendahulu kita sebelum ini. Inilah yang kita takutkan kalau sekiranya kita tidak mempunyai keseimbangan, tidak mempunyai kebijaksanaan menyeimbangkan antara tradisi dan *modernity* itu.

Sekali lagi saya katakan, kalau sekiranya angan-angan hendak menjadikan negara ini sebagai republik dilanjutkan terus dengan pelbagai perbuatan sama ada perbuatan yang kelihatannya dilihat sebagai keanak-anakan atau perbuatan yang seakan-akan berselindung di sebalik hak asasi manusia atau perbuatan yang berselindung dengan hujah-hujah yang kononnya intelektual. Maka, akhirnya porak-perandalah yang akan menimpa kita. Saya harap jawapan itu akan dapat menjawab sebahagian daripada apa Yang Berhormat tanyakan.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, kerajaan dan seluruh barisan pimpinannya kerana kejayaan pencapaian ekuiti dalam pemilikan harta korporat bumiputera yang sudah mencapai 23.9% seperti diumumkan dua, tiga hari yang lalu. Ini melewati daripada peratusan yang kita peroleh sewaktu Dasar Ekonomi Baru ditamatkan kira-kira sepuluh tahun yang lalu.

Pada waktu itu, pencapaian ekuiti bumiputera dalam pemilikan harta korporat hanyalah 19% atau 20% sahaja. Sekarang sudah mencapai kepada 23.9%. Sesuai dengan harapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda seperti yang tercatat pada halaman 8 dalam Titah Baginda yang mengatakan saya baca, "*Adalah menjadi hasrat kerajaan Beta agar manfaat kemakmuran ekonomi hasil daripada Dasar Transformasi Nasional akan melimpah kepada semua lapisan rakyat*".

Saya melihat pencapaian itu sebagai salah satu pengisian kepada harapan yang telah disuarakan oleh Seri Paduka Baginda ini. Sesuai dengan harapan yang disuarakan oleh Duli Yang Maha Mulia itu dan dengan pencapaian yang 23.9% seperti yang diumumkan dua, tiga hari yang lalu itu kita harus ingat kembali bahawa kestabilan, kemajuan yang kita capai semenjak 30 tahun yang lalu amatlah bergantung kepada semangat Dasar Ekonomi Baru yang bermatlamat membasmi kemiskinan dan menyusun semula masyarakat. Akan tetapi, kita sedih kerana Dasar Ekonomi Baru yang mempunyai matlamat yang begitu mulia dan rasional telah ditohmah oleh kerana kepentingan politik sama ada secara terbuka atau secara diam-diam oleh pihak-pihak tertentu.

Oleh kerana itu, saya menyeru supaya walaupun ada perubahan-perubahan dan ubah suai yang perlu dilakukan terhadap Dasar Ekonomi Baru yang memang telah lupus masanya tetapi semangatnya haruslah dipertahankan dan tohmahan-tohmahan terhadap Dasar Ekonomi Baru itu haruslah ditangkis kerana tidak ada siapa yang mempunyai fikiran yang waras hendak menafikan peri perlunya kita membasmi kemiskinan dan menyusun kembali masyarakat sebagai satu cita-cita kebangsaan kita. Oleh kerana itu saya berseru janganlah ada pihak-pihak, pihak pimpinan kerajaan atau sesiapa sahaja yang bersikap apologetik dalam mempertahankan Dasar Ekonomi Baru itu. Saya rasa itu adalah sekali lagi rahsia kejayaan kita selama 50 tahun yang lalu.

Sehubungan dengan Dasar Ekonomi Baru yang saya anggap sebagai salah satu daripada pelbagai dasar-dasar kerajaan, saya juga ingin menyeru supaya berbagai-bagai Dasar Nasional semenjak merdeka perlulah kita pertahankan. Dasar-dasar tersebut barangkali pada zahirnya bersifat mikro sebagai konsep atau pun gagasan umum tetapi perlulah diterjemahkan secara mikro. Ertinya dasar-dasar itu yang akan saya sebutkan sekejap lagi perlulah diketahui, perlulah difahami dan perlulah dihayati oleh pihak kerajaan dan rakyat seluruhnya. Perlu dimasyarakatkan seluas-luasnya di kalangan pihak kerajaan, pelajar-pelajar, mahasiswa-mahasiswa, belia-belia, anggota-anggota parti politik.

Saya menyebut antara dasar-dasar itu Tuan Yang di-Pertua adalah seperti apa yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dua hari yang lalu seperti konsep *wasatiyyah* yang sekarang hendak di masyarakatkan melalui sebuah kerusi profesor di Universiti Malaya dan lagi dengan penubuhan Institut Wassatiyah. Begitu juga umpamanya gagasan-gagasan seperti Gagasan 1Malaysia, Wawasan 2020, Dasar Ekonomi Baru, Islam Hadhari, Rukun Negara, Perlembagaan Negara. Semua itu mestilah disebarluaskan seluas mungkin dan diserapkan dalam kurikulum formal sistem pendidikan kita. Saya rasa itu penting dipertahankan dalam usaha kita membina sebuah negara bangsa.

Itulah pemerhatian saya mengenai peri perlunya kita memasyarakatkan pelbagai dasar kebangsaan itu. Ini kerana kependekan masa saya singkatkan perkara itu Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Boleh saya minta laluan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Ya, sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Boleh Yang Berhormat, teruskan.

Dato' Dr. Johari bin Mat: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sering mendengar Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus menyebut tentang negara bangsa dan saya minta supaya Yang Berhormat boleh memberi penjelasan apa sebenarnya konsep yang berhubung dengan negara bangsa. Terima kasih.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat Dato' Dr. Johari, saya tidak mengajar. Saya tidak tahu sama ada Yang Berhormat bertanya atau menanya. Sebagaimana yang sama-sama kita maklumi, matlamat kita mendirikan sebuah negara yang merdeka ialah supaya sebuah negara tersebut akan diisi oleh warganegara yang secara relatif mempunyai pelbagai persamaan. Persamaan persepsi sejarah masa lalu. Persamaan tanggapan terhadap pelbagai masalah kita sekarang dan persamaan cita-cita untuk masa hadapan.

Saya rasa usaha-usaha membina persamaan itulah yang harus kita lakukan melalui sistem ekonomi, sistem politik dan sistem pendidikan. Apa yang berlaku sekarang saya rasa usaha-usaha ke arah membina persamaan, untuk mencipta sebuah negara bangsa di mana setiap warganegara benar-benar berasa bersaudara. Di cubit paha kiri, paha kanan terasa sakit, akan dapat wujud. Itu tidak akan berlaku kalau umpamanya pelbagai sistem yang wujud di negara kita ini seperti rel kereta api yang berjalan di atas rel tidak akan bertemu.

Oleh kerana itu saya rasa yang paling penting adalah kebersamaan. Rasa kebersamaan tentang yang disuburkan oleh persamaan persepsi sejarah pada masa yang lalu. Persamaan masalah kita sekarang yang dianggap sebagai masalah bersama bukan masalah Melayu, bukan masalah Cina dan bukan masalah India. Akan tetapi masalah kita sebagai satu bangsa yang saya rasa usaha-usaha membina satu persamaan persepsi seperti itu masih belum sempurna kita lakukan dan tidak kurang pentingnya ialah persamaan terhadap masa hadapan seperti digariskan di dalam Wawasan 2020 terutama melalui sembilan cabaran strategik yang telah digariskan oleh Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir kira-kira 20 tahun yang lalu.

Saya rasa sekali lagi Wawasan 2020 adalah satu dasar kerajaan, dasar pemerintah, dasar nasional yang harus dimasyarakatkan seluas-luasnya dalam usaha kita membina sebuah negara bangsa yang berasaskan kepada pelbagai persamaan itu. Saya harap Yang Berhormat tidak tawulah sama ada bertanya atau menanya tadi. Itulah jawapan saya.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya ingin merujuk satu berita di Mingguan Malaysia dua tiga hari yang lalu sebagai lanjutan kepada satu artikel lain di Akhbar Mingguan Malaysia sebelumnya di mana seorang ahli akademik dari Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang menyarankan supaya kerajaan memperkenalkan satu dasar apa yang disebutnya sebagai Dasar Pengiklanan Negara. Profesor itu iaitu Profesor Mohd. Yusof mencadangkan supaya dasar pengiklanan negara itu digubal dengan antara lain matlamatnya kalau boleh saya diizinkan membacanya Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Antara matlamat dasar tersebut ialah mengawal industri iklan, menangani lambakan iklan asing dalam pelbagai bentuk dalam mendaulatkan bahasa kebangsaan. Saya ulang balik, minta maaf.

"Antara matlamat dasar tersebut ialah mengawal industri iklan, menangani lambakan iklan asing dalam pelbagai bentuk dan untuk mendaulatkan Bahasa Kebangsaan. Sudah sampai masanya kerajaan memberi perhatian kepada isu tersebut. Kita sendiri masih resah memikirkan masa depan Bahasa Kebangsaan dalam industri pengiklanan termasuk melalui media massa. Dalam satu perbincangan baru-baru ini beberapa aktivis Persatuan Pemuda Islam Malaysia (PPIM) bertanyakan, mengapa bank-bank tertentu semakin kurang mengiklankan produk dan imej mereka dalam akhbar arus perdana berbahasa Malaysia. Paling ketara ialah CIMB. CIMB berasal daripada Bank Bumiputera Malaysia Berhad dan sehingga kini ramai pelanggannya adalah orang Melayu. Maybank juga tidak terlepas daripada perhatian, bank yang majoritinya pelanggan orang Melayu dan milik syarikat berkaitan kerajaan GLC juga makin kurang memberi iklan dalam bahasa kebangsaan. Selain bank ada syarikat telekomunikasi di bawah GLC seperti Celcom dikatakan lebih ghairah menggunakan medium bahasa Inggeris dan bahasa ibunda tertentu dalam strategi pengiklanan mereka.

Berdasarkan pemerhatian PPIM, fenomena tersebut tidak berlaku di negara-negara seperti Indonesia, Thailand, Vietnam. Iklan perbankan dalam Bahasa Kebangsaan terutama di akhbar-

akhbar begitu dominan. Jika apa yang disampaikan oleh persatuan tersebut tidak betul atau tidak tepat, CIMB, Maybank dan Celcom boleh tampil memberikan penjelasan.

Sebenarnya isu tersebut sudah lebih 2 tahun dibangkitkan kepada pihak-pihak berkenaan termasuk melalui pertemuan secara langsung tetapi setiap kali ditanya ada sahaja alasan yang digunakan. Antaranya penentuan oleh agensi pengiklanan yang diketahui ramai tidak peka kepada soal kepentingan Bahasa Kebangsaan. Begitu juga dengan alasan kononnya keputusan dibuat atas pertimbangan komersial 100% yang juga boleh diperdebatkan” Kepada Khazanah, Timbalan Menteri Kewangan ada dekat sini. “Kepada Khazanah juga sudah dipanjangkan isu itu tetapi seperti mencurahkan air ke daun keladi. Persoalannya di mana sensitiviti bos-bos besarnya? Apakah sudah tidak ambil peduli ataupun hilang agenda menolak bahasa kebangsaan.”

Jadi kesimpulannya saya tidak mahu membuang masa terlalu banyak membaca, yang saya hendak timbulkan dengan ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua ialah saya minta supaya Kementerian Kewangan sebagai kementerian yang bertanggungjawab terhadap Khazanah mengarahkan Khazanah supaya mengarahkan GLC memberikan keutamaan mengiklankan produk-produk dan imej mereka di media berbahasa kebangsaan yang telah ditimbulkan pada 2 tahun yang lalu tetapi saya ingin mengulang kembali seruan itu.

Saya kebetulan jumpa dengan Timbalan Menteri Kewangan di luar tadi saya tanya Khazanah di bawah siapa? Katanya di bawah Kementerian Kewangan. GLC di bawah siapa? Katanya di bawah Khazanah. Oleh kerana itu saya berseru Tuan Yang di-Pertua supaya Kementerian Kewangan mengarahkan Khazanah untuk mengarahkan GLC untuk memberi keutamaan kepada media-media berbahasa kebangsaan dalam menyalurkan iklan-iklan mereka yang bukan sahaja akan menolong ekonomi media-media berbahasa kebangsaan itu tetapi sekali gus menolong mendaulatkan bahasa kebangsaan. Banyak hujah lain tetapi saya rasa memadai setakat itu untuk disampaikan memikirkan masa semakin ini.

Selain daripada itu, Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin merujuk halaman 10, Titah Duli Yang Maha Mulia di sini yang menyatakan tentang kemajuan bangsa. Saya baca di sini *“Kemajuan bangsa dan negara tidak bermakna jika diukur dari sudut pembangunan fizikal semata-mata tetapi ianya perlu seiring dengan pembangunan modal insan.”* Saya sangat setuju dengan pandangan yang dikemukakan oleh Duli Yang Maha Mulia ini.

Ertinya kemahiran teknikal dan vokasional mestilah diimbangi dengan sikap yang betul. Kerajaan telah melancarkan ETP, DTP. Saya telah berkali-kali di dalam Dewan ini mencadangkan supaya ETP, DTP ini dilengkapi dengan ATP iaitu *Attitude Transformation Programme* yang bertujuan untuk merubah sikap dan *attitude* kita. Sikap dan *attitude* kebanyakan rakyat kita. Tiga hari yang lalu kita dengar Menteri Sumber Manusia menyatakan betapa susahnyanya untuk meyakinkan orang kita tentang bahawa bekerja sebagai pembantu rumah itu tidaklah hina tetapi kita kerana sikap, kerana sikap melihat pekerjaan itu adalah pekerjaan yang rendah tarafnya, maka kita bergantung pada orang lain dan saya rasa ini adalah antara isu perubahan sikap yang mesti kita tangani.

Selain daripada itu kalau boleh saya merujuk lagi satu suntingan akhbar kebetulan tulisan saya sendiri kira-kira empat tahun yang lalu, Tuan Yang di-Pertua iaitu semasa Tun Dr. Mahathir menjadi Perdana Menteri beliau pernah mengubah sebuah sajak yang berjudul '*Perjuangan Belum Selesai*' yang antara lain mencatatkan keluh-kesahnya kerana kemajuan bangsa Melayu tidak sepesat yang diharapkan hingga beliau merasakan masih banyak perjuangan yang belum sesuai dan masih terbengkalai. Kemudian pada penghujung bulan Oktober 2003, suatu hendak meletakkan jawatan sebagai Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir berterus terang mengatakan bahawa kegagalannya mengubah sikap atau set minda orang Melayu walaupun telah dicubanya selama 22 tahun sepanjang beliau menjadi Perdana Menteri adalah perkara yang amat terkilan pada beliau.

■1230

Ertinya Tun Dr. Mahathir sendiri menyedari tentang kegagalannya mengubah set minda bangsa Melayu itu. Kemudian bekas Perdana Menteri seorang lagi Yang Amat Berbahagia Tun Abdullah bin Haji Ahmad Badawi sebelum menjadi Perdana Menteri semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri beliau tidak jenuh-jenuh menyeru agar orang Melayu mengubah sikap. Persoalan itu telah berkali-kali menjadi tema ucapan Tun Abdullah. Malah satu ucapan pentingnya semasa menjadi Timbalan Perdana Menteri dan sekali gus menjadi Timbalan Presiden UMNO di hadapan perhimpunan serentak Pergerakan Pemuda dan Wanita pada 18 Jun 2002, Tun Abdullah memberi judul ucapannya dengan satu judul yang amat *significant* iaitu Mengubah Minda. Dalam ucapan dasarnya berjudul "*Melangkah Ke Hadapan Meneroka Kecemerlangan*", dalam perhimpunan Agung UMNO ke-55, beliau menegaskan perubahan minda Melayu memerlukan satu tindakan secara menyeluruh, secara drastik, secara sistematik.

Selanjutnya beliau menegaskan usaha yang konsisten hingga menghasilkan kejayaan yang berterusan perlu dirancang. Kesimpulannya yang saya hendak timbulkan dan baru-baru ini juga saya telah diminta berceramah kepada satu kumpulan dan saya mengingatkan sewaktu Dasar Ekonomi Baru dilancarkan salah satu misi pemuda UMNO ialah menggerakkan revolusi mental. Akan tetapi itu pun terbantut. Oleh kerana itu saya rasa terlajak kita mengadakan ETP, GTP sekarang, saya cadangkan sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini supaya ATP itu *Attitude Transformasi Program*, perubahan transformasi fikiran itu hendaklah diberikan perhatian yang bersungguh-sungguh bukan dilalukan secara sambil-sambil sahaja. Banyak perubahan sikap yang perlu kita lakukan untuk menjadi satu negara bangsa yang berjaya.

Selanjutnya Tuan Yang di-Pertua, saya juga seperti beberapa orang rakan-rakan semalam ingin menyampaikan sedikit pesanan kepada Kementerian Belia dan Sukan supaya program-program yang berteraskan belia itu diseimbangkan walaupun tidak melebihi daripada program-program yang berteraskan sukan. Ini kerana antara kegagalan kita semenjak beberapa tahun yang lalu saya rasa ialah kita seakan-akan mengabaikan kepentingan orang-orang-muda baik dalam pemuda PAS, pemuda UMNO macam-macam yang lain kadang-kadang diabaikan. Oleh kerana itu sudah tiba masanya supaya Kementerian Belia dan Sukan memberikan perhatian yang lebih

bersungguh-sungguh, memberi perhatian yang serius terhadap pembinaan belia itu. Jadi saya sedar bahawa masa sudah semakin suntuk, saya ucapkan terima kasih dia tas kesempatan yang diberikan ini dan sekali lagi saya nyatakan sokongan sepenuhnya mengucapkan junjungan kasih terhadap Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah. Seterusnya saya ingin menjemput Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg untuk berucap. Silakan Yang Berhormat.

12.34 tgh.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam 1Malaysia dan salam perpaduan. Terlebih dahulu saya memanjatkan syukur ke hadrat Allah SWT dengan keizinan-Nya saya dapat turut serta membahaskan Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan terima kasih juga saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua kerana membenarkan saya berbahas.

Saya ingin mengambil kesempatan ini juga untuk mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah atas pemergian beliau. Semoga mereka sekeluarga bertabah atas kehilangan orang yang disayangi.

Tuan Yang di-Pertua dan rakan-rakan Yang Berhormat seperjuangan sekalian, Titah Ucapan Yang di-Pertuan Agong menitikberatkan tentang perpaduan dan Baginda mengingatkan rakyat jelata walaupun rakyat sudah acap kali diberi peringatan, nasihat dan teguran supaya memelihara perpaduan bagi menjamin keharmonian kaum dan kestabilan negara. Tidakkah timbul soalan di fikiran kita semua mengapakah peringatan demi peringatan dan teguran berterusan supaya memelihara perpaduan ini disebut berulang kali walaupun hampir 55 tahun negara kita merdeka. Mungkinkah peringatan dan teguran tersebut merupakan tanda bahawa masih ada di kalangan rakyat yang tidak bersyukur dan berasa cukup selesa dengan pencapaian yang dikecapi selama ini ataupun ada golongan yang tidak berpandangan jauh ataupun mereka yang langsung tidak menghargai kemerdekaan negara dan tidak melalui serta merasa segala susah payah dan negara keperitan untuk mencapai kemerdekaan dulu.

Perpaduan umpama nadi penggerak yang penting kepada negara dalam menggerakkan dan menjayakan semua bidang khususnya pendidikan, ekonomi, pembangunan sosial dan kesejahteraan rakyat jelata dalam suasana negara yang aman, selamat dan harmoni. Bayangkanlah jika rusuhan kaum, peperangan atau kekejaman yang disebabkan tiada lagi perpaduan wujud yang telah dan sedang berlaku di beberapa negara Timur Tengah dan Afrika juga tercetus dalam negara kita sendiri. Keadaan huru-hara, keperitan, kesengsaraan dan kecederaan malah kematian yang dialami oleh rakyat di negara tersebut yang kita tontonkan di kaca TV cukup menggerunkan dan menakutkan kita semua. Patut menjadi iktibar dan pengajaran kita di Malaysia. Para pelabur asing tidak akan berminat datang melabur di Malaysia kalau berlaku

huru-hara dan kacau bilau. Anak-anak remaja kita tidak akan dapat ke sekolah malah ke kolej pun untuk meneruskan pelajaran.

Apakah kita mahu dijajah semula? Adakah kita merelakan anak, cucu, cicit kita menjadi orang asing di bumi kelahiran mereka sendiri pada masa akan datang? Kita sebagai ibu bapa adalah tanggungjawab kita bukan sahaja untuk menyediakan pakaian, makanan dan apa sahaja keperluan harian untuk anak cicit kita, untuk generasi kita pada masa akan datang, tetapi juga kediaman dan juga suasana keharmonian tempat kelahiran mereka sendiri iaitu tanah air mereka sendiri. Itu menjadi tanggungjawab kita sebagai ibu bapa sebagai pemimpin yang ada sekarang.

■1240

Dalam Titah Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda juga menyuarakan kebimbangan Baginda bahawa negara bangsa akan hancur apabila sudah tidak ada lagi perpaduan dalam negara dan ia perlu dielakkan sama sekali. Justeru, adalah menjadi tanggungjawab bagi seluruh rakyat khususnya orang Melayu dan bumiputera selaku teras negara dan penduduk majoriti di negara ini untuk bersatu. Rakyat perlu mengetepikan apa sahaja perbezaan yang wujud dalam lingkungan kehidupan terutama dalam bidang politik jika mahu mengukuhkan perpaduan.

Sehubungan itu, selaras dengan peringatan Yang di-Pertuan Agong, rakyat perlu berpandangan jauh dan berfikiran terbuka untuk terus bertanggungjawab memberi sokongan padu kepada Kerajaan Barisan Nasional di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak dalam usaha kerajaan untuk menentukan negara terus berada di landasan yang kukuh ke arah mencapai status negara maju berpendapatan tinggi melalui pelaksanaan Dasar Transformasi Nasional yang merangkumi Program Transformasi Kerajaan (GTP), Program Transformasi Ekonomi (ETP), Program Transformasi Politik (PTP) dan Program Transformasi Luar Bandar yang mana Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sendiri merasa bangga kerana semuanya ini mula membuahkan hasil yang mengutamakan kesejahteraan serta kualiti hidup rakyat. Namun, ada pula segelintir ahli-ahli masyarakat yang memperlekehkan usaha murni pihak kerajaan yang sudah nyata membuahkan hasilnya dan ada yang sudah dinikmati rakyat sekarang.

Di sini saya ingin menarik perhatian kementerian yang berkenaan, dalam kerajaan meneruskan program transformasinya, saya ingin membawa perhatian kerajaan bahawa masih terdapat – ini berkenaan dengan permohonan kad pengenalan iaitu MyKad. Di Sarawak masih terdapat pemohon-pemohon untuk MyKad yang belum menerima MyKad mereka walaupun permohonannya sudah dibuat sekian lama.

Jadi saya ingin hendak bertanya kepada kementerian yang bertanggungjawab ataupun Jabatan Pendaftaran Negara, mengapakah proses mengeluarkan MyKad begitu lama padahal kaedah-kaedah yang digunakan semuanya *high-tech* dan cara perhubungan pun sekarang mudah dan cepat kalau dibandingkan pada 30 tahun yang lepas. Ini kerana MyKad adalah penting untuk seseorang individu untuk bergerak dan berurusan apatah lagi kalau seseorang itu telah mencapai usia 21 tahun supaya berdaftar sebagai pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan perpaduan di kalangan rakyat amat penting dan harus dipelihara serta diperkukuhkan secara berterusan, dan bagi menyemarakkan lagi konsep 1Malaysia, saya ingin mencadangkan kepada pihak kerajaan cadangan-cadangan seperti berikut.

Pertama, supaya Menu 1Malaysia ditambah nilai dengan memasukkan pelbagai hidangan ataupun makanan cita rasa istimewa dari setiap negeri dalam Malaysia, dari Perlis hingga ke Sabah. Saya kira usaha ini boleh mengintegrasikan lagi semangat kekitaan dan hubungan baik antara penduduk berbilang kaum di Sarawak dan Sabah dengan Semenanjung Malaysia.

Cadangan saya yang kedua ialah mewujudkan kembali perkhidmatan Kapal Feri Malaysia yang pernah beroperasi antara Sarawak dan Semenanjung Malaysia. Kalau tidak salah ingatan saya dalam tahun 1970-an atau 1980-an begitulah. Jadi kita hanya perlu *rebranding* perkhidmatan Kapal Feri Malaysia dahulu kepada Kapal Feri 1Malaysia dan tambahkan perjalanannya. Dahulu antara Sarawak dan Semenanjung tetapi sekarang kita tambahkan perjalanannya meliputi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Untuk menjadikan Malaysia sebuah negara pelancongan yang terus kompetitif dan lestari, Yang di-Pertuan Agong telah menyeru rakyat supaya berperanan membudayakan sikap cintakan kebersihan dan keindahan alam sekitar melalui kempen *1Malaysia Green, 1 Malaysia Clean*.

Ekopelancongan merupakan produk pelancongan baru yang dapat membantu pembangunan ekonomi luar bandar. Bagi negeri Sarawak, ekopelancongan merupakan bidang utama dilaksanakan di Koridor SCORE dan Sarawak juga berperanan hebat dalam kempen *1Malaysia Green 1Malaysia Clean* memandangkan negeri Sarawak masih kaya dengan alam semula jadinya yang hijau dan lokasi-lokasi tarikan pelancongan yang asli lagi bersejarah.

Seperti yang kita sedia maklum, bahawa pelancong asing memang gemar dengan keaslian alam sekitar yang hijau, *nature and adventure* dan mereka tidak gemar melancong di bandar-bandar raya besar dengan bangunan-bangunan mencakar langit yang sama seperti di negara mereka sendiri. Dengan kelulusan daripada Kerajaan Pusat, syarikat MASwing sudah pun beroperasi di kawasan BIM-EAGA mulai bulan Februari tahun ini dan sudah pasti perkembangan ini akan mengeratkan lagi perhubungan di antara negara-negara Malaysia, Indonesia, Brunei dan Filiphina.

Untuk menambah nilai kawasan BIM-EAGA, saya ingin sekali lagi mencadangkan agar BIM-EAGA dihubungkan dengan hab yang lebih penting lagi iaitu Singapura, Hong Kong, Bangkok dan Bali. Laluan ini akan dapat mempertingkatkan lagi industri pelancongan dan juga pelaburan di mana seperti yang kita sedia maklum, kawasan BIM-EAGA mempunyai sumber semula jadi yang begitu kaya yang berkehendakkan kepakaran dan teknologi dari pelabur-pelabur asing untuk datang melabur.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedia maklum bahawa negara kita berbelanja berjuta-juta ringgit untuk mengimport bahan-bahan makanan seperti sayur-sayuran dan buah-buahan dari luar negara.

■1250

Saya ingin bertanya kepada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, dengan adanya pelaksanaan ladang-ladang komersial berapa banyakkah ladang komersial yang dilaksanakan di negeri Sarawak setakat ini? Oleh kerana Sarawak mempunyai tanah yang begitu luas dan subur termasuk juga kawasan tanah tinggi yang sesuai untuk tanaman sayur-sayuran dan buah-buahan yang kita import. Contohnya kawasan Ba'kelalan...

Timbalan Yang di-Pertua: Pekan Ba'kelalan.

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: ...Yang merupakan kawasan tanah tinggi di utara Sarawak telah mengeluarkan buah epal. Betul ya, Timbalan Yang di-Pertua? Timbalan Yang di-Pertua lebih lagi tahu hal ini, dari Sarawak. Seterusnya Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong juga ada menyentuh tentang sumbangan wanita. Jadi, sebagai seorang wanita saya begitu terharu dengan pengiktirafan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong terhadap kaum wanita yang Baginda ibaratkan seperti mutiara yang tidak ternilai sumbangannya. Bukan sahaja kepada keluarga dan masyarakat malah kepada negara, syukur *alhamdulillah*.

Baginda juga yakin kaum wanita mampu menyahut cabaran dan meningkatkan potensi diri untuk memberi sumbangan lebih besar yang akan memancarkan sinar kecemerlangan masa depan negara, *insya-Allah*. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah menekankan juga bahawa usaha membangun dan memajukan negara dan bangsa tidak akan berjaya sepenuhnya kalau tidak diseimbangkan dengan pembangunan modal insan. Negara mencapai kemerdekaan ibarat mendirikan sebuah gedung yang perlu pengisian-pengisian yang berkualiti, bernilai dan baik dalam semua aspek supaya tahan lasak dan bertahan lama.

Menyedari hakikat ini Kerajaan Barisan Nasional telah menyediakan pendidikan percuma untuk membolehkan setiap kanak-kanak tanpa mengira latar belakang dan tahap sosioekonomi untuk mendapatkan akses kepada pendidikan berkualiti. Bermula dari peringkat pendidikan awal kanak-kanak lagi, bagi melahirkan modal insan yang seimbang, berilmu pengetahuan, berkemahiran, kreatif, berketerampilan dan berakhlak mulia.

Kanak-kanak hari ini akan melalui alam remaja dan dewasa iaitu belia. Dalam pendidikan saya ingin menyentuh keputusan peperiksaan SPM tahun 2011 baru-baru ini yang menunjukkan jurang perbezaan di antara sekolah-sekolah di bandar dengan sekolah-sekolah di kawasan pendalaman tidak terkecuali pendalaman di Sarawak. Saya hendak tanya Kementerian Pendidikan, apakah nisbah perbezaan tersebut? adakah disebabkan masih terdapat sekolah-sekolah di kawasan pendalaman yang dalam keadaan uzur dan kekurangan kemudahan ataupun bilangan guru yang tidak cukup.

Kita di Sarawak berharap punca-punca tersebut dapat diatasi dengan segera kalau pendidikan berkualiti diutamakan. Kita dapati guru-guru dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia tidak begitu berminat untuk ditempatkan di kawasan-kawasan pendalaman Sarawak. Saya pernah cadangkan pada Persidangan Dewan yang lepas, supaya Kerajaan Pusat

mempertimbangkan pengambilan guru-guru pelatih dikemaskinikan dan agar anak-anak Sarawak yang berkelayakan dapat ditempatkan di institusi latihan guru di Sarawak.

Dalam titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Baginda juga telah meyakinkan rakyat jelata khususnya golongan belia bahawa belia sentiasa dekat di hati kerajaan baginda dan kerajaan tidak akan menyisihkan golongan belia kerana tanpa belia hilanglah jantung negara. Baginda menyeru kepada belia supaya menggunakan segala ruang dan peluang yang ada dengan bijaksana, bak kata pepatah, *“Kalau tinggi di angkasa jadilah garuda, kalau jatuh di laut jadilah pulau.”*

Kita berharap anak-anak remaja dan golongan belia di luar sana sedar, insaf, renung dan fikir-fikirkanlah harapan dan seruan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong itu. Tuan Yang di-Pertua, dengan hujah perbahasan saya itu tadi, saya mohon menyokong Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Sekian, terima kasih dan *assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Seterusnya saya ingin menjemput Yang Berhormat Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya untuk berucap. Silakan Yang Berhormat.

12.57 tgh.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua di atas peluang yang diberikan kepada saya untuk berucap buat julung kalinya Menjunjung Kasih Titah Ucapan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sempena istiadat pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen Kedua Belas pada 12 Mac 2012 yang lalu.

Terlebih dahulu juga saya ingin mengucapkan takziah kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Senator Datuk Subbaiyah di atas pemergian beliau. Walaupun saya akui saya hanya sempat berdamping dengan beliau hanya pada satu hari iaitu pada hari saya mengangkat sumpah tetapi saya dapat menganggapkan dia adalah seorang yang baik. Mudah-mudahan keluarga beliau dapat mengatasi ketabahan di atas kehilangan beliau.

Tuan Yang di-Pertua, saya amat tertarik dengan petunjuk-petunjuk ekonomi dalam Titah Ucapan Diraja dan ini merupakan bukti kemajuan Malaysia pada hari ini. Kadar pertumbuhan ekonomi pada 2011 mencatat pertumbuhan 5.1% dengan jumlah dagangan bernilai hampir RM1.3 trilion, nilai pelaburan asing RM32.9 bilion, kutipan cukai langsung melebihi RM100 *million* dan kadar pengangguran berada pada tahap yang rendah. Ini membuktikan bahawa pengurusan ekonomi kerajaan serta dasar-dasar dan program-programnya berada pada landasan yang betul.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai Menteri Kewangan yang telah mengemukakan Bajet 2012 untuk memenuhi harapan dan cita-cita baik yang di kota mahupun di desa. Berdasarkan kepada petunjuk ekonomi akhir-akhir ini, kita

yakin bahawa matlamat menjadi negara maju berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020 akan dapat dicapai.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat setakat ini dulu Yang Berhormat. Nanti Yang Berhormat boleh sambung lagi sebelah petang kerana jam kita sekarang telah menunjukkan tepat pada pukul 1 tengah hari. Jadi, saya kena tangguhkan Dewan ini hingga pukul 2.30 petang nanti.

Datuk Haji Kadzim bin Haji M. Yahya: Baik, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Nanti Yang Berhormat sambung lagi ya.

Mesyuarat ditempokkan pada pukul 1.00 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Mesyuarat]

2.30 ptg.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat saya mengalu-alukan kehadiran Ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan ini dan juga saya minta kalau boleh rakan-rakan yang ada di luar itu elok masuklah dalam persidangan. Elok Ahli-ahli semua berada di Dewan untuk kita menjalankan Majlis kita. Seterusnya saya persilakan Datuk Kadzim menyambung ucapan dia sebentar tadi.

2.33 ptg.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Alhamdulillah* keadaan ekonomi negara yang sihat ini telah juga menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi di negeri Sabah. Sabah dijangka mencapai perkembangan ekonomi di antara 4.5% ke 5% pada tahun 2012 ini sementara *reserve* kewangan negeri melebihi RM3 bilion. Ini adalah merupakan rekod kecemerlangan Kerajaan Barisan Nasional mentadbir negeri pimpinan Ketua Menteri Yang Amat Berhormat Datuk Seri Musa Haji Aman. Kecekapan pengurusan dan pentadbiran Kerajaan Negeri Sabah telah mendapat pengiktirafan Ketua Audit Negara yang telah menganugerahkan sijil bersih selama 11 tahun berturut-turut dan *insya-Allah* ini akan diteruskan.

Tuan Yang di-Pertua, ekonomi negeri Sabah diramalkan akan terus berkembang sihat pada masa-masa mendatang melalui perancangan yang efisien dan pembentukan pelbagai sumber pendapatan yang baru dan yang diberi nilai tambah. Salah satu daripada faktor yang menyumbang kepada pertumbuhan ini ialah pelancongan. Tahun lalu sahaja dua juta orang dari pelbagai negara telah direkodkan datang melawat Sabah. Sektor ini mencatat kadar peningkatan sebanyak 14.5% berbanding tahun sebelumnya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kita berusaha untuk mencapai perkembangan ekonomi yang sihat, terdapat pula keputusan yang dibuat sama ada disedari atau tidak yang boleh merencatkan prestasi ini. Sebagai contoh keputusan MAS mengurangkan khidmat penerbangan ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sama ada dari luar negara, Semenanjung Malaysia, Sarawak dan juga di dalam negeri Sabah sendiri. Keputusan begini sama sekali tidak selaras dengan pertumbuhan dalam bidang pelancongan dan pementapan Dasar Integrasi Nasional.

Bayangkanlah kejatuhan pulangan pendapatan kepada negeri dan negara akibat pengurangan khidmat penerbangan kerana jumlah kedatangan pelancongan yang berkurangan. Apa yang menghairankan apabila masalah ini dikemukakan kepada Menteri yang bertanggungjawab respons Yang Berhormat Menteri ialah keputusan MAS itu adalah dengan izin, *business decision* dan kementerian tidak boleh *dictate* keputusan MAS.

Sehubungan dengan itu saya ingin penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada pengiklanan MAS melalui penajaan jersi pasukan bola sepak QPR dalam *Barclays Premier League* England adakah juga merupakan satu *business decision*. Kalau ianya *business decision* berapakah pulangan yang diperolehi melalui penajaan jersi QPR itu dan adakah ianya mampu untuk mengimbangi kerugian yang dialami oleh MAS berjumlah lebih daripada RM2 bilion itu. Kalau pasukan yang ditaja itu sedang mengejar kejuaraan mungkin berbaloi tetapi QPR ini yang dimiliki oleh pemilik AirAsia sedang berentap untuk bertahan dalam Liga Perdana Inggeris. Apakah hubungan penajaan itu dengan cadangan penggabungan MAS dan AirAsia, *wallahua' lam*.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Mohon pencelahan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Sehubungan itu saya ingin juga bertanya apabila saya menyaksikan pertandingan bola QPR yang sepatutnya ditaja oleh MAS, kadangkala saya lihat jersi pasukan itu ada *Malaysia Airline* dan minggu yang lain pula saya tengok ada AirAsia. Jadi ini pun menimbulkan keraguan saya. Jadi saya rasa *valid* soalan itu tadi saya hendak tahu sama ada ini juga satu sinergi dalam pengiklanan dan yang kedua berapakah jumlah pulangan? Apa pandangan Yang Berhormat.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Saya setuju dengan pertanyaan Yang Berhormat Datuk Mohammad Najeeb itu tetapi berapa pulangan saya pun tidak tahulah. Pengurangan khidmat penerbangan domestik dalam Sabah juga menimbulkan masalah bukan sahaja kepada pelancongan tetapi juga kepada orang-orang tempatan yang sering berurusan atau mengurus niaga secara dengan izin, *district cross town*.

Tuan Yang di-Pertua, sudah pun industri pelancongan boleh terjejas dengan khidmat penerbangan oleh MAS rangkaian jalan raya yang menghubungkan bandar-bandar utama dengan ibu negeri Kota Kinabalu juga tidak membantu. Ini adalah disebabkan jalan raya penghubung ini masih lagi dengan izin, *single carriage way* sedangkan pengguna kian hari kian bertambah. Misalnya jalan raya dari selatan Sabah yang menghubungkan ke Kota Kinabalu hanya ada satu sahaja, itu pun *single carriage way*.

Sedangkan jalan raya ini merupakan pintu masuk ke Sabah dari negeri jirannya iaitu Sarawak dan juga Negara Brunei Darussalam. Sudah ada cadangan untuk membina jalan pintas dari Papar terus ke Kota Kinabalu melalui Penampang sejak RMKe-8 lagi tetapi sehingga kini masih belum terlaksana. Apabila dirujuk kepada pihak yang bertanggungjawab sebabnya kos anggaran sedang dikaji dan diteliti. Kos pembinaan tidak akan turun tetapi tetap akan naik. Jika

penundaan pelaksanaan projek ini terus berlarutan sampai bila-bila pun kos anggaran pembinaan tidak boleh diperolehi.

Dalam Titah Duli Tuanku Baginda, Baginda bertitah bahawa hubungan komunikasi dan jalan raya yang sempurna merupakan hasrat kerajaan dalam transformasi nasional. Oleh itu diharap kementerian yang berkaitan diminta meneliti kepentingan dan keperluan jalan raya *dual carriage way*, dengan izin atau laluan alternatif dari selatan negeri Sabah ini untuk menghubungkan ke Kota Kinabalu. mengenai bekalan elektrik yang lapang untuk luar bandar, kementerian dan agensi pelaksanaan harus lebih serius untuk memastikan implementasi bekalan elektrik di negeri Sabah sebab buat masa ini jangankan kata di luar bandar bekalan elektrik di sekitar Bandaraya Kota Kinabalu sendiri pun sering mengalami gangguan. Tidak sah kalau dalam seminggu tidak ada gangguan.

■1440

Tuan Yang di-Pertua, Program Transformasi Kerajaan merupakan salah satu komponen Dasar Transformasi Nasional, program transformasi kerajaan bukan menjadi tanggungjawab orang politik sahaja tetapi juga penjawat awam berperanan penting untuk menjayakan transformasi kerajaan itu. Peranan orang politik dan penjawat awam adalah dengan izin, *to compliment each other*, hubungan yang baik di antara orang politik dan penjawat awam adalah penting untuk mendapatkan kerjasama yang penuh komitmen dalam melaksanakan program-program pembangunan.

Orang politik tidak perlu mengamalkan sikap *master and servant* dengan izin, dengan penjawat awam kerana ini mendatangkan banyak masalah daripada kebaikan. Manakala penjawat awam pula harus dedikasi dan amanah dalam menjalankan tanggungjawab tanpa menghiraukan *political implementation*, selagi masih makan gaji dengan kerajaan yang ada selama itu lah dia mesti menjaga integriti kerajaan. Janganlah mengamalkan sikap seperti musuh dalam selimut yang berniat untuk kerja-kerja sabotaj. Kita tidak memerlukan musuh dalam selimut, kalau orang rumah bolehlah.

Penjawat awam harus menyedari bahawa kerajaan sedang menghadapi *blame games*, dengan izin daripada pihak pembangkang, anak hilang salahkan kerajaan, anak terjun bangunan mungkin membunuh diri, salahkan kerajaan; anak curi pandu tanpa lesen, salahkan kerajaan; orang meninggal akibat teruja menyertai demonstrasi, kerajaan dipersalahkan; orang didakwa di atas tuduhan kesalahan seksual, kerajaan juga yang dipersalahkan. Oleh itu penjawat awam sebagai pelaksana kepada program-program perlu lebih peka dan *meticulous* dengan izin, apabila menjalankan tanggungjawab masing-masing, dengan izin, *end result* daripada setiap tindakan mereka memberikan kesan kepada integriti kerajaan.

Pelaksanaan tanggungjawab sambil lewa itulah yang telah mengakibatkan Surah Yasin dicetak dengan tujuh ayat tertinggal, buku ulang tahun Parlimen dengan rekod yang salah, dan cadangan skim saraan baru untuk penjawat awam yang tidak seimbang terpaksa ditarik balik

semasa sesi Bajet 2012 yang lalu. Perkara-perkara yang sebegini dengan sekelip mata dapat menjejaskan integriti kerajaan dan kerajaanlah yang mendapat bahananya.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai Dasar Perumahan Negara, saya mohon mencadangkan agar di setiap pembangunan perumahan disediakan juga oleh pemaju bangunan untuk perpustakaan yang mana boleh dikendalikan oleh Jabatan Perpustakaan, jangan asyik hendak membuat ruang-ruang komersial sahaja sebagai pembangunan bersepadu. Dengan adanya perpustakaan yang berhampiran dengan tempat tinggal ia boleh menjadi pusat rujukan dan pembelajaran untuk anak-anak sekolah dan pelajar-pelajar dan mungkin ini boleh mengurangkan budaya lepak oleh remaja-remaja dan anak-anak sekolah di pusat-pusat komersial yang berhampiran dengan tempat mereka tinggal. Dengan adanya juga perpustakaan yang berhampiran dengan kawasan rumah, tidak mustahil boleh menjadikan pemangkin memupuk budaya membaca bukan sahaja di kalangan remaja dan budak sekolah tetapi juga di kalangan penghuni setempat.

Tuan Yang di-Pertua, Ke Bawah Duli Tuanku juga di dalam titah baginda menyuarakan harapan Baginda agar atlet negara berjaya memperoleh pingat emas dalam Sukan Olimpik di *London* bulan depan. Walaupun pahit tetapi saya terpaksa mengakui bahawa saya tidak optimistik bahawa atlet negara dapat memenuhi harapan Duli Tuanku itu. Adalah menjadi pengetahuan umum bahawa peluang terbaik negara untuk mengutip pingat emas pada Sukan Olimpik ternyata hanya bergantung kepada sukan badminton tetapi mampukah pemain badminton negara merealisasikan harapan Duli Tuanku itu di Sukan Olimpik? Sedangkan semasa di Piala Axiata baru-baru ini, Malaysia dengan mudah dikalahkan oleh pasukan pelapis Indonesia, dengan izin, *I wish and pray that I will be proven wrong* oleh atlet negara. Jika saya dibuktikan tidak tepat saya tidak akan terkilan malah sebagai rakyat Malaysia, saya tetap berbangga kalau atlet negara mendapat pingat emas di Sukan Olimpik nanti, kalaulah...

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta laluan.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat fikir Datuk Lee Chong Wei tidak boleh *goal*kah? Terima kasih.

Datuk Haji Kadzim Haji M. Yahya: Itulah masalah Pasukan Badminton Negara hanya bergantung kepada Datuk Lee Chong Wei sahaja, Datuk Lee Chong Wei tidak ada dalam Axiata Cup dia kalah. Jadi akhir kata Tuan Yang di-Pertua,

Daun selasih daun semalu,

Terima kasih, thank you.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, seterusnya saya hendak memaklumkan kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini, titah diraja ini akan berakhir pada esok, maknanya semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang belum berucap sila kemukakan nama-nama agar senang untuk saya membuat perancangan, kalau tidak dan kita akan memulakan perbahasan dalam hal-hal lain dari bil-bil dan sebagainya mulai hari Isnin. Oleh yang

demikian saya mengalu-alukan mana-mana Ahli-ahli Yang Berhormat yang masih belum menghantar nama, sila kemukakan secepat mungkin dan itu untuk memberi satu ruang untuk kita membuat perangkaan masa dan sebagainya. Sekarang saya mempersilakan Yang Berhormat Dato' Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman.

2.46 ptg.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua di atas kesempatan yang diberikan awal sedikit agaknya kerana saya baru sahaja memberikan nama untuk menjunjung kasih dan membahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen pada 12 Mac baru-baru ini. Sebelum saya meneruskan ucapan, saya turut mengucapkan takziah kepada balu dan keluarga mendiang Datuk Subbaiyah a/l Palaniappan yang telah meninggalkan kita pada 18 April yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah bertitah bahawa Gagasan 1Malaysia, Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan telah meningkatkan kesejahteraan rakyat dan imej negara di persada antarabangsa. Untuk memastikan pertumbuhan negara yang mampan, pelaksanaan program dan projek di bawah RMKe-10 mesti diteruskan dengan tumpuan diberikan kepada projek pembangunan berimpak tinggi dan manfaat kepada rakyat. Kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Najib sedang mengambil langkah untuk mencapai hasrat menjadi negara maju dan berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Pelbagai inisiatif dan program pengagihan atau *war sharing*, dengan izin, telah dilaksanakan bertujuan untuk menyediakan peluang kehidupan yang lebih baik kepada rakyat. Sektor-sektor utama seperti perumahan dan pendidikan dititikberatkan agar pembangunan negara dapat dinikmati oleh seluruh rakyat Malaysia dan berpanjangan.

Saya hanya ingin menyentuh tiga topik sahaja dalam perbahasan saya kerana tidak seperti Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus yang membawa *generality*, misalannya masalah Dasar Ekonomi Baru dan sebagainya tetapi saya hendak pergi *straight to the point* berhubung dengan tiga topik, Tuan Yang di-Pertua. Pertama masalah perumahan, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan Barisan Nasional kerana telah menggubal Dasar Perumahan Negara berlandaskan hasrat untuk menyediakan perumahan yang mencukupi, selesa dan mampu milik oleh rakyat.

■1450

Program Perumahan Rakyat, Program Perumahan Awam, Program Bantuan Rumah, Program Rumah Mesra Rakyat, Skim Rumah Pertamaku dan Program Perumahan Rakyat 1Malaysia (PR1MA) adalah sebahagian daripada hasil usaha kerajaan di dalam mencapai hasrat ini. Sektor perumahan negara bukan sahaja berkenaan membawa rumah, membina rumah untuk golongan sederhana, sederhana tinggi dan golongan berpendapatan tinggi. Malah menerusi program-program perumahan seperti yang disebut, rakyat yang berpendapatan sederhana dan

rendah dapat juga memiliki sebuah rumah untuk didiami dengan selesa bersama dengan infrastruktur yang lengkap.

Ini bukan untuk menyatakan tidak ada aral melintang dalam usaha yang dilaksanakan. Ada yang menyatakan bahawa Skim Rumah Pertamaku tidak berjaya seperti mana yang diharapkan. Skim Rumah Pertamaku ditubuhkan untuk membantu golongan muda yang baru bekerja dan berpendapatan sederhana. Yakni berpendapatan tidak melebihi RM3,000 sebulan supaya dapat membeli rumah dengan pembiayaan-pembiayaan 100%. Deposit 10% yang lazimnya dikenakan kini dijamin oleh CAGAMAS. Nilai maksimum rumah yang dibeli adalah RM400,000 dinaikkan daripada RM200,000 mulai pada 1 Januari 2012.

Dua masalah yang dihadapi sekarang dalam menjayakan skim ini adalah satu, faktor ketidaksesuaian harga pinjaman rumah yang dipohon dengan tahap pendapatan si peminjam. Di dalam meringankan beban pemilikan rumah, kita tidak boleh mengabaikan faktor risiko pembayaran balik sesuatu pinjaman. Andai kata saya, saya seorang pegawai yang berumur di bawah 35 tahun, bekerja dengan gaji RM3,000 sebulan. Setelah ditolak bayaran kereta, sara hidup, PTPTN, bil-bil telefon, kadangkala dengan *girlfriend* pun, dan sebagainya, mungkin saya hanya mampu membuat pembayaran RM1,500. Ini membolehkan saya meminjam sebanyak RM300,000 iaitu harga rumah yang saya mampu beli. Jika saya hanya mampu membayar RM1,500 setiap bulan pula, saya hanya mampu membeli rumah berharga RM204,000 sahaja.

Akan tetapi, yang saya dengar di pasaran sekarang, ramai pemohon pinjaman hendak membeli rumah di antara RM300,000 hingga harga maksimum RM400,000. Secara kira kasar tadi, memanglah permohonan mereka tidak akan diluluskan. Mungkin kita sepatutnya menaikkan kadar kelayakan gaji maksimum pada RM5,000 sebulan supaya mereka berkecukupan untuk membeli rumah RM350,000. Akan tetapi, mungkin juga masalah sebenarnya adalah ketiadaan atau kekurangan bilangan rumah di bawah harga RM300,000 di kawasan-kawasan bandar terutamanya di Lembah Klang. Inilah faktor kedua masalah Skim Rumah Pertamaku yang mungkin menjadi masalah utama sebenarnya.

Kekurangan bilangan rumah di bawah harga RM300,000 yang mempunyai saiz yang mencukupi dengan tiga buah bilik tidur yang selesa menyebabkan golongan muda kita tidak dapat menggunakan peluang sepenuhnya skim ini. Rumah di dalam lingkungan harga di bawah RM300,000 mungkin mudah didapati di pasaran Kota Bharu, Batu Pahat atau Alor Setar tetapi ia amat terhad di bandar-bandar seperti di Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Georgetown dan Johor Bahru. Ramai di antara pemaju akan mengatakan harga tanah yang tinggi ditambah pula dengan kos pembinaan yang semakin meningkat, tidak membolehkan mereka menjual pada harga yang lebih rendah. Ini sememangnya benar.

Akan tetapi, saya merasakan bahawa masih ada jalan untuk menambah bilangan rumah yang mampu dimiliki di Lembah Klang ini.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon mencelah sedikit, boleh? Tuan Yang di-Pertua, boleh Yang Berhormat? Terima kasih. Ini disebabkan berkenaan dengan Skim Rumah

Pertamaku, nampaknya saya pun rasa terpanggil juga untuk bercakap sebab permasalahan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator tadi. Cuma saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Senator, mungkin kalau katakan biasanya kalau Skim Rumah Pertamaku ini melibatkan kebanyakannya generasi muda yang baru kali pertama berpendapatan seperti mana Yang Berhormat Senator cakap tadi.

Permasalahannya sekarang, katakanlah jika projek perumahan tersebut terbengkalai, maka perkara ini juga akan membebankan kerana kes-kes sebegini banyak berlaku sekarang. Jadi, kalau katakanlah projek perumahan tersebut terbengkalai, peminjam meneruskan beban pembayaran pinjaman. Bagaimanakah kaedah ini boleh diolah oleh pihak kerajaan untuk memastikan terutamanya individu yang baru mahu memiliki rumah ini terbela disebabkan oleh kegagalan pemaju itu sendiri? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Senator... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Terbengkalai. Jadi saya harap Yang Berhormat Senator tunggu sedikit jawapan, ya. Izinkan saya habiskan berhubung dengan Skim Rumah Pertamaku ini. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua mencadangkan beberapa buah fikiran yang boleh dikaji dengan lebih teliti untuk menyelesaikan masalah ini. Pertama, menghentikan Program *Side Walk*, dengan izin bagi pemaju yang hendak mengalihkan tapak perumahan kos rendah dari tapak pembangunan asal yang berada di kawasan bandar ke kawasan luar bandar. *We must stop that.*

Kedua, menukarkan kuota 30% rumah kos rendah yang dikenakan kepada pemaju kepada 10% kos rendah dan 20% kos sederhana yakni RM220,000 ke bawah.

Ketiga, memberikan insentif kepada pemaju untuk membina rumah mampu milik di kawasan bandar seperti menaikkan nisbah plot atau *plot ratio*.

Keempat, memberikan insentif kepada syarikat kewangan yang terlibat dalam projek-projek yang berkenaan dengan menawarkan Projek Pembiayaan Titian (*Bridging Loan*) dengan izin, yang membolehkan pemaju menawarkan harga jualan yang berpatutan. Institusi-institusi kewangan juga memainkan peranan yang penting untuk memastikan kejayaan Dasar Perumahan Negara.

Diharapkan cadangan-cadangan ini boleh dikaji dengan teliti oleh pihak-pihak yang berkenaan. Istimewa pula Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan jika ianya boleh diolah dan diguna pakai untuk membantu meringankan beban untuk rakyat dalam memiliki rumah mereka...

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah Yang Berhormat Senator, bolehkah? Saya hanya ingin meminta pandangan Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak. Saya merasakan tadi mengenai insentif perumahan kepada pemaju. Patutkah kerajaan mengkaji semula kadar cukai ataupun kadar *contribution* yang dikenakan kepada pemaju untuk TNB dan JKR dan ubah syarat? Patutkah ini dikaji semula untuk menggalakkan pemaju membina lebih rumah-rumah kos PR1MA? Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat Senator... [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*] Adalah cadangan yang munasabah sebab saya sendiri pun juga ada melibatkan diri membuat rumah. Salah satu daripada *contribution* yang saya perlu buat walaupun rumah yang saya bina itu hanya 40 buah ialah membuat TNB *substation*. Sebelum kita beri duit untuk TNB *substation* ini, tidak berilah *electricity supply* dan dia gunakan *substation* kita ini untuk membuat *electricity* ke kawasan-kawasan lain.

■1500

Jadi *it's not fair*lah kadang-kadang. Begitu juga banyak pembayaran yang pembina-pembina rumah ini kena bayar. Sebelum bayar ini tidak boleh. Tidak boleh *start banner*, tidak boleh *start jual* dan sebagainya. Saya fikir ini patut juga dikaji.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berkaitan dengan perumahan yang ingin saya bangkitkan sekali lagi saya sudah bangkit perkara ini saya fikir kurang-kurang dua kali di Dewan yang mulia ini ialah isu rumah terbengkalai. Tahniah saya ucapkan kepada kerajaan kerana telah berjaya mengikut surat khabar menyiapkan atau di dalam proses aktif untuk menyelesaikan 90 projek di Semenanjung Malaysia yang telah memberi harapan untuk 9,722 pembeli rumah yang terlibat.

Dalam surat khabar ini, di dalam *The Star specifically* Menteri pun sudah cakap orang-orang yang terlibat dalam membeli rumah yang terbengkalai boleh minta surat daripada kementerian, boleh pergi cakap bank supaya *restructure loan*nya. Akan tetapi ini tidak mengatasi masalah yang sebenar iaitu orang yang beli rumah ini yang pertama sekali pinjaman seumur hidup dia sudah gunakan. Katakan RM50,000, dia terpaksa pergi dekat bank, pinjam bank belilah rumah. Duit sudah habis, duit *savings* ini. Kena pergi dengan bank tetapi selepas tiga tahun tidak ada rumah. Tidak siap.

Jadi duit pun habis, bank pun kena bayar, rumah tidak ada. Kadangkala *and for* selalunya orang yang *get away with it* ialah pemaju. Dia pun tidak tahu ke mana sudah. Itulah sebabnya. Akan tetapi saya kata tadi sungguhpun 9,722 pembeli rumah yang terlibat, masih ada banyak unit rumah yang terbengkalai dan yang mungkin tidak dapat diselesaikan. Contohnya di Port Dickson. Jikalau kita pergi ke Port Dickson, setiba dari Lebuhraya Seremban-Port Dickson, kita akan melihat beberapa projek yang mengandungi beberapa blok kondominium yang masih belum siap atau didiami dan sekarang menjadi semakin usang dengan keadaan penyelenggaraan yang sungguh menyedihkan.

Saya difahamkan ramai pembeli-pembeli adalah dari Singapura yang membeli unit-unit tersebut pada tahun 1990-an. Dengan keadaan yang semakin teruk, semakin susahlah mana-mana pembeli hendak menduduki unit-unit kondominium ini. Pihak pemaju pula mungkin telah menyerah kalah dalam usaha menjual unit-unit yang masih di dalam pegangan. Mungkin sekarang sudah ramai yang tidak fikirkan atau sudah melupakan projek ini tetapi kita tidak boleh lepas pandang kerana lokasinya yang sangat strategik di laluan utama ke Port Dickson. Kita perlu menyelesaikan masalah projek terbengkalai seumpama ini yang memberi masalah kepada pembeli-pembeli yang telah menggunakan wang simpanan seumur hidup mereka untuk deposit,

meminjam wang serta terpaksa membayar balik kepada pihak bank tetapi tidak dapat menduduki rumah oleh sebab ianya tidak boleh disiapkan oleh pemaju yang berkenaan.

Mungkin di sisi kerajaan boleh mengambil langkah untuk mengambil alih projek-projek yang berkenaan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pembeli. Saya pernah membawa masalah yang sama di Dewan yang mulia ini dan tindakan sewajarnya memang sudah dan sedang diambil oleh Kementerian Perumahan untuk mengatasinya. Walau bagaimanapun, banyak lagi projek-projek yang terbengkalai yang masih dan mungkin tidak akan dapat diatasi tanpa campur tangan kerajaan yang lebih aktif.

Inilah projek-projek yang saya namakan sebagai *hard core* dengan izin, kerana ia telah terlampau lama terbengkalai. Selalunya lebih daripada sepuluh tahun dan tidak memberi faedah atau keuntungan bagi mana-mana *white knight* yang mengambil alih. Saya pasti bahawa ada yang khuatir program ini disalahgunakan sebagai *bailout* untuk mana-mana pihak. Maka kriteria yang dikenakan dan jawatankuasa yang mungkin di tubuh dan diberi tanggungjawab untuk mengambil alih mana-mana projek terbengkalai mestilah dikawal dengan teliti.

Saya mencadangkan untuk sebuah undang-undang ala dana harta dibuat untuk membolehkan kerajaan dengan kuasa yang diberikan oleh undang-undang khas itu membeli projek-projek ini untuk di baik pulih dan dijual kembali. Ini boleh dibuat oleh sebab Syarikat 'SPV' kerajaan ataupun oleh sesebuah syarikat 'SPV' kerajaan. Modus operandi syarikat ini boleh di masuk dirumuskan sama ada mengikut dana harta yakni membeli projek-projek dan dipindah milik kepada dana harta atau modal baru yang tidak membeli projek-projek tetapi hanya menjadi fasilitator dan *arbitrator* berkanun untuk projek pemulihan dengan menggunakan agensi-agensi yang lain seperti SPNB.

Sebaik mana cadangan dan kaedah diguna pakai dalam pemulihan projek terbengkalai, semua pihak berkepentingan iaitu tuan rumah, pemaju, pembeli, konsultan, kontraktor, pembiaya pinjaman ataupun titian ataupun *bridging loan*, pembiayaan akhir ataupun *end financial*, pihak berkuasa tempatan dan pihak-pihak lain termasuk syarikat kerajaan 'SPV' ini perlu berunding dan mendapat persetujuan untuk bertolak ansur di mana yang rugi tidak terlalu rugi dan yang untung tidak terlalu untung dengan mengambil bahagian *haircut* masing-masing.

Mungkin di sini kerajaan boleh mengambil langkah untuk mengambil alih projek-projek yang berkenaan bagi mengatasi masalah yang dihadapi oleh pembeli. Dengan jalan ini saya fikir ini akan - saya mengesyorkan pihak kerajaan mengkaji dan meneliti cadangan ini sebagai satu cara penyelesaian kepada masalah yang masih menghantui rumah ramai pembeli yang teraniaya di negara ini. Kalau kita kira angka, saya fikir tidak kurang daripada 30,000 keluarga di negara ini.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Yang Berhormat, minta laluan. Sebelum Yang Berhormat bincang tentang topik baru, saya berpendapat memiliki rumah ini memang rumah pertama adalah keperluan asas kepada semua orang. Akan tetapi masalah sekarang ialah rumah pertama ini banyak yang umur lebih kurang 50 tahun pun belum ada rumah pertama. Jadi, apakah cadangan Yang Berhormat macam mana kerajaan hendak selesaikan ataupun hendak bagi prioriti

kepada mereka? Kadang-kadang mereka sudah 55 ataupun 60, bank pun tidak mahu memberi pinjaman kepada mereka sebab pinjaman bank hanya sampai umur 65 ataupun mungkin selepas bersara mereka tidak ada *income*. Jadi, macam mana kita hendak selesaikan masalah ini ataupun adakah model daripada negara lain yang sudah *proven*lah, dengan izin, yang boleh menyelesaikan masalah seperti ini bagi mereka-mereka yang hendak bersara itu?

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya ia tidak ada standard model. Di Singapura masalahnya berlainan, di Peru masalahnya berlainan, di UK masalahnya berlainan tetapi saya sambil memberi cadangan dan kritikal terhadap perancangan perumahan negara, saya fikir negara kita masih mempunyai satu dasar perumahan yang terbaik di dunia. Yang pertama sekali, tidak banyak negara yang memperuntukkan 30% daripada satu-satu perancangan perumahan untuk rumah murah. *This is not done in UK for example*, dengan izin. Ini telah memberi peluang kepada mereka-mereka untuk membeli rumah kurang daripada RM40,000 kalau duduk di luar Kuala Lumpur. Itu adalah satu perancangan. Berhubungan dengan Rumah Pertamaku yang sebenarnya apabila Yang Amat Berhormat Perdana Menteri membuat cadangan ini ialah untuk memberi peluang kepada mereka-mereka yang umurnya 30 tahun ke bawah. Saya fikirlah.

■ 1510

Akan tetapi saya fikir, kalaulah umur *you* itu 50 tahun dan masih *earning* RM3,000, saya fikir *you are still entitle*. Saya fikirlah, saya tidak tahu, perlu *check* ini. Bukan hanya kepada mereka yang berumur rendah. Akan tetapi, perkara ini patut juga dibawalah, bagaimana kita hendak memastikan, ini adalah hasrat kerajaan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak. *Everybody* di Malaysia ini mempunyai satu rumah dan sebagainya *and I think we are going forward in the right direction*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

Boleh saya teruskan Tuan Yang di-Pertua?

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Boleh saya mencelah?

Tuan Yang di-Pertua: Ini Yang Berhormat hendak minta mencelah atau Yang Berhormat Dato' Najeeb bin Abdullah? Bagaimana Yang Berhormat? Silakan.

Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa pandangan Yang Berhormat bagi memastikan golongan yang telah berumur, tidak boleh mendapat pinjaman lagi, kita lakukan pinjaman yang dipanggil dua generasi atau pun tiga generasi pun tidak apa yang mana si ayah atau ketua keluarga memohon yang tidak mempunyai *income* yang tetap tetapi dibantu oleh anak mereka yang bakal menjadi pembayar akhirnya kepada pinjaman tersebut. Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat. Ini adalah *suggestion* yang bagus dan saya fikir sesetengah daripada bank di dalam negara ini telah pun mengadakan skim seumpama itu. Maknanya, bukan sahaja setakat umur bapa tetapi sehingga umur anak-anak mereka. Jadi *loan* itu menjadi 40 tahun, 50 tahun atau pun 60 tahun. Memang ada bank-bank atau institusi kewangan yang telah membuat skim seumpama itu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya membawa dua perkara dengan pendek sebab perkara-perkara ini adalah perkara yang selalu disebut dan hangat disebut. Perkara yang ingin saya bahaskan adalah isu Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Seperti yang kita tahu secara ringkas, penubuhan PTPTN yang dilancarkan pada tahun 1997 merupakan hasrat murni kerajaan di dalam membantu meringankan beban rakyat terutamanya ibu bapa di dalam membiayai kos pembelajaran anak-anak mereka di peringkat universiti. Melalui PTPTN, lebih ramai pelajar mampu untuk melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tinggi. Dengan adanya akses ke tahap pendidikan yang lebih tinggi, peluang bagi rakyat Malaysia terutama bumiputera untuk mendapatkan peluang pekerjaan profesional akan bertambah sekali gus mampu untuk memperoleh taraf kehidupan yang lebih baik untuk diri sendiri, keluarga dan negaranya.

Secara logiknya, pinjaman kewangan perlu dibayar semula. Janganlah kita menjadi seperti kacang lupukan kulit. Apabila kita sudah berjaya memiliki pekerjaan tetap, kita mula lupa bantuan yang diberikan dan tidak membayar semula PTPTN. Apa pula nasib untuk anak cucu kita? Bagaimana mereka hendak membiayai yuran pengajian mereka kelak? Pihak kerajaan telah mengambil pelbagai langkah untuk mengurangkan beban bayaran balik PTPTN. Baru-baru ini melalui Rundingan Meja Bulat Mahasiswa Nasional 2012 anjuran Pemuda UMNO, sebelas resolusi telah dicapai di dalam penambahbaikan PTPTN. Antaranya kadar faedah 1% yang dikenakan ke atas peminjam PTPTN akan dihapuskan.

Selain itu, bayaran pinjaman mula dibuat apabila peminjam telah berkhidmat lebih enam bulan atau telah mempunyai pendapatan RM3,000 ke atas. Kerajaan juga akan menimbangkan kaedah bayaran balik melalui mekanisme pembayaran seperti KWSP dan LHDN di samping kemudahan pembayaran melalui sistem e-Payment sedia ada. Kaedah menyenarai hitam pinjaman yang menjejaskan kebebasan peminjam untuk keluar negara atau membuat lain-lain pinjaman juga akan dimansuhkan.

Ternyata kerajaan bersikap terbuka di dalam memastikan PTPTN tidak membebankan peminjam. Juga ada yang mahu PTPTN ditukar kepada biasiswa, mungkin golongan ini tidak tahu bahawa pelajar yang mendapat Kepujian Kelas Pertama tidak perlu membayar balik pinjaman PTPTN. Cuma boleh jadi kerajaan boleh memikirkan seperti yang disebut oleh salah satu daripada Ahli Yang Berhormat semalam, boleh jadi yang dapat *Second Class Upper* pun dikurangkan 30%. Justeru, saya tidak nampak kenapa kita perlu memansuhkan PTPTN. Ini kerana ternyata objektif utamanya adalah membantu rakyat Malaysia untuk mampu melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi yang seterusnya meningkatkan taraf hidup mereka.

Tuan Yang di-Pertua, bercakap mengenai pendidikan tinggi di Malaysia, saya ingin jugalah menyentuh mengenai kebanjiran pelajar-pelajar asing di negara kita yang telah banyak kali dibangkitkan di Dewan yang mulia ini. Kemasukan pelajar-pelajar asing ke Malaysia telah meningkat dari tahun ke tahun didorong oleh sistem pendidikan kita yang komprehensif, sistematik di samping kos yang *affordable*, dengan izin. Sebagaimana yang diketahui umum, Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran telah mengumumkan bahawa

World Economic Forum Global Competitiveness Index's Report 2011-2012 meletakkan kualiti sistem pendidikan Malaysia di tangga ke-14 daripada 142 negara.

Malaysia harus bangga dengan pencapaian ini yang lebih tinggi daripada kebanyakan negara maju termasuk United Kingdom, Amerika Syarikat dan Jerman. Tidak saya nafikan akan pentingnya kemasukan pelajar asing ke negara kita. Akan tetapi, ingin saya tekankan di sini bahawa kerajaan perlu mengawal kemasukan pelajar asing ini kerana terdapat seperti yang kita tahu di kalangan mereka yang menjalankan kegiatan-kegiatan jenayah, samseng, rogol, pemerdagangan manusia, penyeludupan dadah dan sebagainya. Kerajaan perlu mewujudkan dasar-dasar yang lebih terperinci di dalam pemberian visa pelajar. Ini adalah untuk memastikan mereka yang mendapat visa pelajar di Malaysia benar-benar datang untuk belajar dan bukan untuk tujuan-tujuan yang lain.

Akan tetapi yang terakhir Tuan Yang di-Pertua, kalau saya diizinkan ialah berkaitan dengan pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960, Akta ISA. Pemansuhan ISA adalah satu langkah yang harus dipuji kerana menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap kesejahteraan rakyat. Setelah 52 tahun, Akta ini dianggap lapuk kerana Malaysia kini tidak lagi diancam pengaruh Komunis seperti mana tujuan asal akta tersebut. Akta yang berdasarkan budi bicara pihak yang diberi kuasa dikatakan membawa kepada penyalahgunaan kuasa dari segi pelaksanaan dan tidak disenangi oleh rakyat. Pemensuhan tanpa bicara juga dikatakan bertentangan dengan Akta Hak Asasi Manusia 1998 kerana bersifat diskriminasi dan berat sebelah. Pendekatan ini adalah sebahagian daripada inisiatif Program Transformasi Politik (PTP) yang juga merangkumi pembatalan tiga proklamasi darurat, Akta Kediaman Terhad, Akta Buang Negeri dan penggubahan Akta Perhimpunan Aman termasuk pemindahan Akta Mesin Cetak dan Penerbitan.

Program ini adalah satu usaha untuk mencapai matlamat ke arah negara maju dan menjadi pemangkin untuk evolusi negara. Transformasi politik yang perlu dititikberatkan selain daripada transformasi ekonomi semata-mata. Walau bagaimanapun, dengan pemansuhan ini perhatian masih perlu diberikan untuk memastikan keamanan di antara masyarakat sejagat dipelihara. Adalah diharapkan Rang Undang-undang Kesalahan Keselamatan 2012 yang telah digubal dapat mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh akta sebelumnya atas dasar memastikan keselamatan negara terjamin.

■1520

Rang undang-undang ini telah diubahsuai untuk menghadapi ancaman semasa iaitu menentang keganasan antarabangsa yang berteraskan ideologi ekstremisme. Ia juga mengutamakan kedaulatan undang-undang dan keselamatan negara dan bukan bersandarkan kepentingan politik semata-mata. Selain itu, kawalan yang diberi kepada mereka yang diberi kuasa dapat mengelakkan penyalahgunaan. Semoga akta baru ini dapat mengekalkan ketenteraman awam dan keselamatan negara.

Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan di bawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib atas pemansuhan Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 atau ISA yang

membuktikan bahawa kerajaan adalah responsif terhadap kehendak rakyat dalam melupuskan undang-undang lapuk ala pemerintahan British yang diwujudkan sewaktu negara berada di dalam darurat berdekad yang lalu. Ini adalah satu tindakan yang berani dan demi memastikan keadilan diutamakan dengan memperkukuh kebebasan sivil dan mempertahankan hak asasi rakyat.

Sekian sahajalah ucapan saya Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dengan harapan semoga komen-komen saya mendapat perhatian sewajarnya dari pihak-pihak yang berkenaan demi untuk mencapai hasrat murni Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Yang Amat Berhormat Dato' Sri Najib di dalam usaha untuk membawa negara ini ke arah negara maju dan berpendapatan tinggi di samping mencapai hasrat gagasan, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Sekian, terima kasih. Saya pohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya persilakan Yang Berhormat Lee Cheam Choon. Selepas ini saya minta yang nama dihantar di sini ialah Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh, Yang Berhormat Haji Muhamad Yusof bin Husin, Yang Berhormat Baharudin bin Abu Bakar dan Yang Berhormat Hajah Mariany dan diharap jangan meninggalkan Dewan ya. Sekian, terima kasih. Silakan Yang Berhormat.

3.22 ptg.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya, izinkan saya untuk merakamkan ucapan menjunjung kasih Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mana ia merupakan Titah Ucapan yang menyeluruh dan menyentuh pelbagai aspek dan lapisan masyarakat di negara kita. Pada ucapan saya di Mesyuarat Ketiga, Penggal Keempat, Parlimen Ke-12 yang lalu, saya ada menyentuh mengenai isu keselamatan bekalan makanan di negara kita...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh sekejap ya, saya hendak beri pengumuman ya. Kita akan berakhir esok. Mengikut nama-nama yang dihantar pada saya di sini, esok kita ada hanya terima enam orang iaitu Yang Berhormat Puan S. Bagiam, Yang Berhormat Mulia Datuk Raja Ropiaah, Yang Berhormat Mulia Tunku Abdul Aziz, Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap dan Yang Berhormat Subramaniam. Saya harap agaknya itu sahaja. Kalau hendak cakap, elok kemukakan sekarang supaya senang saya hendak buat jadual untuk kemudahan masa. Kalau sekiranya tidak ada orang hendak bercakap, kita boleh cepat berhenti. Sudah itu, ini saya mohon kerjasama ya. Silakan Yang Berhormat.

Tuan Lee Cheam Choon: Terima kasih. Dalam Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang kita bahaskan ini, Baginda ada menyentuh mengenai kenaikan harga bahan-bahan makanan di seluruh dunia yang disebabkan oleh pemanasan global, bencana alam dan peningkatan penduduk dunia sebanyak empat peratus setahun berbanding dengan pengeluaran makanan dunia sebanyak satu hingga dua peratus. Baginda menyifatkan ini sebagai krisis makanan global dan menyuarakan kebimbangan kepada fenomena ini kerana Malaysia

adalah negara pengimport makanan dan kita terdedah kepada kenaikan harga bahan makanan yang mana ia di luar kawalan kerajaan.

Bertepatan dengan saranan Baginda, saya ingin sekali lagi menyeru kepada Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk melihat kepada isu ini dengan serius dan mengambil langkah-langkah perlu dengan kadar yang agak segera untuk menangani isu kenaikan harga bekalan bahan makanan yang mungkin akan jadi lebih kronik jika kita tidak mengambil langkah-langkah yang drastik.

Tuan Yang di-Pertua, kita sememangnya maklum bahawa Kerajaan Barisan Nasional di bawah pentadbiran Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abd Razak telah mengambil pelbagai langkah dalam usaha-usaha kerajaan yang berterusan untuk meringankan beban yang ditanggung rakyat kerana kenaikan kos bahan makanan dengan skim BR1M, PR1MA, GR1M dan sebagainya. Akan tetapi, kita tidak dapat lari dari realiti bahawa harga makanan sememangnya telah naik dengan agak tinggi kebelakangan ini.

Dua tahun yang lalu, jika kita makan di restoran atau gerai makanan, saya ambil misalan ini di negeri Melaka ya Tuan Yang di-Pertua, sepinggan nasi dengan ayam, daging ataupun ikan ditambah dengan dua atau tiga sayuran ataupun ulam hanya mencecah RM3.50 ke RM4. Manakala pada hari ini, makanan yang sama akan di caj dengan harga tidak kurang daripada RM6 dan kadang-kadang sehingga RM7.50, RM8 sepinggan. Alasan yang diberikan adalah harga bahan makanan dan sayur-sayuran telah naik pada harga yang tinggi.

Saya telah membangkitkan di Dewan yang mulia ini pada mesyuarat yang lalu bahawa tahap sara diri bagi sayur-sayuran di negara kita adalah pada tahap 41.2% pada tahun 2010. Ini bermakna negara mengimport 58.8% keperluan sayur-sayuran. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kerajaan, apakah tahap sara diri bagi sayur-sayuran yang boleh kita jangkakan pada tahun 2015 setelah kita mengambil langkah-langkah yang sewajarnya untuk meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dalam negara melalui pelbagai projek tanaman sayur-sayuran?

Saya percaya dengan peningkatan pengeluaran sayur-sayuran dalam negara, ia akan dapat membantu dalam mengurangkan harga makanan yang ditanggung oleh rakyat. Saya menaruh keyakinan yang penuh bahawa sekiranya kita berjaya meningkatkan pengeluaran sayur-sayuran dalam negara kita, pengurangan import sayur-sayuran akan memberi faedah yang besar kepada rakyat melalui penurunan kos sayur-sayuran yang akan diterjemahkan kepada pengurangan harga makanan di restoran-restoran dan gerai-gerai.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha kerajaan membawa negara kita menuju ke status negara maju dan berpendapatan tinggi, aspek kesihatan juga harus diberi perhatian yang sewajarnya. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Haji Muhyiddin Yassin dalam kenyataan beliau pada tahun lalu menyatakan bahawa negara masih memerlukan doktor dan pakar perubatan di Malaysia kerana nisbah doktor kepada penduduk di negara ini berada pada tahap satu doktor kepada 900 penduduk. Pertubuhan Kesihatan Sedunia, WHO, atau *World*

Health Organization dengan izin, telah menetapkan nisbah yang sepatutnya adalah seorang doktor kepada 600 penduduk. Oleh yang demikian, adalah jelas negara masih memerlukan lebih ramai doktor dan pakar perubatan bagi memenuhi piawaian yang ditetapkan di peringkat antarabangsa agar perkhidmatan kesihatan yang ditawarkan kepada rakyat lebih berkualiti.

■1530

Saya cuma ingin mendapatkan penjelasan daripada pihak kementerian, bilakah agaknya kita boleh mencapai nisbah satu doktor kepada 600 penduduk seperti yang ditetapkan oleh *World Health Organization*? Sungguhpun demikian saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana terus berusaha untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan kepada rakyat terutamanya kepada golongan yang berpendapatan rendah dan miskin melalui Klinik 1Malaysia yang memberi impak yang baik kepada perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Saya berharap lebih banyak lagi Klinik 1Malaysia akan ditubuhkan di seluruh negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha menjamin keselamatan dalam negeri kerajaan berusaha mengimbangi tuntutan keseimbangan antara kepentingan individu dan kumpulan dengan kepentingan negara. Kebebasan rakyat hendaklah dilandaskan dengan peruntukan yang diberikan di bawah Perlembagaan Persekutuan. Walaupun ramai yang masih memandang kepada undang-undang Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 yang baru diluluskan sebagai mengehadkan kebebasan rakyat. Akan tetapi kerajaan perlu mengambil langkah pragmatik terutamanya jika ia bersabit dengan isu yang boleh menjatuhkan ekonomi, memporak-perandakan kehidupan sosial dan menggagalkan sistem politik negara. Isu keselamatan tiada kompromi, terutamanya ia menjerus kepada keganasan dan ekstremis.

Hari ini kita mula mengendali isu baru iaitu keganasan ekonomi. Saya rasa kerajaan perlu memberi jaminan supaya negara kita tidak terjerumus ke kancang huru-hara sama ada dari dalam ataupun luar negara. Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah diberi mandat untuk memastikan keselamatan negara ini dengan kerjasama Interpol, mengekang kegiatan yang memudaratkan negara. Tenaga pihak tentera juga digembleng dalam usaha menjaga keselamatan negara. Walaupun begitu, sempadan negara tetap dapat dibolosi oleh mereka yang datang dari arah darat, laut mahupun udara. Pelbagai cara dan usaha pihak kerajaan lakukan untuk memastikan terutamanya pendatang asing tidak dapat mencero boh masuk. Sistem biometrik adalah mekanisme terakhir digunakan untuk memastikan setiap laluan masuk diawasi.

Tuan Yang di-Pertua, hari ini saya ingin memberi penekanan terhadap isu berkaitan dengan wanita warga asing yang datang menggunakan visa tetapi menyalahgunakan visa lawatan melakukan pelacuran atau aktiviti yang bertentangan dengan undang-undang negara dan norma-norma tradisi kehidupan dalam masyarakat Malaysia. Mereka yang dikenali sebagai *China doll* beberapa kali ditangkap, dihantar pulang ke negara asal tetapi masih mampu datang semula ke negara ini. Apakah cara yang mereka lakukan sehingga dapat masuk semula? Adakah adanya pegawai atau mereka dalam negara yang mendalangi kedatangan mereka?

Suatu masa dahulu wanita warga Cina melakukan aktiviti pelacuran di sebalik wajah seorang pelajar di pusat-pusat pengajian swasta. Akan tetapi hari ini, tempat itu telah diisi pula daripada wanita daripada Vietnam dan Thailand. Setiap minggu kita disajikan dengan berita terutamanya daripada TV3, serbuan demi serbuan dan tangkapan yang dilakukan. Dalam serbuan itu kita nampak dengan jelasnya perlakuan mereka dan sesetengahnya menjadi kasar dan ganas ketika berdepan dengan pihak penguat kuasa.

Saya ingin menyuarakan pendapat supaya mereka yang ditangkap ini, gambar wajah mereka di pampang di kawasan awam sebagai pendatang dan pelacur. Tidak harus dilanggan, berkemungkinan membawa penyakit berjangkit. Ini tidak berkaitan dengan soal hak asasi manusia. Apatah lagi jika mereka itu terbukti melakukan kesalahan dan pelacuran. Statistik menunjukkan aktiviti wanita-wanita ini berkait rapat dengan rumah urut yang dilesenkan untuk tujuan memberi perkhidmatan mengurus tetapi disalahgunakan kemudiannya.

Jika lesen perkhidmatan ini dibatalkan, pengusaha akan memohon lesen baru dan nama baru serta menggunakan nama rakan serta saudara-mara untuk meneruskan perniagaan. Begitulah seterusnya. Aliran ini tidak akan menampakkan noktah. Jadi apatah lagi yang perlu dilakukan oleh pihak kementerian dalam negeri untuk menangani isu yang tidak berkesudahan ini. Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Tuan Lee Cheam Choon: Okey.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di dalam isu pelacuran daripada negara China saya berpeluang untuk pergi ke kawasan itu di Kuala Lumpur ini iaitu di Jalan Gelang. Saya pergi dua kali ya, *different times. At one time*, pada masa yang saya lalu, di situ sekurang-kurangnya dua ratus orang wanita muda-muda, putih-putih memang jelas daripada China hadir di situ.

Masalahnya, tidakkah keadaan itu nampak sangat ketara dan pihak KDN ataupun pihak yang berkuasa DBKL ataupun KDN langsung tidak mengambil tindakan yang sewajarnya pada kawasan itu? Memang jelas nampak. Jadi saya sudah pusing dua kali, takut *next time* / sudah tidak boleh pergi sudah. Nanti kereta saya *dimark*. Saya ajak juga kawan lain di kereta lain juga keadaan yang sama. Akan tetapi apabila saya *round* atau pusing di tempat itu di masa Tahun Baru Cina, kosong. Mereka balik raya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Di Jalan Gelang, dekat Jalan Pudu kah, Loke Yiew rasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lee Cheam Choon: Yang Berhormat berani juga pergi sana ya... *[Ketawa]* Akan tetapi Yang Berhormat pergi sana Yang Berhormat perempuan okey. Saya pernah pergi sana, saya lelaki. Semasa saya pergi saya risau juga, kalau ada berlaku tangkapan saya kena ditangkap... *[Ketawa][Disampuk]* Oh! Saya pergi untuk tahulah sesuatu kan... *[Ketawa]*

Datuk Majjol Mahap: Mohon mencelah.

Tuan Lee Cheam Choon: Satu lagi.

Datuk Majid Mahap: Tuan Yang di-Pertua, tadi mengenai dengan *China doll*, dari China. Akan tetapi saya melihat bahawa ada satu kategori yang saya rasa boleh mengancam keselamatan negara kita. Kumpulan yang agak kasarlah bagi saya sebab mereka ini adalah kumpulan daripada Afrika. Khasnya *Nigerian* yang dulu saya terbaca dalam surat khabar, mereka ini tinggal satu kondok. Saya lupa nama pondok itu, di Klang. Mereka mengamuk dan mengikut berita yang saya baca mereka mengganggu warga wanita di situ, sehinggalah terjadi pergaduhan dan berakhir dengan kematian seorang warga *Nigeria* itu. Saya rasa ia tidak akan berhenti di situ. Mereka akan terus mengamuk dan mengancam keselamatan kita.

■1540

Jadi dalam hal ini siapa yang bersalah? Mungkin mereka ini datang sebagai pelajar ataupun bertugas. Saya tidak pasti. Akan tetapi yang nyata ialah kumpulan mereka ganas dan boleh mengancam ketenteraman kita. Jadi apa pendapat Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Lee Cheam Choon: Tuan Yang di-Pertua, dalam bahagian kedua saya ada menyentuh mengenai perkara ini Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menarik perhatian mengenai isu Awang Hitam. Lelaki dari negara-negara Afrika sama ada mereka itu...

Puan Chew Lee Giok: Tuan Yang di-Pertua, mencelah sebelum ke topik lain... [Ketawa] Tuan Yang di-Pertua, tentang tadi Yang Berhormat Puan Mariany cakap di Kuala Lumpur bukan di Kuala Lumpur sahaja. Di Selangor di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat sama sahaja rumah urut, pelacuran pun banyak. Maksud saya, mungkin pihak berkuasa tempatan dan majlis perbandaran kena ambil tindakan untuk perkara ini. Apa pendapat Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Lee Cheam Choon: Memang dipersetujui. Saya terdengar berita-berita dan saya tidak tahu sama ada ini benar atau tidak, Yang Berhormat mempunyai rumah urut di Selangor. Saya tidak tahu sama ada betul atau tidak tetapi saya memang terdengar khabar begitu.

Dato' Dr. Yeow Chai Thiam: Exco.

Tuan Lee Cheam Choon: Ha, Yang Berhormat Dato' Dr. Yeow kata Exco Negeri Selangor. Tidak tahulah. Saya juga ingin menarik perhatian mengenai isu 'Awang Hitam'. Lelaki dari negara-negara Afrika sama ada mereka itu pelancong, pelajar ataupun mempunyai rangkaian perniagaan di sini ramai yang datang dengan cara memalsukan dokumen dan ini sangat membahayakan kepada sistem Imigresen negara kita. Baru-baru ini kita disajikan dengan perlakuan jenayah terhadap seorang pelajar wanita di mana disebabkan kad ATM ditelan oleh mesin ATM maka 'Awang Hitam' naik berang dan membelasah pelajar wanita itu sehingga cedera. Apakah tindakan yang telah diambil? Di mana silapnya tentang wanita dan gadis tempatan yang suka memilih mereka sebagai teman? Apakah kelebihan mereka sebagai pemilihan? Di mana pula silapnya jejak-jejak tempatan? Mungkinkah disiplin, sikap biadab mat motor menjadi punca? Suka membuang masa dan tidak ada hala tuju hidup maka wanita dan gadis kita berpindah pilihan. Nampak gayanya wanita dan gadis kita sudah lupa kepada hukum syarak dan undang-undang syariah... [Tepuk]

Berapa wanita ditangkap kerana bersekedudukan dengan 'Awang Hitam' dan sesetengah wanita ini ada suami dan mempunyai anak-anak. Anak-anak dan suami mungkin menjadi *decoyed*, dengan izin. Apa sudah jadi gadis dan tanah air kita? Ternyata warga lelaki Afrika ini mampu menggugat institusi kekeluargaan dan masyarakat. 'Awang Hitam' ini bukan lagi sibuk dengan menggubah wang haram dan menipu dengan pelbagai cara tetapi telah berubah kepada modus operandi antarabangsa dengan mengedar dadah sehingga telah berjaya menyumbat warganegara Malaysia ke penjara di seluruh dunia sebagai keldai dadah. Jika laporan ini berterusan maka kita dapat mengandaikan pihak keselamatan dalam negeri telah gagal dalam usaha mengekang penglibatan jenayah 'Awang Hitam' ini. Bolehkah *statement* ini diterima oleh pihak KDN?

Tuan Yang di-Pertua, isu rasuah juga boleh menjadi penanda kepada turun sikap untuk menjadi jujur dalam menjalankan tugas apalagi jika ia melibatkan kepentingan orang ramai. Ops Bersepadu yang dijalankan hendaklah sentiasa dikemaskinikan. Jangan ada pegawai yang membocorkan rancangan kerana wang dalam usaha membanteras perlakuan tidak bermoral pendatang asing. Mana-mana pegawai yang telah melakukan pembocoran rahsia hendaklah ditahan dan selepas siasatan didapati bersalah dan terus dibuang daripada perkhidmatan. Anggap pegawai ini sebagai pengkhianat negara.

Saya juga menyarankan pegawai tinggi hendaklah sentiasa dan berterusan peka dengan perlakuan dan nilai moral kakitangan di bawah jagaan mereka. Pegawai yang *empathy* bolehlah dengan secara langsung menerima keyakinan dan kepercayaan dari anak buah ataupun pegawai di peringkat rendah. Dengan kata-kata itu saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Saya persilakan Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh.

3.46 ptg.

Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh: Selamat petang, salam 1Malaysia saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat-Yang Berhormat Senator. Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya di Dewan yang mulia ini untuk memperbahaskan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah ibni Al-Marhum Sultan Badlishah. Saya juga ingin menyampaikan ucapan takziah kepada keluarga rakan dan penasihat saya dalam bidang politik mendiang Senator PK Subbaiyah yang telah meninggalkan kita semua selamanya pada 18 April lalu. Semoga tuhan memberi kekuatan dan semangat kepada isteri dan anak-anaknya untuk menghadapi peristiwa kejutan ini.

Tuan Yang di-Pertua, tahun ini Kerajaan Malaysia buat pertama kalinya telah berjaya melaksanakan satu skim berdasarkan dengan Gagasan 1Malaysia di mana setiap kumpulan sasaran telah bermanfaat. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Perdana Menteri Malaysia konsep dan idea Bantuan Rakyat 1Malaysia ini walaupun nampak seperti satu konsep yang *simple* tetapi sungguh berkesan di mana lebih kurang 4.3 juta keluarga telah bermanfaat darinya tanpa mengira bangsa ataupun kaum tetapi bersasaran kepada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 sebulan.

Skim ini begitu unik sekali kerana ia dapat dilaksanakan dalam masa ataupun tempoh 90 hari di mana sistem penyampaian kerajaan telah diuji dan dapat membina perhubungan dengan orang ramai. Dari segi matematikanya kerajaan telah berjaya memproses sebanyak 47,778 kes tiap-tiap hari. Saya bercadang kerajaan terus memberi tumpuan dan dapat mengeluarkan inisiatif-inisiatif seperti ini, memanglah satu *touch point* dengan izin, kerana Kerajaan Barisan Nasional adalah kerajaan yang mengutamakan rakyat dahulu... [*Tepuk*]

Inisiatif-inisiatif yang ingin saya cadangkan adalah seperti berikut. Di negara kita Malaysia yang kita semua sayangi walaupun kita hendak menuju ke arah negara status yang maju masih terdapat banyak bilangan yang berpendapatan rendah iaitu kurang daripada RM1,000 membuat mereka dalam kategori golongan miskin. Saya percaya tiap-tiap Yang Berhormat di Dewan yang mulia ini mempunyai pengalaman memberi pertolongan dari segi kewangan atau bantuan lain semasa keluarga ini menghadapi kecemasan atau kematian. Keluarga ini selalunya tidak mampu membiayai kos pengebumian malah akan berada dalam situasi yang begitu *critical*, dengan izin apabila dilanda kematian si pencari nafkah.

■1550

Pada pendapat saya, seperti BR1M, kerajaan sepatutnya menyediakan dana waktu kecemasan untuk keluarga dalam kategori ini. Saya memohon mencadangkan kerajaan melaksanakan satu skim insurans kecemasan untuk keluarga-keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM1,000 sebulan di mana dana sebanyak RM2,000 dapat disalurkan kepada keluarga ini dengan serta-merta apabila berlaku kematian pencari nafkah keluarga. Keluarga-keluarga yang telah mendapat manfaat daripada BR1M ini mesti diberi peluang mencari jalan lain untuk mendapat pendapatan tambahan supaya dapat menolong mereka mengurangkan beban daripada harga barang yang semakin meningkat setiap hari.

Konsep *Pink Form* dengan izin, bagi syarikat-syarikat *blue chip* yang akan diapungkan di Bursa adalah satu konsep yang *proven* dengan izin, di mana golongan yang mendapat *Pink Form* ini boleh mendapat pendapatan tambahan. Kerajaan sepatutnya melihat balik pengeluaran *Pink Form* di mana satu peratusan boleh ditentukan untuk golongan BR1M ini supaya mereka juga dapat mengambil bahagian dalam sistem ekuiti negara kita.

Pembelian rumah di Malaysia bagi skim-skim baru selalunya mempunyai harga istimewa bagi kategori bumiputera di mana diskaun antara 5% hingga 10% diberikan. Saya berpendapat keluarga-keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM3,000 pun sepatutnya diberi harga istimewa oleh pemaju. Apakah salahnya kalau konsep ini diluaskan untuk bumiputera dan golongan-golongan yang berpendapatan rendah. Saya mencadangkan setiap skim rumah-rumah baru mempunyai sesuatu peratusan yang tertentu di mana harga istimewa diberikan kepada kedua-dua golongan ini selaras dengan Gagasan 1Malaysia. Sepertimana yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Rahim ini tentang rumah, memang terdapat ramai rakyat kita yang ingin membeli rumah yang mampu ataupun *affordable housing*, dengan izin.

Di dalam Bajet 2012, kerajaan akan membina sebanyak 9,580 buah rumah di bawah skim PR1MA dan 15,000 buah rumah di bawah program PPR. Pemilikan rumah ini adalah secara *open ballot*. Saya ingin tahu daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan apakah status skim-skim ini. Sama ada skim ini dapat menarik golongan muda dan bagaimana golongan yang berpendapatan rendah telah bermanfaat dan boleh mendapat maklumat dan membuat permohonan.

Pendidikan hingga ke universiti untuk anak-anak kita sudah menjadi keperluan asas kepada setiap keluarga. Dalam dunia yang begitu sibuk ketika ini, pendidikan yang cukup adalah passport untuk membawa kejayaan kepada generasi muda. Jika kita menoleh belakang dan melihat peluang pendidikan 30 tahun dahulu, kita dapati hanya terdapat lebih kurang lima atau enam buah universiti awam dan tidak ada universiti swasta di negara kita. Kita hanya dapat memberi peluang untuk lebih kurang 20,000 orang pelajar setiap tahun. Landskap pendidikan tinggi telah begitu berubah di mana kita sekarang mempunyai institusi-institusi awam, swasta yang terdiri daripada status universiti, universiti kolej, kolej, institut pengajian tinggi. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada Menteri Pengajian Tinggi kerana kita dapat meningkatkan peluang pendidikan tinggi dengan lebih daripada 1,000% dalam masa 30 tahun yang lalu.

Walau bagaimanapun, apa yang menyedihkan kita bukan daripada segi kuantiti tetapi dari segi kualiti graduan yang kita keluarkan. Bila saya memasuki Universiti Malaya pada 30 tahun dahulu untuk mengikuti kursus kejuruteraan. Taraf universiti ini adalah lebih tinggi daripada *National University of Singapore* dan juga antara prestasi universiti yang tinggi di dunia. Rakan-rakan saya di fakulti kejuruteraan, di fakulti perubatan, di fakulti undang-undang semuanya adalah murid-murid yang cemerlang sekali dalam peperiksaan di Malaysia dan kebanyakan mereka adalah *top scorers*, dengan izin dalam sekolah dan nama mereka semua disenaraikan di akhbar. Malangnya selepas 30 tahun, prestasi universiti ini sudah begitu merosot.

Begitu juga dengan universiti-universiti awam lain. Untuk sesebuah universiti mencapai prestasi tinggi, ia bukan hanya bergantung kepada pensyarah ataupun fasiliti yang canggih tetapi juga bergantung kepada pelajar cemerlang yang akan masuk ke universiti itu. Saya pun tidak faham kenapa kebelakangan ini iaitu 10 atau 20 tahun yang lalu kerajaan telah memberi peluang biasiswa kepada murid-murid cemerlang dan mereka selalunya dihantar ke universiti-universiti luar negara dan swasta. Jika semua pelajar cemerlang tidak mahu masuk ada segani masuk ke universiti awam, kualiti persaingan universiti awam negara kita sudah tentu tidak dapat dikekalkan.

Saya baca di akhbar baru-baru ini pun, tahun ini biasiswa diberikan kepada murid-murid cemerlang untuk mengikuti *A-Level* atau *foundation* di universiti swasta. Saya ingin mendapatkan penerangan daripada Jabatan Perdana Menteri. Kenapa tidak menyediakan pelajar-pelajar cemerlang ini untuk memasuki universiti tempatan awam. Jika kita dapat menggabungkan kualiti pensyarah dengan *student* yang cukup bersama dengan pengambilan pelajar-pelajar cemerlang. Saya pasti dan sudah tentu dalam masa jangka lima atau sepuluh tahun, universiti-universiti tempatan kita boleh bermutu tinggi dalam ranking dunia.

Pada satu ketika, pengambilan pelajar-pelajar India ke IPTA adalah lebih kurang 8,000 orang pelajar setiap tahun. Dengan keadaan sedia ada di mana terdapat universiti-universiti swasta, pelajar India kebanyakan mengambil jalan lain iaitu mengikuti kursus *A-Level* atau *Foundation Studies*. Mereka tidak minat meneruskan pelajaran di peringkat STPM kerana mereka dapati sukar untuk mendapat tempat di IPTA dalam bidang yang diminati terutamanya dengan pengenalan sistem meritokrasi. Situasi pelajar-pelajar yang memasuki universiti awam setiap tahun telah merosot sehingga kurang daripada 3,000 pelajar India tiap-tiap tahun. Apabila saya bincang dengan rakan-rakan saya yang bekerja di universiti, saya dapat tahu yang pelajar-pelajar asing daripada luar negara banyak menuntut di IPTA. Saya kurang pasti bilangannya tetapi saya berasa pelajar luar negara di IPTA sekarang mungkin melebihi pelajar-pelajar India di IPTA.

Saya ingin bertanya kepada Menteri Pengajian Tinggi berapakah jumlah pelajar-pelajar luar negara yang masuk di IPTA tahun lalu dan jangkaan untuk tahun ini. Apakah syarat kelayakan untuk pelajar-pelajar ini? Jika kelayakan *A-Level*, *IB*, *Foundation Studies* daripada negara mereka boleh diterima untuk golongan ini, kenapa tidak membuka jalan untuk *A-Level* ataupun *IB* ataupun *Foundation Studies* di Malaysia untuk rakyat Malaysia terutamanya daripada golongan kaum India.

■1600

Dalam perkembangan institusi pengajian tinggi di mana sekarang terdapat IPTA dan IPTS. Setiap rakyat Malaysia mempunyai peluang pendidikan tinggi. Setiap tahun lebih kurang 480 ribu orang generasi muda akan mengambil peperiksaan SPM. Mereka akan berjaya mencari peluang untuk melanjutkan pelajaran ataupun pendidikan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kerajaan Malaysia kerana bukan sahaja kita memberi peluang untuk lebih daripada 250 ribu orang mengikuti pelajaran tinggi. Akan tetapi, kerajaan juga menyediakan beberapa banyak kolej kemahiran untuk memberi peluang kepada mereka yang tidak mendapat keputusan yang baik di SPM mengikuti kursus kemahiran.

Pada pendapat saya dasar kerajaan Barisan Nasional adalah memberi peluang pelajaran kepada semua rakyat Malaysia generasi muda. Untuk seseorang individu melanjutkan pelajaran bukan semua orang boleh mendapat biasiswa, bukan semua orang boleh bergantung wang daripada ibu bapa. Kita tidak mahu sesiapa rakyat Malaysia ini tertinggal berpelajaran tinggi kerana tidak ada wang, kerana tidak mampu.

[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]

Itulah sebabnya kerajaan telah melancar Skim PTPTN. Banyak rakyat-rakyat generasi muda orang India telah pun untung atau bermanfaat pada skim ini. Adalah tidak mungkin untuk mana-mana negara memberi pendidikan tinggi secara percuma kepada semua.

Di negara maju seperti Australia mereka juga mempunyai universiti awam dan universiti swasta. Jika seorang masuk universiti awam, kebanyakan kos pendidikan dibiayai oleh kerajaan. Akan tetapi seperti di Malaysia, tempat universiti awam adalah terhad dan kebanyakan murid-murid akan masuk ke universiti swasta di mana mereka dikenakan bayaran penuh. Satu Skim Pinjaman Pendidikan Kerajaan (HACKS) telah dibentuk dan ciri-cirinya adalah sama seperti skim

PTPTN. Sistem seperti ini memang dilaksanakan di kebanyakan negara maju. Di United Kingdom, skim ini digelar sebagai skim *Student Assist Scheme* di mana pinjaman telah diberi setakat ini kepada lebih satu juta warganegara. Di Amerika, skim ini digelar *Federal Drackley Scheme*.

Saya berasa begitu keliru kenapa pihak pembangkang ini memperderhakakan Skim PTPTN yang telah membawa begitu banyak manfaat kepada ramai rakyat Malaysia yang keluar dengan pengajian tinggi. Saya rasa tindakan ini hanya bermaksud untuk mengelirukan rakyat dan hanya hendak cari isu untuk mendapat publisiti daripada rakyat. Perbuatan ini begitu sia-sia dan hanya membuang masa dan wang. Sepatutnya kita semua meluangkan masa untuk berjuang demi kebaikan negara dan rakyat kita. Jika kita ada peluang membaca buku *autobiography innovator* dunia Steve Jobs, beliau pun telah mengikuti pelajaran di *RID College* dan terpaksa bayar. Bergantung kepada simpanan ibu bapanya untuk membayar yuran di Kolej RID. Macam mana dan bagaimana pihak pembangkang boleh katakan hendak bagi pengajian tinggi tanpa bayaran?

Baru-baru ini saya terkejut melihat laporan daripada akhbar iaitu satu *statement* daripada Surenderen menyatakan terdapat 300 ribu orang India yang tidak dapat mendaftar ataupun dalam *situation stateless*, dengan izin. Jika *statement* ini betul itu ertinya 15% rakyat India di Malaysia adalah *stateless*. MIC pada tahun lalu dengan kerjasama KDN dan NGO-NGO India di seluruh Malaysia telah melancarkan satu program bernama MyDaftar untuk mendaftarkan dan proses warganegara untuk mereka yang layak. Setelah bekerja kuat dengan pelbagai mekanisme dan media, kita dapat permohonan sebanyak RM15,000. Kalau saudara Surenderen ini betul-betul pemimpin rakyat kenapa tidak membawa mereka mendaftarkan diri semasa program ini dijalankan ataupun masih boleh membawa terus ke pejabat JPN. Untuk memproses warganegara mereka.

Saya berpendapat pembangkang ini hanya hendak mencari isu-isu dan suka menyebarkan maklumat yang tidak betul. Saya fikir pihak pembangkang fokuslah kepada KPI mereka dan apakah mereka sudah berjaya buat yang telah membawa manfaat kepada rakyat. Pembangkang adalah kerajaan di negeri Selangor. Saya hendak tahu apakah benda yang *significant* yang telah dilancar yang telah membawa beza ataupun *make a different*, dengan izin kepada masyarakat India. Janganlah hendak heboh tetapi cakaplah yang benar.

Saya hendak ucapkan tahniah kepada Menteri Dalam Negeri kerana telah dapat melancarkan Program 6P dengan lancarnya. Adalah penting kita tahu, apakah bilangan pekerja asing di negara kita. Program seperti ini memberi peluang kepada setiap majikan untuk menyenaraikan nama pekerja-pekerja asing dan mereka tidak patut bimbang lagi melanggar undang-undang. Baru-baru ini, Persatuan Restoran India telah datang berjumpa saya. Saya difahamkan bahawa untuk pekerja-pekerja asing, tahap umur maksimum pemasak ataupun *cooked*, dengan izin, adalah 45 tahun. Di Malaysia terdapat banyak restoran India lebih kurang 6,000 yang berdaftar. Jika kita ambil semua saya rasa bilangannya adalah lebih daripada 10,000.

Restoran ini bergantung kepada pekerja-pekerja asing dan banyak telah beroperasi untuk lama lebih kurang lapan hingga lima belas tahun. Mereka mempunyai banyak pekerja dalam lingkungan umur 45 tahun yang sudah mempunyai pengalaman dan tahu menjalankan sistem

pemasakan di restoran ini. Polisi KDN untuk umur maksimum 45 tahun ini, didapati satu yang tidak munasabah dan susah diterima oleh pemilik restoran India. Jika polisi ini dilaksanakan, itu ertinya restoran-restoran ini semua akan menghadapi masalah yang besar iaitu kehilangan pekerja yang berpengalaman, yang adalah tulang pemilik-pemilik restoran ini mengakibatkan kerugian besar. Apabila saya meneliti polisi ini saya pun tidak faham tentang apakah logik had umur ini terutamanya apabila pada zaman sekarang tahun persaraan pekerja telah pun meningkat sehingga 60 tahun.

Masalah ini tidak timbul untuk pemasak tidak timbul di hotel kerana mereka diberi permit profesional dan tidak mempunyai syarat had umur. Saya meminta Menteri dalam memberi keterangan tentang had umur ini dan merayu Kementerian Dalam Negeri untuk mengkaji bagaimana kita boleh menyelesaikan masalah ini sebagai satu *win-win solution*. Mungkin untuk kategori pemasak bagi kes-kes pembaharuan permit, had umur boleh dilanjutkan ke 55 tahun jika pekerja itu mempunyai pengalaman lebih daripada lima tahun dan seterusnya. Soal peratusan ekuiti sesuatu kaum memanglah sensitif apabila kita cuba bincang secara praktikal. Semalam Yang Berhormat Senator Dato' Mohammed Najeeb bin Abdullah membahaskan memang menarik perhatian saya. Di mana Yang Berhormat memberi data ekuiti masyarakat bumiputera adalah lebih kurang 23%.

■ **1610**

Tuan Yang di-Pertua, masyarakat kaum India walaupun lebih kurang 8% populasi di Malaysia. Dari segi pegangan ekuiti, *participation coming* adalah kurang daripada 1.2%. Jika kita ambil keluar lima atau empat individual, partisipasi kami memang akan turun lagi teruk atau kurang daripada perpuluhan 5%. Sepatutnya ekuiti kaum India mesti berada di kalangan sekurang-kurangnya 3%. Tidak ada masyarakat yang mahu tertinggal dalam pembangunan, tahap pencapaian masyarakat India memang paling belakang, ini disebabkan polisi-polisi kerajaan yang tidak sampai ke masyarakat India ataupun mungkin tidak ada mekanisme *affirmative*, dengan izin, untuk memajukan kaum India dari segi pemilikan ekuiti. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kerana telah memberi perhatian khas dari segi pendidikan sekolah Tamil, kebajikan, peluang matrikulasi dan isu-isu infrastruktur bagi kaum India. Walaupun baru-baru ini terdapat pengumuman unit India di bawah PEMANDU, ini semua bagus tetapi tidak cukup untuk kita mencapai *target equity* 35%.

Kita susah, kita sudah tahu, kita tidak perlu menyelidik perkara ini sebab kita tahu apa yang diperlukan, kita masyarakat India perlukan satu program *jump start in accelerated mode*, dengan izin, ataupun satu unit yang memang fokus kepada kaum India. Program ini mestilah jelas di mana kita ada satu *vision* dengan izin, untuk masyarakat India dapat menambahkan ekuiti sekurang-kurangnya dengan angka RM20 bilion sebelum tahun 2020, untuk kita mencapai hasrat ini, ia perlukan strategi gabungan iaitu gabungan dana, peluang istimewa dan usahawan yang kaliber. Saya ingin mencadangkan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa strategi untuk dilaksanakan. Satu agensi yang fokus di mana dana sekurang-kurangnya 2 bilion

diperuntukkan untuk memajukan kaum India dari segi ekuiti di mana dana ini boleh digunakan untuk majukan syarikat India, membeli aset seperti tanah dan bangunan, ataupun terus melabur ke syarikat-syarikat besar yang mempunyai *synergy*.

Program melatih usahawan-usahawan India supaya mereka mempunyai ciri-ciri yang sesuai untuk berjaya dalam perniagaan akan dapat menjadi CEO-CEO dalam jangka masa lapan hingga sepuluh tahun. Kita harap ada program automatif untuk melatih 1,000 usahawan India setiap tahun, mereka boleh dilatih untuk bidang baru seperti yang telah disebutkan di bawah *Economic Transformation Plan*. Kita masyarakat India perlukan peluang istimewa, peluang-peluang istimewa telah pun dilaksanakan untuk golongan bumiputera selama ini, dan kita dapat tahu program ini memang berjaya. Program yang lebih kurang *similar* patut dikeluarkan untuk kaum India. Jika kaum India boleh diberi peluang kontrak kerajaan, majlis perbandaran dan mengambil bahagian dalam skim *privatization*, mendapat akses kepada pinjaman dengan kaedah istimewa, sudah tentu ekonomi orang India akan naik dan lebih banyak lagi syarikat-syarikat boleh diapungkan di desa.

Dengan adanya kelebihan *liquidity* dana, kita memang dapat melabur dan ekuiti India akan naik. Saya merayu kepada Perdana Menteri, memberi perhatian khas untuk mengkaji cadangan saya dan saya berharap satu skim *affirmative* untuk menaikkan ekuiti orang India akan dilaksanakan dengan segera. Sebagai seorang rakyat Malaysia, saya rasa begitu bertuah kerana dapat menikmati budaya dan bahasa pelbagai kaum dan bangsa. Di Dewan yang mulia ini, kita mempunyai Yang Berhormat-Yang Berhormat dari pelbagai kaum dan bangsa, saya sendiri daripada kaum Sikh.

Tuan Yang di-Pertua, kaum Sikh di Malaysia adalah satu kaum yang minoriti, walaupun bilangan kita di Malaysia adalah kecil, lebih kurang 150 ribu orang, tetapi interaksi kaum kita dengan rakyat adalah begitu luas disebabkan banyak daripada kaum kita adalah daripada bidang profesional. Untuk kaum Sikh, perayaan yang kita sambut ialah Perayaan Vaisakhi yang jatuh pada 14 April.

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pelajaran kerana telah mengambil tindakan setelah kaum Sikh merayu menukarkan tarikh kelas sekolah tambahan hari Sabtu tahun ini yang jatuh pada 14 April untuk memberi peluang kepada murid-murid kaum Sikh ke rumah ibadat ataupun Gurdwara. Saya harap setiap agensi kerajaan memberi prihatin kepada tarikh 13 dan 14 April sebab kedua-dua hari ini adalah hari suci ataupun *auspicious day* bagi kaum India, Sikh dan Siam. Kalau hari itu jatuh pada Sabtu atau Ahad, tak payahlah kita buat aktiviti lain, berilah peluang kepada penganut-penganut India, Sikh dan Siam pergi ke kuil atau Gurdwara. Untuk pihak masyarakat kaum Sikh, saya meminta Perdana Menteri memberi cuti kepada penganut-penganut kaum Sikh yang bekerja di sektor kerajaan supaya mereka dapat pergi ke Gurdwara bersama keluarga-keluarga pada hari Vaisakhi. Sekianlah perbahasan saya, dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Dato' Jaspal Singh a/l Gurbakhes Singh. Seterusnya saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin untuk berucap.

16.17 ptg.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: *Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat. *Alhamdulillah*, saya diberi peluang untuk mengambil bahagian dalam Titah Ucapan Almu'tasimu Billahi Muhibbuddin Tuanku Alhaj Haji *Abdul Halim* Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum *Sultan* Badlishah, Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang telah merasmikan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Parlimen pada 12 Mac yang lalu.

Saya juga mengambil kesempatan ini untuk menjunjung kasih, merafak sembah mengucapkan setinggi tahniah di atas pelantikan Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong sebagai Yang di-Pertuan Agong untuk kali keduanya. Ini merupakan satu sejarah dalam negara kita dan untuk perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat, ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku Sultan Kedah amat disayangi dan dikasihi oleh rakyat negeri Kedah kerana Baginda terkenal dengan akhlak mulianya dan merupakan seorang raja yang memegang kepada prinsip Raja Berperlembagaan dan menghormati Perlembagaan negara.

Pengalaman Baginda yang telah mentadbir negeri Kedah khususnya lebih daripada 50 tahun, dengan jumlah sembilan orang Menteri Besar yang begitu prihatin dan mengambil berat setiap perkembangan yang berlaku dalam negeri, termasuklah masalah rakyat atau juga suasana politik yang mana Baginda akan memastikan supaya negeri Kedah sentiasa berada di dalam kesejahteraan. Oleh sebab itu saya yakin, sekarang ini Baginda sebagai Yang di-Pertuan Agong mampu mendaulatkan negara Malaysia kerana Baginda adalah seorang yang berpengalaman.

■1620

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan takziah khususnya kepada keluarga mendiang Yang Berhormat Senator Subaiyyah kerana semasa majlis angkat sumpah yang terbaharu bagi Menteri-menteri, dia duduk di sebelah saya. Itu kali pertama dia bersembang secara mesra dengan saya. Saya pun bimbang juga yang duduk dekat saya, dahulu jiran saya dari Selangor, daripada MCA, mendiang sudah meninggal. Tak tahulah gilir saya bila, sebab kita kena terima hakikat ini. Kena terima hakikat ini sebab... [*Membaca sepotong ayat al-Quran*] Tiap-tiap yang hidup pasti merasai mati. Dia kena mati, soalnya bila?

Jadi sebab itulah saya dok fikir, dalam perbahasan ini, dalam persidangan ini mungkin hampir pilihan raya, ada yang garang, ada yang keras, ada yang sindir, sakit juga telinga ini. Kalau tidak tahan saya keluar, sebab Tuan Yang di-Pertua kata kalau panas sangat, keluar. Saya pun orang yang melawan juga tetapi *insya-Allah*, oleh kerana teringat mati ini bila-bila dan dalam politik ini macam-macam boleh berlaku, sesuatu yang kita tak jangka, mungkin dalam pilihan raya akan datang ini, Pakatan Rakyat kalah teruk lagi, tak ada masalah, dan mungkin Barisan Nasional pula rasa kalah, mungkin. Mungkin yang kawan jadi lawan, mungkin yang lawan jadi kawan. Sebab itu

saya selalu dipesan oleh orang-orang lama, kita berbaik dengan seseorang itu taruh 10% habuan bergaduh. Kita bergaduh dengan seseorang itu, taruh 10% untuk habuan kita berbaik semula.

Jadi dalam keadaan ini, *insya-Allah* saya cuba bercakap supaya tidak menyentuh peribadi sesiapa, terutama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya menegaskan bahawa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri itu perdana menteri saya, sebab dia telah dipilih oleh rakyat dalam pilihan raya yang lalu dan oleh sebab itulah dalam Titah Ucapan Agong ini, saya akan menyentuh beberapa perkara.

Pertamanya dalam perenggan empat. Baginda menitahkan sesungguhnya Malaysia adalah bumi bertuah, subur. Kita akui bahawa sebuah negara yang berbilang kaum, yang begitu banyak etnik, yang sampai sekarang kita boleh dalam keadaan aman dan bumi Malaysia pula sebuah bumi yang subur. Tanam kelapa sawit menjadi, tanam getah menjadi, tanam padi menjadi. Dalam bumi ada bijih lagi dan suatu hari tak mustahil Tuhan beri rezeki kita timbul emas yang banyak dalam bumi Malaysia ini. Kita akan menjadi kaya raya.

Oleh sebab itulah saya berharap sangat kepada kerajaan agar dalam program seperti mana yang dititahkan oleh Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Tuanku dan projek yang dilaksanakan oleh kerajaan ialah sesuatu yang benar-benar dapat dirasakan oleh rakyat. Bagi pihak rakyat di negeri Kedah, saya ucap terima kasih di atas pemberian BR1M, pemberian RM500. Itu merupakan pemberian jangka pendek. Akan tetapi sudah sampai masanya kerajaan perlu merancang bahawa rakyat kita yang 40% dari jumlah 27 juta ini yang berpendapatan rendah memikirkan bagaimana bentuk bantuan seperti mana kita memberi mata kail, bukan memberi ikan agar dia dapat berdikari dan seiring untuk meneruskan kehidupan dalam cita-cita kerajaan dan kita semua supaya Malaysia menjadi sebuah negara yang maju.

Semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri Perdagangan dan Industri menjelaskan bagaimana sumbangan yang dibuat, peranan yang dibuat oleh kerajaan dalam membantu IKS. Kerana saya melihat IKS ini belum benar-benar berkembang terutamanya di desa-desa yang mana bakat-bakat berniaga orang-orang desa terlalu luas. Mereka ini perlu diberi bantuan, perlu diberi latihan, perlu dibimbing, agar suatu masa kelak mereka boleh berdikari. Seharusnya pada masa ini bukan sahaja kita menumpukan kepada pembangunan yang berbentuk bangunan tetapi pembangunan institusi keluarga terutama dalam bentuk ekonomi haruslah dipandang serius oleh kerajaan.

Saya percaya dengan kemampuan pakar-pakar pegawai-pegawai kerajaan yang ada dalam negara kita ini boleh merancang, mengadakan satu pelan tindakan yang bersepadu, yang menyeluruh agar projek-projek yang berimpak tinggi ini yang memberi bantuan secara langsung kepada rakyat untuk mereka menguruskan hidup mereka sendiri dengan pendapatan yang lebih lumayan akan berjaya. Barulah ketika itu tidak berlaku penghijrahan orang-orang kampung, orang-orang desa, anak-anak muda ke bandar kerana di kampung pun mereka sudah selesa. Barangkali apabila keadaan itu berlaku, ibu bapa yang tua boleh diberi perhatian oleh anak-anak muda ini yang mana mereka dapat menjalankan perusahaan kecil di kampung mereka sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perenggan kelima, Tuanku menyebut tentang Rancangan Malaysia Kelima. Saya tidak ingin pergi jauh atau membahaskan perkara ini lebih terperinci. Cuma saya hendak mohon dalam Dewan yang mulia ini supaya kerajaan pusat memberikan perhatian khas kerana perkara ini telah disebut oleh Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa baginda merasmikan Sidang Dewan Undangan Negeri Kedah pada bulan November tahun sudah di Kedah di mana merayu Kerajaan Pusat supaya segera membina hospital di Daerah Pendang dan ada satu lagi daerah, di Bandar Baharu juga memerlukan hospital. Saya merayu agar ini diberi perhatian serius dan pembinaan ini dapat disegerakan sebab Daerah Pendang ini kian ramai penduduknya dan mempunyai masalah kalau mereka hendak ke Hospital Besar di Alor Setar.

Seri Paduka Baginda juga dalam perenggan tujuh menitahkan bahawa kakitangan kerajaan sebagai tunggak kerajaan. Ramai Ahli Yang Berhormat yang berucap minta supaya pegawai kerajaan ini benar-benar efisien, berintegriti, supaya apa yang dirancang oleh kerajaan dapat dilaksanakan dengan baiknya.

Saya ingin menyentuh tentang pegawai kerajaan ini ialah gaji kakitangan kerajaan. Kita telah banyak skim, daripada dahulu sampailah sekarang. SPBA yang dihentikan dan digantikan dengan SSM. Kebanyakan kakitangan kerajaan terutamanya kakitangan rendah minta supaya saya bercakap dalam Dewan yang mulia ini di mana kata mereka apabila berlaku kenaikan gaji, jurang perbezaan antara kakitangan rendah yang N1 itu dengan pegawai Turus 1 terlalu jauh. Ini tidak dibandingkan dengan gaji KSN. Saya pun tidak tahu. Saya dok tanya sahabat-sahabat banyak tengok dalam internet, cari gaji KSN berapa. Ada yang kata RM40,000 lebih, ada yang kata RM50,000. *Wallahualam*, saya tak tahu. Kalau ada Ahli Yang Berhormat yang tahu, tolong *habaq*.

■1630

Kakitangan yang paling rendah, kita kata Pembantu Am Pejabat (PAP), gajinya hanya sekitar RM1,000. Katalah yang Turus 1, RM40,000. Sudah 40 kali ganda jarak perbezaan gaji. Kerja sama 8 jam sehari walaupun dia belajar sampai SRP. Barangkali SPM tidak lulus tetapi dia memberi sumbangan yang sama. Dalam kenaikan yang baru SSM ini sebahagian kakitangan yang ada kategorinya diberi kenaikan 13%. Pembantu Am Pejabat akan mendapat RM1,300 kenaikan 13% besar. Akan tetapi yang gaji RM40,000 hanya dapat 7%, dia mendapat RM2,800 tambahan dengan PAP yang anak tiga orang yang rumah sewa hanya mendapat tambahan RM1,300.

Mungkin kita boleh menegaskan bahawa pegawai tinggi mempunyai tanggungjawab yang lebih, kena berfikir lebih, dia belajar sampai peringkat PhD untuk menjadi pegawai tinggi. Dia orang yang penting untuk melaksanakan dasar dan program yang disusun atur oleh kerajaan. Dalam kaedah ini, kalau kita kata sebuah kenderaan, kereta jika tayar yang mahal RM500, RM600 sebuah, dia tidak boleh mendabik dada, "kerana aku mahal, kereta ini boleh berjalan, tayar mahal." Skru tayar itu harganya RM2. Kalau dibuang skru yang RM2 itu, dibuang Pembantu Am Pejabat, tinggal tayar sahaja, jalan. Apa yang berlaku kepada kenderaan itu?

Maknanya pegawai rendah kerajaan ini bukanlah satu jawatan yang tidak penting, yang tidak mustahak untuk melaksanakan program, projek, jentera kerajaan. Oleh sebab itu dalam hal

ini, mewakili kakitangan rendah pegawai kerajaan, 13% diberi itu saya rasa patut dinaikkan lagi. Walaupun jumlah peratusnya nampak besar tetapi tambahannya sekadar RM130. Jumlah peratus yang kecil, walaupun nampak kecil jumlah tambahannya hampir RM3,000...

Dato' Ng Fook Heng: Pencelahan.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Mohon...

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ada yang hendak mencelah.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Oh! Terima kasih.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Minta maafah Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang mana satu yang hendak diberi ini Yang Berhormat?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Dua-dua bagi. Bagi Dato' Haji Abdul Rahim dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dato' Haji Abdul Rahim dahulu. Silakan Yang Berhormat Dato' Rahim.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanyalah Yang Berhormat, saya faham apa Yang Berhormat katakan tadi. Kalaulah Yang Berhormat jadi Perdana Menteri, berapakah gaji Yang Berhormat hendak bagi kepada KSN dan berapa gaji Yang Berhormat hendak bagi kepada *office boy* ini? Minta... [Ketawa]

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Kalaulah ini satu perkataan yang tidak akan berlaku dan saya pun tidak ada cita-cita menjadi Perdana Menteri.

Dato' Haji Abdul Rahim bin Haji Abdul Rahman: Itulah sebabnya saya tanya Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Ya, andai kata dalam mimpi KSN akan saya bagi cukup untuk dia dengan gaji yang RM20,000 misalnya dengan segala kemudahan dari kerajaan. Pembantu Am Pejabat ini sekurang-kurangnya RM2,500 supaya dia dapat hidup dalam keadaan selesa, supaya tidak habis kerja, pukul 4 dia pergi jual goreng pisang, dia pinjam *Ah long* dan sebagainya. Sila Yang Berhormat Dato' Ng.

Dato' Ng Fook Heng: Terima kasih. Soalan saya pun lebih kurang sama juga tetapi manusia memang begitu pun. Di seluruh dunia pun sama juga. Semakin tinggi belajar, semakin tinggi pangkatnya, semakin tinggi *salary* atau gajinya. Swasta lagi hebat. Kalau kita bagi tinggi kepada PAP itu, lebih kurang sama dengan pengarah, jadi tidak ada orang yang hendak belajar lain kali. Maknanya tidak adalah cerdik pandai lagi. Betul tidak? "*Saya belajar kuat pun gaji saya rendah, saya tidak belajar pun gaji lebih kurang sama juga.*" Jadi, ini satu soalan yang susah hendak kita imbangkan. Jadi, saya setuju tetapi realitinya tidak boleh. Saya rasa tidak boleh, sekian. Apa pendapat Yang Berhormat?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Okey, terima kasih. Sekarang bukan soal boleh tidak boleh. Saya bercakap ini apa yang disampaikan oleh kakitangan kerajaan yang boleh dikatakan gaji yang paling rendah. Apa yang dibangkitkan ini bukanlah kita minta supaya gaji itu

sama. PAP hendak gaji RM10,000. Tidak. Jadi supaya apabila ada kenaikan ini, jurang itu tidak semakin jauh sehingga 40, 50 kali ganda. Gaji yang diberi itu biarlah munasabah supaya dia cukup dalam keadaan hidup yang paling minimum. Itu sahaja.

Saya sudah sebut tadi kalau naik RM2,500. Di tempat swasta kebanyakannya gaji orang bawah lebih pada itu. Inilah yang hendak minta supaya diberi perhatian oleh kerajaan. Bolehkah? Tuan Yang di-Pertua, dalam perenggan 16 Seri Paduka Baginda menitahkan bahawa taraf hidup Orang Asli dan etnik Sabah dan Sarawak perlu ditingkatkan. Tadi kita menjawab, kita mendengar jawapan Timbalan Menteri berkenaan dengan Orang Asli.

Kebetulan di tempat saya itu ada perkampungan Orang Asli. Saya nampak Orang Asli ini kita tidak boleh mentadbir mereka dengan cara kita memberi arahan seperti mana yang biasanya. Mereka ini perlu diinstitusikan dan cerdik pandai di kalangan mereka sendiri yang harus diberi amanah dan tanggungjawab supaya Orang Asli yang orang asal bumi Malaysia ini, mereka ini dapat bersaing dalam kehidupan yang makin mencabar.

Saya mintalah Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah khususnya memberi perhatian yang cukup serius. Sekarang ini saya rasa selain daripada Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian, kita ada bekas Senator kita Yang Berhormat Dato' Osman Bongsu yang apabila digembleng tenaga mereka ini supaya permasalahan Orang Asli ini dapat kita tingkatkan kerana kita tidak boleh tinggalkan mereka begitu sahaja. Program yang diadakan di bawah Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ini yang sekian lama kita tidak nampak hasil dan peningkatan kemajuan Orang Asli. Jadi, saya mintalah kementerian yang berkenaan supaya memberi perhatian serius agar...

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Mohon mencelah Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Sila.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat kawan saya.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Muhammad Olian bin Abdullah: Saya hendak tanya Yang Berhormat. Kawan saya ini, Orang Asli di negeri Kedah ramai juga. Tanah-tanah Orang Asli di negeri Kedah sudah wartakah atau belum?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Minta maaf, yang itu saya tidak perasan. Saya hendak jawab belum nanti sudah warta. Kalau saya hendak jawab warta mungkin belum. Jadi, dalam hak Orang Asli di Kedah itu *insya-Allah*, Yang Berhormat boleh datang ke Kedah, saya sendiri boleh bawa Yang Berhormat jumpa Menteri Besar. Menteri Besar dengan saya ini bukanlah rapat tetapi saya tidak takut dekat dia. *Insya-Allah* boleh, kita boleh selesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, perenggan 20 mengenai dengan pendidikan. Pendidikan negara kita ini, kita pun banyak Yang Berhormat yang bercakap terutamanya bekas guru ini. Yang Berhormat Khoo Soo Seang bercakap panjang semalam mengenai pendidikan. Di mana kualiti pelajar kita walaupun mendapat 14A tetapi kualiti, inovasi dia, kemampuannya untuk menguruskan diri tidak ada. IPTS pula sekarang ini kualiti IPTS semakin merudum jatuh. Saya dimaklumkan terdapat di

hotel-hotel Langkawi, keluaran IPTS yang menjadi pegawai di hotel, mereka masuk universiti satu kredit pun tidak ada dalam SPM masuk universiti swasta.

Barangkali kualiti ini menurun disebabkan oleh universiti swasta dalam negara kita ini, oleh kerana ada kemudahan PTPTN yang mereka boleh mendapatkan pinjaman itu untuk mereka mentadbir universiti mereka dan mereka mengambil pelajar dengan tidak mengira kelayakan dan kemampuan pelajar itu untuk menyertai kursus yang disediakan. Perkara ini harus perlu...

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencelah.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Sila.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

■1640

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Saya ingin menjawab tentang syarat PTPTN itu sebenarnya dia kena ada tiga kredit baru dapat PTPTN. Kalau dia tidak ada tiga kredit tidak dapat, dia masuklah. Sekolah itu tanggung agaknya tetapi PTPTN tiga kredit sahaja.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Saya pun faham tetapi macam mana saya tidak tahulah tetapi inilah yang diberi maklum kepada saya bahawa patutlah dia tidak ada kemampuan untuk menjadi seorang penolong pengurus di sebuah hotel kerana dia masuk kolej swasta itu dengan SPM yang tidak ada satu kredit pun. Cara mana dia masuk, *wallahua'lamlah*. Akan tetapi yang saya hendak *habaq* ini kualiti. Tiga kredit itu pun masih rendah lagi. Okey.

Yang keduanya mengenai dengan sistem pendidikan yang ada sekarang. Kita masih ingat dulunya kita tahun 1983 kita ubah sistem pendidikan kita yang dipanggil Kokurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR). Tahun 1993 diubah Kokurikulum Bersepadu Sekolah Rendah, masih KBSR. Tahun 2003, sepuluh tahun kemudian tiap-tiap sepuluh tahun KBSR Semakan dan sekarang tahun sudah mulai 2011 Kokurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) yang dia mempunyai dua tahap, 1 dan 2. Tahap 1 (Tahun 1 hingga Tahun 3), dan Tahap 2 (Tahun 4 hingga Tahun 6). Ramai kalangan guru datang berjumpa saya supaya bercakap dalam Dewan yang mulia ini dengan KSSR yang baru. Tugas baru terlalu banyak untuk mengisi data rekod pelajar yang mempunyai band 1 sehingga 6 hari-hari, yang mana sehingga guru ini tidak mempunyai masa dan terpaksa menggunakan masa di sekolah. Sedangkan masa di sekolah ialah masa yang dia patut mengajar.

Namun guru sekarang ini terlampau banyak. Kalaulah dia menjadi guru bahasa Arab ataupun bahasa Inggeris ataupun bahasa Malaysia kepada tiga kelas bermakna dia 120 murid yang data itu dia kena masuk hari-hari. Band 1 hingga Band 6. Makna sudah lari pendidikan kita di mana guru tugas utama dia mengajar yang ini sungutan daripada kalangan guru sendiri. Sebab itulah guru-guru yang sekarang ini yang kebanyakannya dia 45 tahun sudah tidak boleh pergi sudah, tidak tahan sudah. Terutama guru yang 50-an hendak isi mata, hendak celik tengok komputer satu-satu kerja. Balik rumah guru dengan anak kecil dia lagi sudahlah sehari suntuk duduk dengan penjaga, hantar ke tempat penjaga dan sebagainya, masa mana dia hendak buat kerja. Esok pergi sekolah dia tidak boleh mengajar masa itu dia buat. Apa akan jadi sistem

pendidikan negara kita. Yang ini saya mintalah Kementerian Pendidikan tolong tengok semula. Bagaimana...

Dato' Ng Fook Heng: Yang Berhormat minta celah.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Silakan cikgu.

Dato' Ng Fook Heng: Tuan Yang di-Pertua, yang ini saya setuju. Memang betul apa yang Yang Berhormat cakap tadi. Saya juga minta Kementerian Pendidikan halusi perkara ini.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih. Yang keenam, sudah enam ini. Tuan Yang di-Pertua saya hendak sentuh tentang perenggan 20, Seri Paduka Baginda menitahkan belia sebagai jantung negara. Makna negara ini takkan hidup tanpa belia. Jantung negara. Jadi masalah yang ada kepada kita sekarang dalam masyarakat kita sekarang, generasi belia ini pada masa sekarang, kita dengan Mat Rempitnya, dengan budaya kuning, dengan dadahnya terutama belia laki-laki minta maaf. Yang perempuan ini boleh tahan sedikit. Yang perempuan banyak masuk ke universiti dan yang laki-laki banyak masuk ke Pusat Serenti. Itu yang cari 'Awang Hitam' itu.

Jadi bagaimana kita hendak membentuk 60% belia kita ini supaya dia menjadi belia negara yang bertanggungjawab memikirkan negara Malaysia dan generasi yang akan datang. Kalau kita tidak bentuk daripada sekarang jantung ini dia akan berlubang, akan kena serangan. Saya bukan pakar dalam bidang ini, tidak tahu ini Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, JAKIM tolong *pikiaq* macam mana hendak buat. Cukup parah. Kita kalau pergi saya tidak tahulah dulu anak saya pernah belajar di Pakistan, hafaz Quran. Kita tidak tengok belia-belia di tepi jalan macam ramai ini kita ini, tidak ada. Yang berpelesiran dan sebagainya. Kampung saya itu hebatlah sikit Yang Berhormat Datuk Rahim. Kampung betul itu pun kasut tidak boleh tinggal di luar... [Ketawa]

Jadi macam mana program, pelan hendak buat itu bukan padan. Saya hendak *pikiaq* ini carilah pakar supaya kita cukup payah hendak didik golongan yang merosak seperti ini. Terutama yang...

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Yang Berhormat boleh saya mencelah.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Huh, itupun belia juga itu.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: [Ketawa] Terima kasih Yang Berhormat saya rasa saya terpenggil juga sebab saya melihat begini dari segi permasalahan belia. Kalau boleh katakan itu generasi baru. Apa yang saya nampak di sini perkara utama yang kita perlu titik beratkan kalau diterima cadangan saya ini institusi keluarga itu sendiri. Kerana kita tidak boleh menyalahkan pihak pentadbiran, kerajaan dan sebagainya secara *direct*. Kalau pembentukan institusi keluarga itu sendiri terbentuk dan membentuk ahli keluarganya dalam kaedah yang menuju ke arah yang positif saya rasa di luar mungkin kerajaan atau pihak-pihak tertentu boleh bantu. Itu cuma pandangan dan cadangan. Macam mana pandangan Yang Berhormat terima kasih.

Tuan Khoo Soo Seang: Yang Berhormat boleh minta.

Timbalan Yang di-Pertua: Ada satu lagi Yang Berhormat yang ingin mencelah.

Tuan Khoo Soo Seang: Saya memang setuju dengan sepenuhnya dengan Yang Berhormat oleh kerana saya pun sependapat bahawa seperti semalam saya sebut, ibu bapa tidak boleh serahkan bulat-bulat kepada pihak sekolah kerana apabila budak sampai ke sekolah, dia sudah berumur tujuh tahun dan enam tahun yang pertama itu apa yang dia terima ini menjadi bahan mentah kepada pihak sekolah. Ini yang semalam juga saya tegaskan. Kalau cikgu perlukan latihan untuk mendidik anak, kenapa ibu bapa tidak perlu. Mungkin bagi yang beragama Islam tidak ada masalah ada kursus tetapi bagi kaum Cina dan kaum India memang tidak ada kursus. Mereka boleh kahwin bila-bila masa dan itu yang saya cadangkan bahawa kursus itu diwajibkan. Sekurang-kurangnya mereka tahu macam mana hendak jaga anak. Jangan kita pentingkan kehidupan dari segi material tetapi dari segi rohani kita semakin menurun. Ini yang saya percaya datangkan banyak masalah.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih, pertama Yang Berhormat Baharudin tadi sahabat saya. Saya tidak salahkan kerajaan pun, saya tidak kata kerajaan bertanggungjawab, saya kata macam mana kita hendak buat, kita semualah. Sebab kerajaan dia ada *missionary*, ada jentera dia yang boleh itu. Ini benar realiti dalam masyarakat kita. Jadi jangan kata saya salahkan kerajaan. Bukanlah semua kerajaan buat itu salah dan bukan pembangkang buat semua itu tidak baik. Jadi begitulah... *[Ketawa]*

Okey, kita tinggal masalah, saya setuju dengan Yang Berhormat Cikgu Khoo Soo Seang itu. Saya bersetuju sangat tetapi tidak cukup Yang Berhormat Khoo Soo Seang fasal walaupun ada kursus yang Muslim punya ini tetapi kursus untuk sekadar kahwin. Dia bila hendak kahwin itu tanggungjawab, itu cukup ringkas yang sehari sahaja kursus itu saya tidak tahulah syarat dia berapa jam fasal saya tidak pernah kursus itu dahulu. Kahwin macam itu sahaja. Tahulah Yang Berhormat Datuk Seri Jamil Khir dia kursus... *[Ketawa]* Okey saya pun tidak laratlah.

Yang ketujuh Tuan Yang di-Pertua perenggan 23, Tuanku sebut, "...wanita mutiara negara". Wanita mutiara negara...

Timbalan Yang di-Pertua: Saya setuju Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Saya pun macam itu juga Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kalau tidak ada wanita saya tidak boleh hidup. Cari sapu tangan tidak jumpa itu, tidak kira cari benda yang lain lagi. Jadi sekarang ini sudah berlaku, zaman wanita juga akan menjadi Ahli Dewan Negara, wanita juga pegawai tinggi kerajaan, wanita juga pembuat dasar. Jadi penglibatan wanita, juga jadi Timbalan Speaker...

■1650

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Jadi bagaimana pula peranan wanita yang sejak dahulu dia sebagai pendidik, tangan ibu tangan yang menghayun buaian itu mampu menggoncang dunia itu maksudnya dia mampu mendidik anak dia menjadi orang yang hebat.

Saya hendak bercakap dalam Dewan yang mulia ini. Hendak melahirkan seorang anak itu bukan satu benda mudah sebab saya ada pengalaman menjadi bidan anak sulung. Teruk, tetapi

apabila keluar saya menangis. Suara budak itu, ibu dia sanggup peluk cium walaupun belum dibersihkan. Sayang kepada zuriat dia yang baru lahir ke dunia. Akan tetapi, sekarang dia boleh buang dalam tong. Nasib baiklah kalau dia letak depan rumah kita, kita boleh tolong ambil mandi, bela. Ini buang dalam tong, buang dalam sungai. Bukan salah kerajaan, tetapi salah siapa? Walau bagaimanapun, wanita juga yang mengandungkan dia, walaupun yang buat ganas itu lelaki...

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Boleh saya mencelah?

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Sila... *[Ketawa]*

Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg: Yang Berhormat, tepuk tangan sebelah, tidak akan berbunyi. Itulah masalahnya timbul. Kadang-kadang yang terjadi itu dipaksa, dirogol dahulu. Bukan kehendak wanita kadang-kadangnya. Jadi itulah kita tidak boleh salahkan wanita sahaja. Mesti ada yang saya kata tadi tepuk tangan sebelah sahaja tidak akan berbunyi. Kadang-kadang kita baca dalam surat khabar yang jadi mangsa itu melalui kena rogollah, macam-macam jalan untuk dijadikan mangsa sehingga melahirkan anak luar nikah. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, tunggu sebentar Yang Berhormat. Sebelum Yang Berhormat meneruskan...

Dato' Hajah Zaitun binti Mat: Saya ingin mencelah, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua: Tunggu sebentar Yang Berhormat. Kita ada usul Menteri. Minta Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

4.52 ptg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Mejar Jeneral (B) Dato' Seri Jamil Khir bin Baharom]: Tuan Yang di-Pertua, Saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga pukul 6.30 petang dan selepas itu mesyuarat akan ditangguhkan sehingga pukul 10 pagi, hari Khamis 26 April 2012. Terima kasih.”

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Devamany a/l S. Krishnasamy]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemukakan bagi diputuskan; dan disetujui]

Timbalan Yang di-Pertua: Teruskan Yang Berhormat Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin.

Dato' Hajah Zaitun binti Mat: Boleh saya mencelah? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Hajah Zaitun binti Mat: Yang Berhormat, bersetuju tidak apabila saya mengatakan pada zaman ini ramai lelaki yang tidak bertanggungjawab dan ini yang perlu diberi kursus terlebih dahulu. Terima kasih.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Tadi Yang Berhormat Puan Hajah Dayang Madinah binti Tun Abang Haji Openg, memang saya bersetuju bukan dua-dua sebab wanita dari Johor saya ingat seorang ADUN kalau gadis hendak keluar daripada rumah dia kaya dia kata kalau hendak selamat pakai cawat besi...[Ketawa] Barangkali kita kena laksanakan balik. Dunia sekarang dalam keadaan tidak selamat. Walaupun kita negara yang selamat tetapi realitinya elemen-elemen ini bukan sahaja wanita ini tetapi kanak-kanak sanggup di – dan ada juga yang budak itu dia lari ikut *boyfriend*, dia beritahu emak dia, kata dia kena culik.

Kemudian lelaki-lelaki baik ini kuranglah, pupus. Maksud Yang Berhormat. Itu saya tidak berani komen, takut orang lelaki marah saya tetapi hati kecil saya bersetuju. Jadi apa yang saya cuba hendak bawakan ialah tugas yang lumrah, di mana pendidikan anak ini dilakukan oleh wanita yakni ibu dia sendiri. Kita berlaku pertembungan apabila wanita sekarang juga berkerjaya, pembuat dasar dan terlibat dalam hal-hal yang lain, anak-anak di rumah ini pembantu rumahlah yang mendidik. Kalau Indonesia, Indonesialah, kalau Myanmar, Myanmarlah.

Ini pun salah satu punca benar-benar itu berlaku. Bagaimana kita hendak selesaikan masalah ini, balik kepada Yang Berhormat Tuan Khoo Soo Seang saya setuju. Ini masalah keluarga. Dia ada kaitan, ada hubungan. Makna institusi keluarga kita perlu bentuk semula, yang mana bukan sahaja kerjaya menjadi keutamaan, tetapi keluarga juga menjadi keutamaan. Bagaimana hendak selesaikan ini, saya sendiri tidak mampu hendak berfikir. Mungkin kementerian yang berkenaan boleh mencari satu formula yang baru supaya kerjaya ini tidak ditinggalkan dan tanggungjawab sebab bapa dia ini bukan jenis didik. Saya anak 10. Saya tidak tahu pun anak saya masuk universiti. Tidak tahu pergi hantar sahaja. Semua mak dia. Maknanya kemampuan wanita.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Mohon mencelah. Saya hanya ingin bertanya Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat bersetuju atau tidak dengan saya. Jadi apabila kita menuju ke arah yang lebih maju dan wanita mempunyai peranan yang boleh diketengahkan dan saya rasa kaum bapa pun telah bersetuju bahawa zaman telah berubah. Jadi apalah salahnya sekiranya kaum lelaki mula belajar berkongsi tanggungjawab bersama wanita sebab wanita bekerja ini untuk menyumbang kepada ekonomi keluarga. Jadi saya rasa ,kaum bapa juga harus diberi latihan dan kefahaman bahawa fungsi institusi kekeluargaan harus dikongsi bersama, tanggungjawab bersama. Jadi sama-sama mencari rezeki dan sama-sama mendidik keluarga. Saya rasa itu cadangan saya. Saya minta komen daripada Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Lain kali jangan usik wanita.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat. Saya setuju 100% dan saya telah laksanakan. Cuma dua benda sahaja saya tidak reti buat. *Iron* baju dan lipat kain. Yang lain masak semua saya pandai. Jadi...

Tuan Khoo Soo Seang: Yang Berhormat, boleh minta mencelah sedikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Ada lagi yang hendak mencelah.

Tuan Khoo Soo Seang: Saya memang bersetuju sepenuhnya. Selalunya kalau kita perhatikan di sesebuah keluarga, kalau ada masalah yang disebabkan oleh ibu dan bapa tidak sama pandangan. Sesuatu yang dilakukan oleh anak, bapa kata betul, mak kata salah. Apabila mak kata betul, bapa kata salah. Akhirnya anak itu tidak tahu itu betul atau salah. Pada dia kelakuan itu tidak salah, hanya pandangan ibu bapa yang salah. Jadi memang penting di sesebuah institusi keluarga, ibu bapa kena sependapat dan kalau tidak boleh kalau mereka berpecah belah pandangan itu memang mendatangkan masalah.

Tuan Haji Muhamad Yusof bin Husin: Terima kasih Yang Berhormat, saya setuju sangat. Jadi maknanya kesimpulannya dalam hal ini, kementerian yang berkenaan perlu mengadakan satu barangkali kurikulum baru kerjasama ibu dan bapa dalam mendidik anak untuk menyelamatkan negara kita pada masa akan datang.

Akhir sekali perenggan 28, Seri Paduka Baginda menegaskan bahawa rasuah akan dibanteras dalam negara kita Malaysia. Jumlah telah disebut oleh ramai Yang Berhormat berucap. Ada yang kata RM10,000 juta, ada yang kata RM20,000, macam-macam maklumat. Ada yang kita tahu, ada yang kita tidak tahu. Sebab rasuah ini bukan berlaku yang dilakukan oleh kakitangan kerajaan sahaja. Yang berlaku semua pihak sama ada orang politik, tidak kira Pakatan Rakyatkah, Barisan Nasionalakah, manusia.

■1700

Jadi, kalau ini dapat kita banteras, mungkin mustahil kalau kita hendak kata sifat rasuah dengan kita memberi kekuasaan yang lebih kepada SPRM contohnya, barangkali pencegahan rasuah ini dapat dilaksanakan lebih realistik dan menyelamatkan wang negara yang patut wang itu dinikmati oleh rakyat tetapi hilang begitu sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih. Seterusnya, saya ingin mempersilakan Yang Berhormat Tuan Baharudin bin Abu Bakar untuk berucap.

5.00 ptg.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullaahita'ala wabarakaatuh*, salam 1Malaysia. Mendahului ungkapan awal ucapan saya Menjunjung Kasih di atas Titah Ucapan Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Muadzam Shah pada sesi perasmian Parlimen penggal kelima Parlimen ke-12, Mac yang lalu.

Sesungguhnya, Yang di-Pertuan Agong telah menyentuh pelbagai isu yang amat penting dalam pembangunan dan kesejahteraan negara sebagai rakyat yang berlindung di bawah

naungan payung Diraja. Saya menyahut dengan taat saranan Yang di-Pertuan Agong untuk semua pihak bersatu padu demi kepentingan negara, menghormati kedaulatan undang-undang dan keluhuran Perlembagaan. Semoga Yang di-Pertuan Agong sentiasa dilimpahi rahmat, bersemayam di singgahsana takhta dan semoga negara kita yang tercinta ini terus makmur dan sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum meneruskan ucapan ungkapan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya mengambil bahagian di dalam membahaskan dan Menjunjung Kasih Titah Yang di-Pertuan Agong di dalam Dewan yang mulia ini. Ada beberapa isu penting dan utama yang ingin saya sentuh di dalam perbahasan saya pada kali ini yang mana kalau dilihat, saya lebih menuju ke arah peringkat pendidikan awal kanak-kanak sehinggalah ke peringkat pengajian yang paling tinggi termasuk tak lupa juga untuk para belia kita.

Tuan Yang di-Pertua, Yang di-Pertuan Agong bertitah bahawa kemajuan bangsa dan negara tidak bermakna jika diukur dari segi pembangunan fizikal semata-mata. Di mana ianya perlu juga seiring dengan pembangunan modal insan. Sehubungan itu, modal insan adalah antara aset terpenting di dalam negara kita yang tercinta ini, Malaysia. Modal insan pula adalah sumber yang boleh diperbaharui yang dibekalkan secara berterusan oleh populasi sumber manusia.

Sumber manusia ini amat penting dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi, sosial dan politik sesebuah negara. Perkara ini turut dimuatkan di dalam Pelan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang menyatakan bahawa tidak ada mana-mana negara di dunia ini yang dapat mencapai kemajuan tanpa mempunyai modal insan yang cemerlang, yang berkemahiran tinggi, boleh bertindak pantas dan kreatif terhadap perubahan ekonomi dan berpaksikan kepada penjana dan penggunaan pengetahuan.

Maka dengan itu, wajarlah sumber manusia ini yang menjadi tunjang sesebuah negara mempunyai kualiti dan kebolehan berharga tinggi untuk kemajuan negara. Maka, dengan itu jugalah, adalah menjadi tanggungjawab utama kerajaan untuk memastikan sumber manusia ini di negara ini membekalkan modal insan yang berkualiti sepanjang masa.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada memperkenalkan program pendidikan kanak-kanak dari awal umur empat tahun hingga ke enam tahun oleh KEMAS, kerajaan telah mengorak langkah lebih terperinci dengan memperkenalkan Program PERMATA seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Puan Norliza semalam di dalam perbahasan beliau. Kita tahu program ini adalah satu program yang amat baik, yang begitu tinggi nilai kalau dikira atau kita kaji melalui program-program seperti PERMATA Insan, PERMATA Seni, PERMATA Pintar, PERMATA Negara dan Perkasa Remaja.

Program-program ini bermula dengan menekankan pendidikan awal kanak-kanak seawal setahun sehinggalah ke usia 25 tahun. Keseluruhannya, proses merupakan proses kaedah pelengkap di usia muda yang merupakan asas dalam membentuk kualiti dan karismatik individu apabila meningkat ke usia dewasa kelak.

Persoalan saya di dalam konteks ini, yang pertama adakah kerajaan berhasrat untuk mengintegrasikan Program Pendidikan Awal Kanak-kanak PERMATA ke seluruh tadika-tadika Kemas sedia ada terutama sekali dari segi aspek pembelajaran dan pengajaran untuk menjadikannya lebih lengkap dan tersusun. Kedua, apakah tindakan yang diambil untuk memastikan tenaga pengajar PERMATA ini terlatih dan mencukupi. Seterusnya, berkenaan dengan PERMATA juga, ingin saya tahu apakah kejayaan-kejayaan yang telah dicapai setakat ini oleh Program PERMATA.

Maka, setelah kita melihat dalam jangka masa tertentu, di beberapa tempat kita tahu Program PERMATA ini amat menjadikan atau membantu kepada golongan-golongan tertentu yang mempunyai anak-anak yang sebelum ini tidak boleh berdikari secara sendiri, tidak ada kepercayaan diri dan juga masih lagi tidak mahu berenggang dengan ibu dan ayah tetapi ia berlaku di kawasan saya sendiri di mana saya melihat apabila rakan saya yang mempunyai seorang anak yang sangat manja, yang tidak boleh berpisah darinya apabila beliau menjalani, menghantar anaknya ke tadika PERMATA itu, maka perubahan dilihat selepas tiga bulan, menjadikan anaknya lebih *independent* dan boleh mengatur dan mengurus diri mengikut acuannya sendiri dan kerana itu saya merasakan Program PERMATA ini harus dipertingkatkan keseluruhan negara termasuk Sabah dan juga Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, peringkat pendidikan seterusnya adalah di peringkat sekolah rendah dan menengah. Terlebih dahulu saya ingin ucapkan tahniah kepada pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dan penghargaan terima kasih kepada guru-guru sekolah di seluruh negara yang telah bertungkus-lumus dalam memastikan pencapaian cemerlang para pelajar kita di dalam ujian PMR, SPM, STPM pada tahun 2011. Kesungguhan semangat serta tumpuan yang tinggi yang ditunjukkan oleh para guru dalam mendidik modal insan ini haruslah diberi pujian di dalam Dewan yang mulia ini.

Di dalam rangka pembangunan modal insan yang bersepadu, seperti yang dinyatakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh, kualiti guru menjadi penentu kualiti pelajar. Kerajaan akui bahawa prestasi pelajar hanya boleh dipertingkatkan dengan meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran di dalam bilik darjah. Oleh itu perancangan kerajaan di dalam memartabatkan profesion guru amatlah bertepatan sekali.

Empat perkara yang dinyatakan untuk menarik *the best candidate of teaching profession*, dengan izin, adalah ganjaran dari segi kewangan, pembangunan kerjaya berprestij dan pembangunan nusa bangsa. Persoalan saya, adakah kerajaan berhasrat dalam usaha untuk memartabatkan profesion perguruan ini, maka graduan-graduan yang terbaik ditarik ataupun diajak bersama-sama untuk menyertai profesion ini dengan menawarkan skala gaji berdasarkan pasaran semasa dan bidang yang diajar, sekali gus tidak mengikut skala gaji normal yang diberikan kepada penjawat awam.

Kedua, adakah kerajaan berhasrat untuk memberikan insentif khas kepada bekas para guru Bahasa Inggeris yang telah bersara untuk menggalakkan golongan ini kembali belajar. Ini

kerana kalau kita lihat semalam, baru sahaja sebuah IPTA kita cuba mengenakan pra syarat iaitu yang sangat penting, Universiti Malaya, tentang ada beberapa jurusan yang diwajibkan pelajar-pelajar apabila mahu menyertai fakulti tersebut harus berbahasa Inggeris dengan lebih, boleh berbahasa Inggeris maksud saya. Ini kerana perkara ini semalam telah berlaku satu isu di mana baru diimplementkan, maka ada pihak yang sudah mula tidak bersetuju terutamanya GAPENA.

■1710

Bukan saya tidak menyokong GAPENA, tetapi kita harus ingat, dari segi keadaan pada masa sekarang dan juga pasaran, kita harus ingat bahasa Inggeris adalah bahasa internasional yang mana kita tidak boleh lari, dan kerana itu fakulti-fakulti tertentu sahaja yang diwajibkan supaya para bakal-bakal pelajar harus menguasai bahasa Inggeris terutamanya dalam bidang sains. Memang kita harus akui istilah-istilah sains itu sendiri datangnya daripada bahasa Inggeris. Kalau kita *transfer* ke Bahasa Malaysia ataupun bahasa Jawa ataupun sebagainya, saya rasa dia jadi lain. Jadi pelajar-pelajar rasanya susah hendak faham.

Jadi kita kena ambil kira juga kenapa dan mengapa Universiti Malaya mewajibkan ada beberapa jurusan ataupun kursus yang wajib untuk bakal pelajar perlu menguasai bahasa Inggeris. Mungkin perkara ini saya rasa pihak universiti dan juga kerajaan boleh mengkaji atau melihat ataupun berbincang dengan pihak-pihak tertentu untuk memastikan *progress* ini berjalan dengan lancar. Ini kerana apa pun keadaannya, kepentingan hanyalah untuk generasi muda yang kita perkatakan tentang modal insan tadi yang kita tahu bahawa mahu tidak mahu, cabaran dunia di masa akan datang lebih *tough* dengan izin, ataupun mencabar. Jadi kita harus ambil kira tentang perkara-perkara ini...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî: Saya pohon untuk mencelah.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan, silakan.

Timbalan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat, saya memang pandang bahawa bahasa Inggeris itu penting. Akan tetapi untuk menyatakan bahawa pra syarat untuk kemasukan ke universiti bagi fakulti-fakulti tertentu memerlukan penguasaan bahasa Inggeris yang hebat, saya rasa inilah satu perkara yang tidak adil kepada pelajar-pelajar luar bandar.

Ini kerana kita lihat di Universiti Islam Antarabangsa, kebanyakan yang menjadi pelajar-pelajar di Universiti Islam Antarabangsa pada asalnya mereka bukanlah orang yang menguasai bahasa Inggeris. Akan tetapi setelah tiga bulan berada di matrikulasi, mereka sebenarnya boleh menguasai bahasa Inggeris.

Jadi apakah pandangan Yang Berhormat sekiranya untuk kursus-kursus kritikal seperti ini, mereka sebenarnya diminta masuk dulu berdasarkan kepada keputusan keseluruhan SPM ataupun STPM dan mereka ini diwajibkan untuk kursus bahasa secara intensif kerana ini memberikan keadilan kepada kita kerana ramai di kalangan anak-anak ini sebenarnya mereka bukan orang yang tidak pandai, tetapi kalau tidak ada masa dan ruang untuk mereka betul-betul

menguasai bahasa Inggeris di peringkat sekolah berbanding dengan peringkat matrikulasi ataupun peringkat universiti. Apa pandangan Yang Berhormat? Terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat. Kerana itu tadi saya bilang, saya perkatakan bahawa perkara ini harus diperhalusi. Saya pun nampak dan saya bersetuju dengan Yang Berhormat Mumtaz, memang saya lihat permasalahan ini akan berlaku apabila bakal-bakal graduan daripada luar bandar. Kerana itu kita perlu ada satu modul yang sesuai untuk kita menuju ke arah program-program yang boleh kita katakan kritikal. Jadi terima kasih Yang Berhormat sebab pandangan itu sebenarnya saya suarakan dan saya minta kalau boleh pihak-pihak tertentu yang mengkaji. Akan tetapi kalau kita bercakap atau memberi pandangan yang sebegini, saya rasa tidak salah kerana ini semua adalah untuk rakyat kita, untuk para remaja kita, untuk bakal-bakal pemimpin di masa akan datang. Jadi tidak salah.

Oleh kerana itu, saya berharap pihak kerajaan supaya mengkaji, bukan membatalkan terus tapi mencari satu jalan keluar yang membolehkan seluruh bakal-bakal graduan yang akan menyertai jurusan-jurusan ini supaya dapat mencapai ke tahap bukan sahaja peringkat negara kita tetapi ke peringkat internasional. Ini kerana modal insan yang kita tahu, modal insan tidak semestinya laku ataupun berlaku cuma di dalam negara kita, kita perlu juga menguasai pasaran luar melalui modal insan kerana modal insan sangat luas dari segi pasarannya. Oleh kerana itu, penekanan yang sangat tinggi yang telah diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita terhadap para belia kita pada masa kini sangat hebat. Saya rasa tidak berlaku di negara-negara luar seperti mana yang dilakukan oleh kerajaan kita pada masa kini.

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan pendidikan awal rendah dan menengah akan menjadi asas yang baik kepada perkembangan modal insan selanjutnya terutama apabila melanjutkan pelajaran ke peringkat pengajian tinggi. Kecenderungan para pelajar untuk melanjutkan pengajian ke mana-mana bidang bergantung kepada pelbagai faktor. Antaranya ialah keputusan ujian peperiksaan, minat pelajar itu sendiri, dorongan ibu bapa, pengaruh kawan-kawan, dan bermacam-macam lagi perkara yang boleh dijadikan faktor untuk memilih. Pengetahuan hasil pendidikan yang berkualiti yang diperolehi di peringkat inilah yang akan menjadi penentu kepada kualiti modal insan yang dihasilkan oleh pendidikan negara.

Para pelajar juga tidak perlu risau dengan pembiayaan kos pengajian. Pelbagai cara dan tindakan yang telah diambil oleh kerajaan untuk membantu para pelajar melanjutkan pelajaran dengan jenis pinjaman pendidikan dan biasiswa pendidikan yang ditawarkan oleh pelbagai institusi di dalam dan di luar negara.

Persoalannya, apakah ada sebarang usaha yang dilakukan oleh kerajaan dalam memaklumkan kepada orang ramai mengenai jenis-jenis biasiswa dan pinjaman pengajian yang ditawarkan oleh mana-mana organisasi, pertubuhan dan juga yayasan? Jika ada, saya mohon untuk dinyatakan di Dewan yang mulia ini semua jenis biasiswa dan pinjaman pendidikan tersebut. Ini kerana kita tahu sekarang bila kita bercakap pasal pinjaman pendidikan, apa yang berlaku di luar sana berkenaan dengan isu PTPTN.

Memang kita tidak boleh lari daripada permasalahan ini dan kita tidak boleh lari daripada memperkatakan isu ini. Cuma apa yang saya mahu, sebenarnya para pelajar yang terlibat di dalam konteks ini harus melihat dan mengkaji secara keseluruhannya. Kerana kita tahu konteks PTPTN ini ataupun program ataupun skim PTPTN ini telah wujud selama 15 tahun. Akan tetapi kenapa tahun ini, tahun yang ke-15 baru wujud golongan-golongan tertentu untuk mengatakan dan meminta supaya PTPTN ini dihapuskan. Selama 15 tahun, bukan nilai yang kecil, sejumlah RM43 bilion... *[Menunjuk keratan akhbar berkaitan]*

Memang ada pihak senang mengatakan kita hapuskan sahaja. Benar! Akan tetapi RM43 bilion ini, yang membayar balik cuma RM3.1 bilion, di mana jumlah peminjam itu berjumlah sekitar 2 juta orang. Ini bermaksud kita ada 263,078 orang peminjam PTPTN yang tegar yang langsung tidak mahu menjalankan tanggungjawab. Bukan saya hendak mengata perkara ini mereka tidak baik, tetapi mereka harus bertanggungjawab kerana jangan disebabkan oleh cara mereka, generasi yang akan datang terpaksa menerima akibat. Kerajaan tidak boleh terus menerus menanggung sebegini banyak jumlah, kerana kita tahu konsep PTPTN untuk membantu seluruh golongan, seluruh kaum yang dilakukan oleh kerajaan semata-mata untuk menjadikan rakyat Malaysia antara negara yang terbaik di dalam mengeluarkan modal insan seperti mana yang berlaku di negara Korea.

Kita harus mencapai satu pencapaian yang begitu baik kerana kalau kita lihat di Korea sendiri, hampir 90% populasi ataupun rakyatnya mempunyai ijazah. Adakah pendidikan di sana memberikan seluruh universiti swasta ataupun universiti awam itu pengajian secara percuma? Tidak! Akan tetapi beberapa inisiatif telah dilakukan oleh kerajaan mereka untuk memastikan rakyat mereka berpelajaran, berpengetahuan dan juga berdisiplin. Kerana itu saya mohon kerajaan ataupun pihak universiti mengkaji semula beberapa orang mahasiswa yang terlibat dan kalau boleh, saya ingin tahu satu persatu mahasiswa-mahasiswa yang terlibat itu adakah mereka benar-benar mewakili seluruh suara mahasiswa.

Jika benar, saya inginkan prestasi pelajar-pelajar ini didedahkan kepada pihak Dewan ataupun umum kerana kita tidak mahu. Pelajar, tugasnya harus belajar. Itu yang perlu diutamakan. Bukan berdemonstrasi. Ini kerana perkara begini kalau kita teruskan, apa yang kita mahu?

Kita lihat negara-negara di luar, dikatakan kuasa rakyat, dikuasakan rakyat berkuasa penuh, apa yang berlaku di Mesir? Benar, kita tahu rakyat di sana kononnya dapat menjatuhkan kerajaan tetapi kita lihat apa yang berlaku di Mesir, kemajuan apa yang mereka dapat? Siapa yang masuk ke dalam selepas kerajaan mereka dijatuhkan? Kita lihat di Iraq hampir 20 tahun lebih unsur yang sama juga, dikatakan kuasa rakyat, tetapi siapa di belakang? Apakah kita mahu perkara ini berlaku di dalam negara kita hanya semata-mata untuk memastikan kepentingan individu-individu tertentu?

■1720

Jadi, saya merasakan dan saya juga menyuarakan hasrat saya, saya mengharapkan kepada mereka-mereka yang terlibat terutamanya di dalam beberapa perkara, kita ada banyak

saluran, kita ada banyak cara. Kalau kita lihat dahulu, negara kita merdeka bukan melalui pertumpahan darah walaupun ada beberapa kes, kita merdeka bukan melalui peperangan dengan bom dan sebagainya. Akan tetapi kita merdeka kerana kebijaksanaan pemimpin kita di dalam pemikiran bagaimana untuk mengolah dan mendapatkan negara kita ini merdeka melalui proses yang begitu bijaksana. Kita lihat, kenapa kita tidak gunakan modul yang baik ini?

Kenapa kita tidak jadikan ini sebagai contoh yang baik pada masa kini? Ini kerana kita semua adalah pengurus, pengurus yang memastikan bahawa kesinambungan daripada kemerdekaan yang kita dapat ini bukan untuk semata-mata untuk kita perlekehkan, bukannya semata-mata untuk kita mengadu-domba dan bukannya mengambil kesempatan. Akan tetapi kita seluruh rakyat Malaysia terutamanya generasi muda harus melihat dan peka kepada perkara ini. Jangan sekali-kali kita terpengaruh ataupun disebabkan oleh segelintir manusia yang hanya tahu mengambil kesempatan maka kita boleh diperkotak-katikkan.

Namanya mahasiswa, pelajar mesti pintar, tahu bagaimana untuk menilai antara yang baik dan yang buruk. Jadi saya mohon kepada para mahasiswa yang berada di luar sana, kita sama-sama fikirkan apa yang kita mahu. Kita bukannya pejuang kemerdekaan, kita tidak perlu mendabik dada tetapi kita adalah generasi pengurus kemerdekaan. Jangan kita musnahkan sama sekali. Sangat susah untuk kita mendapatkan kembali apa yang telah kita rasai pada masa kini. Tolong fikir-fikirkan para mahasiswa. Oleh kerana itu Tuan Yang di-Pertua, saya merasakan kita di dalam peringkat kepimpinan, tidak kira ada yang kata Pakatan Rakyatlah kononnya, ada berkata pakatan pembangkang dan ada yang kata Barisan Nasional, ada yang kata berkenaan dengan UMNO, waima apa pun keadaannya, kita di dalam Dewan ini adalah pemimpin yang dilihat oleh mereka di luar sana.

Oleh kerana itu saya mohon sekali lagi berpolitiklah tetapi jangan menghancurkan negara hanya untuk segelintir individu-individu tertentu. Maka dengan itu saya juga merasakan beberapa perkara yang akan berlaku nanti dan yang telah berlaku juga perlu kita ambil perhatian yang serius. Kita tahu semasa merdeka, perjanjian Perlembagaan telah dibuat. Perkara 153, dari segi agama, dari segi keistimewaan bangsa dan sebagainya, semua telah diurus dengan begitu baik dan kita telah menjalankan perkara ini selama hampir 50 tahun sejak kemerdekaan. Tidak pun kita merasakan bahawa suasana itu perlu kita bangkit atau kita perlu persoalkan pada hari ini. Jika berlaku perbaiki, bukan rosakkan kerana sesuatu perkara yang telah dibangunkan apabila diruntuhkan, jangan mimpi untuk kita mendapat kembali apa yang kita ada.

Jadi saya mengharapkan sangat-sangat pembangunan modal insan yang kita tidak boleh nafikan, perhatian yang dibagi oleh kerajaan terutamanya di bawah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya antaranya, berada di dua golongan sebenarnya, bukan golongan Dato' Nalla ya, bukan yang itu okey. Saya di dalam dua golongan dua generasi. Saya di dalam golongan antara belia dan juga boleh dikatakan golongan emas jugalah sebab bila peringkat umur sudah macam ini, kan. Jadi, saya merasakan kitaran itu ada dalam diri saya. Jadi saya merasakan kadang-kadang kekecewaan itu berlaku apabila saya melihat anak-anak muda di luar sana

melaung-laung, menjerit-kerit menyatakan hasrat tetapi mereka tahu tidak apa yang mereka nyatakan, seperti yang berlaku di Dataran Merdeka.

Saya sedih bila saya melihat seorang bekas Menteri Besar, seorang Timbalan Presiden Parti boleh sama-sama duduk seronok di dalam khemah bergambar bersama *student*. Akan tetapi mereka ambil tahu tidak, apa yang berlaku kepada mereka selepas itu? Tidak apa-apa perkembangan yang saya lihat mereka lakukan. Mereka cuma tahu untuk mendapatkan pengaruh daripada golongan-golongan ini tetapi untuk apa? Untuk apa kita bersama-sama menyatakan hasrat kononnya inilah suara, suara rakyat? Apa benar kita mewakili suara rakyat keseluruhan? Apa benar kita pernah bertanya kepada rakyat-rakyat yang tidak bersetuju? Apa benar kita pernah menyatakan hasrat rakyat yang majoriti, yang memang tidak langsung bersetuju dengan apa yang kita lakukan? Akan tetapi bila kita melakukan sesuatu perkara yang dalam kelompok yang kecil kita terus melaung-laungkan inilah suara rakyat. Inilah suara mahasiswa.

Tolonglah, kita menuju ke arah negara maju, kerajaan bersusah payah menguruskan segala-galanya, memberikan yang terbaik untuk rakyat kita. Apa sahaja yang diminta oleh rakyat cuba dipenuhi atas dasar keprihatinan terhadap rakyat tetapi kerajaan juga kita harus faham, kita harus faham kerajaan. Kerajaan tidak boleh memenuhi seluruh kehendak kita sebab kita mempunyai paras-paras tertentu di dalam konteks perbelanjaan, pengurusan. Kalau semua kita tabur, kita tidak cari apa-apa untuk hasil negara, saya rasa esok lusa negara sudah bankrap. Kalau hari ini katanya perintah esok turun tol, turun minyak, turun barang itu, turun barang ini, habis bila kita hendak berniaga, hendak mendapatkan hasil balik kalau sudah semua turun? Rakyat hendak dapat apa?

Jadi, jangan sekali-kali kita cuba atau memomokkan masyarakat ataupun rakyat kita dengan perkara-perkara yang cuma mereka boleh impikan tetapi mereka tidak boleh mendapat apa yang sebenarnya. Lihat kembali, sejak merdeka sampai ke hari ini. Oleh kerana itu pendidikan sejarah untuk pendidikan termasuk apa yang dikatakan oleh rakan saya semalam tentang pendidikan sivik juga harus dititik beratkan dan kalau boleh jadikan ia sebagai mata pelajaran wajib untuk peperiksaan, tidak kiralah di peringkat mana, UPSR, SPM atau STPM, asalkan perkara ini kita bawa kembali.

Ini kerana pada masa saya, saya merasakan kalau dahulu kami panggil mata pelajaran sivik ini sebagai tata rakyat. Akan tetapi setiap minggu mesti ada satu slot, ataupun satu waktu untuk kita sama-sama menelaah tentang Perlembagaan, tentang Rukun Negara dan sebagainya. Setiap minggu di sekolah dahulu kita ada perhimpunan pagi, mungkin Isnin, Selasa, Rabu atau Khamis kita membaca ikrar, kita membaca Rukun Negara, memahami menyanyikan lagu *Negaraku* dan sebagainya.

Akan tetapi sekarang saya lihat bila lagu *Negaraku* dinyanyikan, ada juga beberapa pemimpin atau orang tertentu yang langsung tidak menghormati lagu *Negaraku*. Kalau dahulu bila kita dengar lagu *Negaraku*, kita terus berdiri dengan tegak, kerana apa? Kerana tidak ada dalam diri kita bagaimana untuk kita sayangkan negara. Kerana ini lagu *Negaraku* dan apa yang terjadi di

Istana Negara baru-baru ini saya pun tidak tahu tetapi saya terbaca. Akan tetapi saya harap perkara itu tidak berlaku. Kalau berlaku bayangkan, sebelum kalau sudah ada yang berbaring di depan kereta Raja kita. Kalau yang sudah boleh melakukan sesuatu perkara di dalam Istana dan di dalam Dewan yang mulia ini, di salah sebuah negeri, sudah berlaku macam sarkas, bila mereka berbahas.

Jadi, di mana penghormatan ataupun kemuliaan yang kita hendak letakkan? Di mana ingin kita nyatakan tentang bahawa kita ini rakyat Malaysia? Di mana kita ingin tunjukkan bahawa kita ini adalah salah seorang warga negara yang benar-benar sayang dan mempertahankan negara? Di mana kita? Oleh kerana itu pembentukan modal insan ini perlu dititik beratkan di semua kementerian, cawangan, kampung-kampung, jabatan dan sebagainya diambil perhatian. Saya mohon Kementerian Belia dan Sukan juga harus memainkan peranan yang lebih penting, yang lebih jitu, seperti mana kata Puan Hajah Noriah semalam. Kita tidak boleh bangga dengan *Himpunan Dua Juta Belia*, program besar. Tidak! Itu tidak mendatangkan kesan. Memang dari segi komersialnya, memang kita nampak himpunan besar-besarkan, benar. Akan tetapi sekarang ini adakah kita menuju ke bawah, ke akar umbi, ke *grassroots*.

■1730

Kita tanya mereka, kita tunjukkan pelan pendidikan, kita tunjukkan arah tuju mereka, kita pastikan. Oleh kerana itu saya tidak tahu sama ada Kementerian Belia dan Sukan kah, Jabatan Perdana Menteri sendirikah, Kementerian Perpaduan kah ataupun kementerian mana-mana sekalipun, kalau boleh tolonglah siapkan ataupun sediakan modul yang boleh benar-benar kita boleh memperkasakan modal insan kita terutamanya golongan belia, saya mohon.

Kerana kalau kita lihat dari segi kita bercakap tentang keusahawanan tadi, kita bercakap tentang bagaimana untuk mendapatkan geran dan sebagainya. Saya nampak ada kekeliruan ataupun berkecelaruan di antara kementerian-kementerian dan juga jabatan-jabatan tentang pengkhususan kursus-kursus tertentu. Mungkin perkara ini kerajaan mohon diminta mengkaji semula, diletakkan di bawah satu jabatan yang tertentu yang boleh kita jadikan ia sebagai modul yang berterusan. Kalau kita lihat kita mempunyai IKM dan IKBN, KEMAS, RISDA – ini apa semua kursus-kursus yang lebih kurang sama kenapa kita tidak integrasikan sahaja, benda ini kita jadikan ia skil yang besar dan kita menuju ke arah yang lebih memodenkan dan bukan sahaja memikirkan bagaimana untuk menaikkan taraf ekonomi individu itu sendiri tetapi dalam masa yang sama kita memikirkan bahawa kita melahirkan usahawan-usahawan yang kreatif dan inovatif di dalam membentuk masyarakat itu sendiri. Kita harus ingat kita bukan sahaja mengejar untuk individu, bukan untuk kepentingan kita di dalam negara tetapi kita harus melihat di luar kepompong pemikiran kita kerana kita harus mengejar kejayaan di luar dunia sana.

Kita jangan mengharapkan *investor* luar sahaja masuk ke negara kita, apa orang Malaysia tidak layak untuk menjadi seorang yang ada *demand* ataupun *market* di peringkat luar sana. Kenapa kita asyik mengagungkan kerana itu pengurusan yang saya katakan tadi dari segi pembentukan kursus-kursus tertentu untuk semua golongan sebab kita tahu ada kementerian yang

menyediakan kursus untuk ibu tunggal, ada Kementerian Belia dan Sukan, ada IKM tetapi RISDA pun ada – RISDA saya pun tidak tahu kenapa, KEMAS pun ada, saya pun tidak tahu kenapa ada kelas memasak dan sebagainya, kenapa kita tidak mengintegrasikan perkara ini untuk kita jadikan ia satu modul, tidak apa. Kita bentuk satu jawatankuasa ataupun diletakkan di bawah mana-mana kementerian atau jabatan yang khas pengkhususannya. Oleh kerana itu saya juga bercadang atau mencadangkan juga kepada kerajaan agar mewujudkan kembali Kementerian Pembangunan Usahawan ini supaya kita dapat merealisasikan kembali hasrat kerajaan, bukan sahaja untuk sesuatu bangsa tetapi untuk seluruh rakyat Malaysia yang dirasakan perlu untuk penambahbaikan ekonomi mereka sendiri. Oleh itu saya mengharapkan supaya perkara ini dikaji semula dan kita mahukan rakyat Malaysia adalah rakyat yang benar-benar sayangkan negara, berdisiplin dan juga mengingati bahawa kemerdekaan yang kita peroleh jangan disia-siakan hanya kerana kelompok-kelompok tertentu, saya mohon sangat-sangat.

Kalau kita benar-benar menyayangi negara kita tolong jangan hancurkan, kita harus tahu dan harus melihat pemimpin di pelbagai peringkat melakukan pelbagai cara untuk memastikan rakyat kita merasai akan kepimpinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan Yang Berhormat.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Yang Berhormat, siapa yang mahu menghancurkan negara kita?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya kalau jawab nanti – saya sebenarnya tidak berminat untuk menyentuh tetapi saya rasa rakan baik Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan mungkin lebih tahu.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Cakap siapa nama itu?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya tidak boleh hendak sentuh Yang Berhormat, tetapi Yang Berhormat ada seorang rakan yang baik sebelum inilah kan, mungkin Yang Berhormat – saya terlupa nama dia, mungkin Yang Berhormat ingat nama dia, siapa rakan baik Yang Berhormat.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: Dato' Seri Anwar Ibrahim.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Mungkin. Akan tetapi saya tidak pasti, tetapi kalau Yang Berhormat sudah kata mungkin dialah, saya pun tidak pasti.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: “Brother Dato' Seri Anwar Ibrahim” - tahu apa *short form*?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Ya, silakan.

Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai: “BABI”. Terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon minum dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan, teruskan Yang Berhormat, saya berminat mendengar Yang Berhormat bercakap ini.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Apabila sudah terlalu banyak bercakap ini memang kadang-kadang kering, dahaga kerana ini yang dikatakan keperluan sama juga dengan modal insan kita yang memerlukan sesuatu tetapi keperluan kita harus menjurus ke arah yang boleh menjurus ke arah kebaikan bukannya menjurus ke arah kepentingan pihak-pihak tertentu.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin meneruskan teks saya lagi. Selepas tamat pengajian kini tibalah masa untuk modal insan ini menyumbang kepada negara seperti apa yang disebutkan di awal ucapan saya tadi. Selain daripada menyumbang idea dan tenaga pada pendapat saya apa yang lebih penting adalah menyumbang ke arah ekonomi berpendapatan tinggi dalam erti kata lain saya berpendapat bahawa bidang keusahawanan itulah yang patut menjadi objektif utama pada golongan siswazah – ini ada sebenarnya skim untuk siswazah. Keusahawanan adalah proses yang cergas untuk menuju ke arah membina kekayaan, kekayaan ini dibina oleh individu yang percaya bahawa untuk menghasilkan sesuatu yang bermanfaat untuk sesuatu keluaran atau perkhidmatan risiko utamanya ialah modal, masa dan pinjaman kerjaya.

Ini adalah satu proses untuk membina sesuatu yang baru dan bermanfaat dengan pengorbanan masa dan tenaga, mempercayai sistem pembiayaan psikologi dan juga risiko sosial dan menerima pulangan kewangan, kepuasan peribadi dan kebebasan. Sehubungan dengan itu, saya amat menyokong sekali inisiatif yang diambil oleh kerajaan dalam menilai kembali prospek Tabung Keusahawanan Siswazah – yang ini siswazah tidak banyak rebut. *Facility* yang sangat baik untuk mereka membentuk diri dalam kerjaya terutamanya perniagaan. Tabung Keusahawanan Siswazah respons agak kurang tetapi dekat luar cakap macam-macam hendak, itu hendak, ini hendak tetapi ini kerajaan telah siapkan untuk kita, platform sudah ada, Tabung Keusahawanan Siswazah di dalam menggalakkan lebih ramai siswazah meminjam dan menceburi bidang keusahawanan, sebab kalau hendak berniaga waima apa-apa pun kena ada pinjaman seperti PTPTN tadi.

Dalam masa yang sama beberapa perkara telah dikaji semula oleh kerajaan di dalam memastikan kelancaran Tabung Keusahawanan Siswazah ini bergerak aktif, kerana itu pra syarat-pra syarat tertentu telah dikurangkan. Kerana apa? Kerana kerajaan prihatin terhadap siswazah. Kerana apa yang kerajaan mahukan agar siswazah kita apa-apa yang mereka pelajari mereka akan *implement* di luar, kerana kerajaan mahukan siswazah kita ataupun modal insan ini menjadi seorang warganegara yang berjaya, yang kaya bukan sahaja di Malaysia tetapi di dunia apa salahnya sebab dia rakyat Malaysia. Akan tetapi harus datang daripada rumah-rumah tertentu kerana itu ia dibentuk dan dijadikan special Tabung Pembangunan Siswazah untuk usahawan. Apa lagi yang kita mahukan, apa lagi yang ingin kita katakan? Kita hendak mengatakan kerajaan kita ini apa? Kita hendak katakan Perdana Menteri kita tidak melihat? Segala benda telah dilakukan, pelbagai cara tetapi janganlah sekali-kali para siswazah kita ini...

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawî: Tolong mohon sekali lagi Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat ada yang bangun.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Silakan, tidak apa.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Puan Hajah Mumtaz binti Md. Nawī: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat. Saya cukup berminat dengan perbincangan Yang Berhormat, cuma saya ingin bertanya kita dimaklumkan oleh Parlimen juga oleh Menteri yang berkenaan bahawa kadar NPL untuk Amanah Ikhtiar Malaysia adalah amat rendah. Maknanya pemberian pinjaman yang diberikan kepada golongan wanita dalam kadar pinjaman RM5,000 ke bawah, mereka mampu bayar dan jarang di kalangan mereka yang tidak membayar. Namun apabila pinjaman diberikan kepada pelajar-pelajar mahasiswa yang cerdik pandai, PTPTN kadar bayaran balik daripada dakwaan Yang Berhormat bahawa RM43 bilion hanya RM3 bilion dibayar.

Jadi di sini apa komen Yang Berhormat dari sudut kenapa Amanah Ikhtiar Malaysia boleh menguruskan pembiayaan dan dibayar balik, kenapa PTPTN gagal untuk menguruskan mahasiswa untuk membayar balik kalau kedua-duanya diberikan daripada sumber yang sama, satu. Kedua, tadi disebutkan Tabung Usahawan Siswazah, saya rasa ini kalau kita lihat dari ini yang banyak terlibat dengan perniagaan bukan orang Melayu sebaliknya daripada kalangan kaum Cina.

■1740

Mereka tidak ambil pun pinjaman untuk keusahawanan tetapi mereka berniaga, berjaya. Akan tetapi orang kita, kalau dalam konteks ini, apakah Yang Berhormat pernah turun padang untuk melihat dengan sendiri bagaimana birokrasi dan prosedur untuk mendapatkan Tabung Keusahawanan Mahasiswa ini? Ini kerana apabila saya sendiri, pengalaman sebelum saya membuka firma guaman sebelum ini, ketika kita sebagai *graduate* dari universiti pergi berjumpa pegawai untuk membuat pinjaman ataupun pembiayaan, mereka memberi syarat bahawa memerlukan lima tahun pengalaman baru layak untuk membuat pinjaman, RM20,000 ke bawah. Jadi, kalau kita mahasiswa, baru *graduate*, hendak menunggu pengalaman lima tahun, baru hendak pergi meminjam. Dalam konteks ini, kalau kerajaan menyediakan RM20 bilion pun, tidak ada pelajar yang boleh dapat. Jadi, adakah perkara ini dalam pengetahuan Yang Berhormat?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Terima kasih Yang Berhormat Senator. Tentang tabung usahawan ini saya belum habis sebenarnya. Ada. Saya akan perjumpa kepada Yang Berhormat. Akan tetapi, yang berkenaan dengan Tabung Amanah Ikhtiar dengan PTPTN tadi sebenarnya, ia mudah. Itu sikap. Sikap yang perlu kita lihat dalam konteks kemanusiaan. Kalau saya pinjam daripada Yang Berhormat RM10, saya tidak mahu bayar, mudah atau tidak untuk Yang Berhormat mendapatkannya? Susahkan, bukan. Serupa juga. Amanah Ikhtiar kah, PTPTN dan sebagainya. Bukan disebabkan pengurusan itu yang lemah tetapi mereka yang meminjam yang tidak memenuhi janji. Itu yang perlu kita ambil kira. Ini disebabkan perjanjian telah dibuat. Kalau orang mungkir janji, apakah yang jadi, seperti kata Mufti Pahang.

Jadi maksudnya di situ bukan pengurusannya yang perlu kita lihat. Sebenarnya daripada segi konteks individu itu sendiri. Bukan sahaja PTPTN, dalam bank mengapa segelintir rakyat Malaysia ini bankrap, sebab apa? Ini disebabkan mereka tidak membayar pinjaman. Sama juga.

Itu sahaja konteksnya. Tidak perlu kita hendak melihat daripada segi konsep yang lain itu. Daripada segi pemahaman saya Yang Berhormat ya, termasuk juga dengan Tabung Pembangunan Usahawan tadi. Kita tahu kerajaan telah melakukan penambahbaikan di dalam syarat-syarat kelayakan pinjaman...

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Yang Berhormat Senator.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Oh! Silakan Yang Berhormat Senator.

Dato' Dr. Firdaus bin Haji Abdullah: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Saya mendengar soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz tadi. Saya amat gembira dengan satu perkataan Yang Berhormat Senator jawab tadi, bahawa segala-galanya bergantung kepada sikap. Jadi seakan-akan secara tidak langsung Yang Berhormat menyetujui saranan saya pagi tadi yang telah berulang-ulang kali saya kemukakan, peri perlunya kita melaksanakan *Attitude Transformation Programme* (ATP). Terima kasih.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Benar Yang Berhormat Senator. Saya pun terlupa hendak menyebut tadi. Memang saya sangat bersetuju dengan apa Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus kemukakan pada perbahasan beliau pagi tadi. Memang saya sangat bersetuju. Jadi, saya berbalik pada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz tadi, berkenaan dengan Tabung Keusahawanan Siswazah. Memang benar. Kerajaan telah melakukan pelbagai perkara sebab memang apabila kerajaan melihat ada beberapa perkara ataupun aspek di dalam mendapatkan pinjaman, benar kita kerajaan telah mengkaji dan kerajaan juga telah melonggarkan beberapa perkara di dalam skim pinjaman tersebut.

Daripada segi pengalaman tadi, sebenarnya pada saya Yang Berhormat Senator Puan Hajah Mumtaz, sebab kalau kita ingin melakukan sesuatu terutamanya perniagaan, ini satu risiko yang sangat tinggi, yang besar. Kita tidak boleh selepas *grad* terus menjadi ahli perniagaan yang berjaya. *It is very slim*, dengan izin, *chances* dia, sangat *slim*, peluang untuk berjaya. Perlu pengalaman. Kadang-kadang kalau kebanyakan di *private* - swasta pun, kalau kita hendak memegang sesuatu jawatan-jawatan tertentu, kriteria utama sekali kita perlu ada pengalaman.

Maksudnya pengalaman itu untuk membolehkan seseorang itu bersedia di dalam keadaan kejayaan ataupun kegagalan. Itu bukan syarat yang berat sebenarnya. Tidak salah. Selepas kita *grad*, kita berumur 25 tahun, tidak salah kita mengambil pengalaman empat, lima tahun di dalam perniagaan hanya semata-mata untuk kita mendapatkan pengalaman dan bersedia menuju ke arah *independence* untuk kita bergerak sendiri di atas kaki kita sendiri. Jadi saya rasa itu bukan satu prasyarat yang sangat berat. Daripada segi birokrasi yang lain saya tidak melihat. Kalau kita cukup syarat, seperti kita memandu kereta, tidak ada lesen, kita tidak boleh memandu kereta, tidak ada salah. Akan tetapi kalau polis jumpa, kena saman. Serupa juga macam kita. Untuk membuat pinjaman, kita perlu ada prasyarat kerana kita ingin mendapatkan pinjaman.

Kalau syaratnya cukup, saya tidak melihat kita akan ditolak mentah-mentah begitu sahaja di dalam sesuatu pinjaman tersebut. Ini kerana kalau kita lihat di sini, pinjaman Tabung Usahawan,

daripada RM250,000 dinaikkan pada RM500,000 dan sampai maksimum ke RM750,000 oleh kerajaan untuk siswazah kita bersedia di dalam dunia perniagaan. Bayangkan hampir dua kali ganda. Ini bukan satu dana yang kecil. Kalau kita hendak buat sebuah *hypermarket* seperti Kedai 1Malaysia, kita perlukan RM500,000. Saya rasa cukup lengkap. Cukup lengkap konsep ini yang telah disediakan. Pembelajaran yang begitu baik di peringkat universiti, infrastruktur yang begitu baik ataupun *facilities* yang begitu baik disediakan oleh kerajaan untuk kita sebagai rakyat Malaysia dan bukannya untuk sesuatu kaum sahaja, untuk seluruh rakyat Malaysia. Kalau cukup syarat, silakan.

Jadi saya tidak melihat perkara-perkara begini perlu kita katakan apabila tidak dapat, kerajaan tidak betul, tidak dapat, tidak betul. Kita lihat. Itu yang dikatakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Dr. Firdaus tadi *talk about* bagaimana daripada segi konteks diri kita sendiri, *mindset* kita sendiri. Kalau kita berada di paras ataupun asas yang positif, maka kita akan faham. Kalau kita tidak dapat, bermaksud kita perlu berusaha. Sepuluh kali cuba tidak akan, sekali pun tidak boleh berjaya. Saya rasa bohong tetapi kadang-kadang, sudah namanya pun kita ini manusia. Kita cubalah kadang-kadang muhasabah, muhasabah diri kita, kita lihat di mana kekurangan kita. Kalau perlu penambahbaikan, ayuh kita sama-sama bergerak. Dapatkan ilmu, cari sesuatu perkara yang baik. Kita pastikan bahawa kita berada di dalam negara yang aman yang diuruskan oleh kepimpinan yang begitu baik dengan gandingan dan juga barisan-barisan Kabinetnya. Tidak boleh dinafikan pengurusan yang begitu membanggakan seumur hidup saya sampai ke hari ini.

Jadi saya melihat Tabung Keusahawanan Siswazah ini saya merasakan kepada para-para bekas siswa ataupun siswazah, lihat-lihatlah, tengok-tengoklah. Kalau perlu penjelasan selanjutnya, kita ada banyak lagi skim lain terutamanya dalam PNB, MARA dan pinjaman bank itu sendiri. Sebenarnya banyak *facilities*. Jangan kita melihat sesuatu perkara itu mudah. Tidak dapat pinjam, kerajaan salah. Tidak dapat pinjam, orang itu salah. Tidak. Cuba lihat, bincang dahulu. Kalau pergi mahkamah pun seseorang itu didakwa kesalahan, dia tidak masuk sahaja mahkamah pada hari itu, terus dia kena hukum, tidak. Bicara dahulu.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator. Ada panjang lagikah?

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Saya mohon kalau ada waktu yang boleh Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau boleh saya beri lagi tiga minit, Yang Berhormat Senator.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Sebab saya sebenarnya baru masuk topik pertama saya yang kedua Tuan Yang di-Pertua sebab topik *favourite* saya untuk belia dan sukan ini saya tidak masuk lagi sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak mengapa. Ini saya beri beberapa minit lagi. Teruskan.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Okey. Terima kasih. Jadi, itu serba sedikit berkenaan dengan Tabung Keusahawanan Siswazah. Jadi, tindakan kerajaan yang responsif dalam menggalakkan ramai siswazah untuk menceburkan diri dalam bidang keusahawanan amatlah baik. Perubahan-perubahan sebeginilah yang seiring dengan corak ekonomi dunia yang berubah.

Tuan Yang di-Pertua, dua persoalan saya yang ingin saya bangkitkan berkenaan dengan persoalan tadi. Pertama, apakah terdapat sebarang promosi besar-besaran dilakukan di seluruh IPTA, IPTS untuk menggalakkan siswazah menceburkan diri dalam bidang keusahawanan dan berapakah jumlah usahawan siswazah bagi tahun 2010 dan tahun 2011 yang telah diberikan pinjaman? Bukan sahaja pinjaman, saya hendak juga rekod tentang kejayaan-kejayaan mereka dalam bidang-bidang tertentu.

Kedua, saya ingin tahu juga apakah ada sebarang pelan perancangan dalam menentukan bidang-bidang perniagaan yang sesuai diceburi oleh siswazah-siswazah ini dan adakah ada usaha untuk membantu usahawan siswazah ini daripada pasaran tempatan sehingga ke peringkat antarabangsa? Ataupun Perdana Menteri kita selalu kata, "glokal". Jadi, saya rasa untuk peringkat pendidikan awal sampai ke peringkat siswazah tadi, saya sudah rangkum. Maksudnya tadi hari ini kita sudah berjalan satu hari ini, daripada anak-anak sampai jadi mahasiswa dan mahasiswi. Sekarang kita sudah *grad*.

Apabila kita sudah *grad*, kita ada beberapa perkara yang kita perlu fikirkan. Yang ini saya sentuh sekarang ini berkenaan dengan Kementerian Belia dan Sukan pula. Berkenaan dengan belia itu nanti. Saya hendak sentuh tentang pencapaian sukan sebab saya tadi kurang berkeyakinan tentang apa yang dikatakan pencapaian kita di dalam Olimpik untuk kita mencapai emas pertama Malaysia. Akan tetapi *insya-Allah*, sebab Dato' Rahim pun nampaknya dia ada keyakinan tetapi tidak mengapa. Itu cuma pendapat masing-masing.

Saya ingin menyentuh mengenai isu utama seterusnya dalam ucapan saya ini mengenai pembangunan sukan negara. Umum mengetahui kepentingan sukan dan amalan gaya hidup sihat. Antara kesan baik yang diterima adalah ianya memperkukuhkan keharmonian dan perpaduan negara serta membangunkan masyarakat yang berdisiplin dan berdaya saing, mampu mengukuhkan perpaduan dan kekuatan mental dan fizikal rakyat.

■1750

Salah satu cabang integrasi nasional, alat penyatuan kaum yang berkesan untuk membina semangat patriotik cintakan negara, pekerja yang cergas dan aktif, lebih sihat serta berdaya saing selain dapat meningkatkan prestasi kerja, lebih produktif kesihatan mental akan lebih stabil di samping tekanan sentiasa dapat dikawal oleh lebih motivasi serta berfikiran positif. Secara tidak langsung amalan sukan dan gaya hidup sihat dalam kehidupan mampu melahirkan masyarakat minda kelas pertama. Ini yang dikatakan tentang modal insan tadi. Namun apa yang saya ingin bangkitkan dalam Dewan yang mulia ini adalah bukan mengenai pembangunan sukan massa...
[Disampuk]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, kalau boleh Yang Berhormat lontarkan soalan-soalan itu untuk ringkaskan Yang Berhormat, kerana masa agaknya terhad sedikit.

Tuan Baharudin bin Abu Bakar: Okey. Okey, saya cuba Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Jadi, persoalan saya sekarang ini kalau kita lihat dari segi industri sukan, kita bercakap tentang kecapaian. Kita mempunyai beberapa sukan yang agak berprestij yang memang di mata

dunia dikenali seperti skuasy, badminton, boling dan beberapa sukan yang berprestasi tinggi. Sekarang apa yang saya nampak dari segi generasi pelapis nampaknya kurang. Jadi, saya melihat di sini bahawa sukan sebenarnya adalah salah satu daripada- boleh dijadikan salah satu industri untuk menyumbang kepada KDNK negara kita. Saya mencadangkan juga mungkin pihak kementerian boleh memberikan perhatian.

Jadi, saya mencadangkan apakah kerajaan ada bercadang untuk menubuhkan sebuah *sports university*, dengan izin, ataupun universiti sukan di dalam negara kita ini? Seperti mana kita tahu kita ada sekolah-sekolah sukan di peringkat beberapa negeri tetapi kesinambungannya kerana universiti bukan hanya kita menitik beratkan khas sebagai sukan tetapi banyak prospek dari segi pengurusan, dari segi kesihatan dan pelbagai lagi. Jadi, saya mencadangkan kepada kerajaan kalau ada cadangan daripada kerajaan untuk menubuhkan sebuah universiti sukan, saya rasa itu lebih menampakkan bagaimana kerajaan begitu serius di dalam membentuk generasi muda kita menuju ke arah yang lebih berprestasi tinggi.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya persoalan-persoalan saya terlalu banyak, jadi saya rasa mungkin ada rakan saya ingin mengambil. Jadi, kalau saya ada berkesempatan, *insya-Allah* kalau waktu-waktu lain, kalau mungkin saya boleh luahkan lagi saya punya beberapa perkara yang ingin saya sampaikan. Jadi, saya tidak mahu ambil masa rakan-rakan saya. Jadi, saya di sini mendoakan agar kerajaan kita pada hari ini akan terus mentadbir negara kita demi kesinambungan pentadbiran dalam memajukan negara, dengan ini saya mohon menyokong. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih banyak-banyak Yang Berhormat. sekarang saya persilakan Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit.

5.53 ptg.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh.* Ucapan terima kasih saya kepada Tuan Yang di-Pertua, memberi saya peluang untuk mengambil bahagian pada petang ini.

Saya ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan izinnya dapat kita bersama berkumpul di dalam Dewan ini untuk Penggal Kelima, Parlimen Ke-12. Sempena Perasmian Persidangan Dewan yang mulia ini, saya juga ingin menzahirkan setinggi penghargaan kepada Tuanku Mizan Zainal Abidin Ibni Almarhum Sultan Mahmud Al-Muktafi Billah Shah, Sultan Terengganu yang telah bersemayam di atas takhta Kerajaan Malaysia, menaungi negara dan memayungi rakyat selama lima tahun dengan adil dan saksama.

Setinggi tahniah kepada negara kerana telah mendapat seorang pengganti penaung negara iaitu Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Al Mu'tasimu Billahi Muhibuddin Tuanku Alhaj Abdul Halim Mu'adzam Shah Ibni Al-Marhum Sultan Badlishah dan Seri Paduka Baginda Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Aminah di atas pertabalan baginda berdua sebagai Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Raja Permaisuri Agong yang ke-14.

Segala puji bagi Allah yang telah banyak memberi rahmat dan inayah kepada pemimpin kita Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Abdul Razak serta Timbalan Perdana Menteri Yang Amat Berhormat Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin bin Mohd. Yassin. Negara Malaysia merupakan sebuah negara yang diberkati dengan pemimpin yang adil dan bijaksana di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka mentadbir negara. Pelbagai usaha telah dilakukan terutamanya oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bagi memastikan setiap kebaikan dan kebajikan sampai ke segenap pelosok negara. Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah merealisasikan pelbagai pembaharuan melalui Gagasan 1Malaysia, "*rakyat didahulukan, pencapaian diutamakan*". Ia telah berjaya meningkatkan kesejahteraan rakyat dan imej negara di persada antarabangsa. Saya ingin menyeru seluruh rakyat jelata supaya bersatu padu, berganding bahu dan bekerjasama rapat dengan kerajaan untuk memastikan negara terus maju, aman dan harmoni.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan menyentuh beberapa tajuk yang terdapat di dalam Titah Tuanku. Contohnya, perumahan, pendidikan, alam sekitar, wanita dan kalau sempat belia. Senario ekonomi semasa dan kenaikan taraf hidup rakyat menyebabkan harga-harga rumah melambung tinggi dengan kenaikan kos bahan binaan, upah pekerja dan kos penyediaan infrastruktur perumahan menyebabkan harga rumah naik mendadak. Keadaan ini menyebabkan ramai rakyat jelata tidak mampu memiliki rumah kerana harga yang mahal sehingga tidak berkeupayaan.

Ini menyebabkan ramai golongan muda yang telah berkahwin atau berumur di antara 28 hingga 40 tahun tidak memiliki aset rumah yang menjadikan kehidupan mereka tidak begitu selesa. Oleh itu, adalah dicadangkan supaya kerajaan merencana lebih banyak Projek Perumahan Rakyat (PPR), rumah mampu milik dan perumahan rakyat 1Malaysia di kawasan-kawasan strategik pusat ekonomi negara seperti di Lembah Klang, Seremban. Kawasan-kawasan ini menawarkan suasana persekitaran ekonomi dan pasaran kerja yang lebih menarik dan kemudahan prasarana sosial yang baik.

Permintaan yang tinggi terhadap rumah-rumah PPR di bandar raya Kuala Lumpur, Petaling Jaya, Shah Alam, Klang, Putrajaya dan Cheras perlu diberikan perhatian sewajarnya agar tuntutan dan permintaan rakyat untuk meringankan kos sara hidup di bandar raya dapat ditangani secara optimum. Kerajaan disarankan agar memaksimumkan pembangunan semula tanah milik Kerajaan Persekutuan dan agensi kerajaan di kawasan Lembah Klang untuk tujuan pembangunan PPR agar lebih permintaan terhadap pembelian hartanah PPR ini dapat ditangani.

Tuan Yang di-Pertua, bagi membantu golongan yang mempunyai masalah dalam mendapat pembiayaan perumahan dari institusi kewangan dan kerajaan perlu membuat formulasi yang terbaik agar golongan yang bermasalah dalam mendapat pembiayaan, mendapat opsyen yang terbaik untuk mekanisme yang baik bagi membeli sebuah rumah mampu dibeli sama ada melalui pengenalan jaminan sewa beli atau dasar pemilikan rumah dan pembiayaan yang fleksibel serta mampu diperolehi oleh semua pihak. Di sini saya ingin membawa rintihan rakan-rakan di

Kuala Lumpur yang tinggal di rumah DBKL dan rumah-rumah PPR. Ini ditujukan kepada Menteri Wilayah dan Kesejahteraan Bandar serta pihak DBKL.

Apakah syarat atau kelayakan sebenar untuk membeli rumah PPR dan perumahan DBKL? Ada yang baru setahun tinggal di rumah PPR telah ditawarkan untuk membeli dan ada yang sudah 10 tahun dan juga 20 tahun pula tidak ditawarkan. Apabila ditanya, ada yang mendapat jawapan kerana unit atau blok yang didiami atau disewa itu tidak tersenarai dalam unit untuk dijual. Apa pun, mereka yang telah menyewa rumah DBKL dan PPR selama 10 atau lebih, boleh dikira layak dan boleh ditawarkan membeli unit-unit yang lain yang disenaraikan untuk dijual. Kelayakan kemampuan untuk mengambil pinjaman KWSP dan institusi kewangan juga adalah penting. Untuk tujuan ini, ada yang memohon bantuan kemampuan anak-anak mereka sebagai peminjam atau penjamin.

Saya ingin memberi contoh tentang pembelian rumah-rumah PPR ataupun yang kos rendah, yang lebih kurang hanya RM39,000 satu unit. Jika mereka mendapat pinjaman dari mana-mana institusi kewangan, berapakah bayaran ansuran sebulan? Mungkin dalam RM400 hingga RM500 sebulan. Soalan saya seterusnya, saya ingin bertanya kepada Menteri Wilayah. Setakat ini berapakah jumlah sewaan rumah-rumah PPR dan DBKL iaitu jumlah sewaan yang tidak berbayar? Sewaan bulanan satu rumah adalah dalam anggaran RM124 sebulan.

■1800

Berapa ramaikah golongan yang tidak dapat membayar ini yang terlibat dan apakah tindakan yang telah diambil? Jika RM124 sebulan pun ada yang tidak mampu, apa pula jumlah RM400 atau RM500 sebulan. Dalam kumpulan ini saya akui memang ada yang benar-benar tidak berkemampuan dan inilah yang dikatakan kemiskinan bandar. Ada sewaan yang RM90, RM90 pun tidak mampu dibayar.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mencadangkan di sini, bagi membantu dan mengurangkan beban pembeli-pembeli ini dan mengurangkan beban hutang harga jual beli unit DBKL atau pun PPR, caranya begini, hendaklah dijumlahkan semua sewa yang telah dibayar kepada DBKL sebagai *part payment* dengan izin, atau bayaran sebahagian dari harga belian. Contohnya, jika pembeli itu telah menyewa selama sepuluh tahun dan membayar RM124 sebulan, ertinya RM124 darab 10 tahun darab 12 bulan. Jadi jumlah yang dia telah bayar kepada DBKL ialah RM14,888, kita jadikan ia RM15,000 yang telah dibayar. Jadi penyewa itu hanya perlu meminjam RM24,000 sahaja daripada jumlah RM39,000. Sedikit sebanyak cara ini dapat membantu penyewa menjadi pembeli unit-unit yang boleh dijual.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya menyentuh bidang pendidikan. Saya menyokong penuh usaha kerajaan dalam membuat transformasi pendidikan sama ada melalui kurikulumnya, juga penaksiran dan peperiksaan. Walau bagaimanapun, saya khuatir jika proses transformasi ini tidak dilakukan dengan sewajarnya, ia bakal mencelarukan lagi proses pendidikan modal insan negara dan ini akan menyebabkan berlakunya fenomena *brain drain*, dengan izin.

Setiap tahun, jumlah yang tinggi para pelajar yang mendapat keputusan cemerlang dalam peperiksaan UPSR dan PMR bertumpu dan mempunyai kecenderungan yang tinggi untuk memohon kemasukan ke Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) dan Sekolah Berasrama Penuh (SBP). Kapasiti penempatan bagi sekolah berprestasi tinggi ini tidak dapat menampung jumlah permohonan yang dikemukakan oleh calon pelajar cemerlang terutama pelajar luar bandar. Oleh itu saya ingin memohon kerajaan agar membuka lebih banyak MRSM dan SBP bagi memberikan lebih banyak pelajar cemerlang bersekolah di sekolah-sekolah ini.

Bagi transformasi pendidikan di MRSM yang melaksanakan program *International General Certificate of Secondary Education* (IGCSE), dengan izin, iaitu *O-Levels Cambridge*, kita mendapat maklum balas yang kurang memberangsangkan kerana program perintis ini yang dibuat di MRSM Tun Abdul Razak, Pekan, dilaksanakan secara tergesa-gesa dan celaru. Pelbagai rungutan diutarakan dari segi kekurangan bahan rujukan di bawah *syllabus* IGCSE, pertindihan pengajaran dengan mata pelajaran SPM dan untuk IGCSE, bebanan melampau kepada guru-guru MRSM dan IGCSE dan pemilihan profil kemasukan ditumpukan kepada golongan berada kerana kemasukan berdasarkan kebolehan berbahasa Inggeris dan mampu membayar yuran IGCSE. Saya mohon perkara ini dijelaskan atau disiasat.

Matlamat asal penubuhan MRSM adalah untuk membantu pelajar miskin cemerlang di luar bandar untuk mendapat pendidikan berkualiti. Disebabkan syarat kemasukan ke IGCSE ini memerlukan kebolehan fasih berbahasa Inggeris dan mampu membayar yuran IGCSE, maka peluang pelajar miskin untuk melanjutkan pelajaran ke MRSM.

Puan Norliza binti Abdul Rahim: Minta laluan. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Saya cuma ingin memberi sedikit pandangan dan cadangan sebab apabila diutarakan masalah IGCSE, saya difahamkan Kolej Yayasan Saad di Melaka telah mempraktikkan program IGCSE dan telah berkesan yang mana pelajar-pelajarnya amat cemerlang dan sekolah ini adalah di antara sekolah yang terbaik di negara kita pada masa ini. Jadi sama ada Yang Berhormat setuju atau tidak, saya rasa Kementerian Pelajaran harus mengkaji bagaimanakah guru-guru di Kolej Yayasan Saad boleh melaksanakan IGCSE dengan begitu baik sekali dan apakah formula yang digunakan supaya ia boleh dikongsi bersama dengan MRSM. Terima kasih.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Terima kasih Yang Berhormat Norliza. Saya juga dimaklumkan bahawa Kolej Yayasan Saad itu banyak *privates funding* dan sebahagian daripada pelajar Kolej Yayasan Saad adalah dipilih daripada golongan yang berada yang boleh membantu pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan. Itulah sebab banyak perkara yang Kolej Yayasan Saad buat yang kolej lain seperti MRSM tidak boleh buat. Terima kasih.

Kumpulan yang terlibat melihat program IGCSE dan Ulul Albab ini di MRSM sebagai dasar *ad hoc* yang dijalankan dengan terburu-buru. Mereka mengeluh kerana masalah berikut.

Pertama, pelajar dikehendaki mengambil peperiksaan *O-Level* dan SPM dan oleh itu bebanan pembelajaran adalah dua kali ganda kerana terpaksa mengikuti kurikulum IGCSE Cambridge dan kurikulum nasional, SPM.

Kedua, guru-guru tidak mahir dengan *syllabus* IGCSE dan latihan dalam perkhidmatan tidak mencapai tahap kompetensi dan cemerlang. Dimaklumkan juga profil kemasukan pelajar tertumpu kepada golongan sederhana atau pun dengan izin, *middle income* yang mempunyai latar belakang akademik yang baik dan pendapatan isi rumah yang tinggi. Oleh itu, hak pelajar cemerlang miskin dinafikan kerana tidak fasih berbahasa Inggeris. Saya percaya matlamat jangka panjangnya adalah baik di mana pelajar akan lebih fasih dan berkeyakinan untuk bertutur dalam bahasa Inggeris serta boleh setanding dengan pelajar di luar negara.

Saya juga bersyukur mendapat pendidikan dan pendidikan peperiksaan MCE bersamaan dengan *O-Level* daripada Cambridge. Bukan kita hendak menolak program IGCSE, tetapi hendaklah mengambil kira persekitarannya supaya dapat menyokong dan melaksanakan program tersebut tanpa membebankan pihak-pihak yang lain.

Saya juga dimaklumkan di peringkat awal ini ia membebankan ibu bapa dan tidak ramai pelajar yang dapat masuk kerana ramai ibu bapa yang kurang berkemampuan. Di peringkat awal ini, ibu bapa memohon agar pihak MARA dapat membiayai perbelanjaan seperti yuran, yuran peperiksaan, buku-buku dan apa juga keperluan untuk pelajar membuat persediaan untuk menduduki peperiksaan SPM dan *O-Level* sekali gus. Buku rujukan itu mahal, hanya didapati daripada UK, dan juga buku-buku teks SPM juga diperlukan. Setiap pelajar hendaklah ada dua set buku, satu untuk SPM dan satu lagi untuk *O-Level*.

Walau apa pun, saya ingin membawa saranan ramai ibu bapa dan kakitangan MRSM supaya mengkaji dan menyemak semula dasar pengajaran IGCSE di seluruh MRSM menjelang tahun 2016 agar transformasi pendidikan dan kurikulum tidak mendatangkan masalah dan kerugian kepada negara. Kita juga memohon MARA memberi penjelasan dan klasifikasi kemasukan pelajar mengikut pendapatan isi rumah secara telus dan terperinci kepada Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, proses transformasi pendidikan tidak akan berjaya sekiranya imbuhan dan ganjaran yang setimpal diberikan kepada semua guru-guru. Kumpulan guru seramai lebih 420 ribu orang menjadi kumpulan terbesar penjawat awam di Malaysia. Oleh itu, peluang laluan kerjaya dan kenaikan pangkat adalah terhad dan minima. Dalam Belanjawan 2012, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengumumkan laluan kenaikan pangkat yang menarik kepada guru-guru di Malaysia dengan skim kenaikan mengikut *time based* dipendekkan dari sepuluh tahun ke lapan tahun. Pengumuman ini amat menggembirakan masyarakat pendidik.

■1810

Namun mereka masih keliru kerana setakat ini dasar ini hanya diguna pakai di Kementerian Pelajaran sahaja bagi mereka yang dilantik oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran. Bagaimanakah pula golongan pendidik di kolej matrikulasi, universiti, kolej komuniti, MRSM, kerajaan negeri dan badan berkanun yang lain? Adakah mereka juga dirangkum bersama di bawah dasar kenaikan pangkat lapan tahun *time based* ini? Oleh itu, saya memohon kerajaan menjelaskan secara terperinci kandungan dasar, strategi pelaksanaan dan garis panduan yang

telah dibuat agar dasar baru ini adil kepada semua pendidik supaya pembangunan modal insan lebih praktikal dan dinamik di bawah Dasar Transformasi Pendidikan Negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya masuk ke tajuk seterusnya iaitu isu alam sekitar yang juga didapati di dalam Titah Tuanku baru-baru ini. Rakyat Malaysia membuang sampah sisa pepejal sebanyak 22,000 tan sehari iaitu peningkatan 10,000 tan berbanding tahun lalu dianggarkan meningkat kepada 30,000 tan sehari menjelang 2030. Sumber ini adalah dari Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kajian juga menunjukkan seorang rakyat Malaysia menghasilkan secara purata 0.8 kilogram sampah setiap hari. Manakala dari segi komposisi sisa pepejal terdiri daripada sisa makanan sebanyak 45% plastik, 24% kertas, 7% besi, 6% kaca. Peningkatan pembuangan sampah berkait rapat dengan pertumbuhan penduduk negara yang dianggarkan meningkat sebanyak 2.4% iaitu 600,000 orang setahun semenjak 1994 dan juga sikap masyarakat terhadap pengurusan sampah dan sisa pepejal yang masih tidak berubah.

Di sini dan saya memohon penjelasan, kita maklum pelbagai program telah dilakukan oleh kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan sisa pepejal namun tidak berkesan. Apakah kesungguhan kementerian untuk mentransformasikan isu pengurusan sisa pepejal negara atau kesungguhan untuk mendidik masyarakat supaya dapat mengubah minda dan tabiat mereka dalam pengurusan sisa pepejal. Sebagai contoh, Program Kitar Semula yang telah dilancarkan pada 1993 sehingga diulang dua kali pelancarannya namun kejayaan masih lagi rendah iaitu sekitar 5% sahaja. Masih jauh daripada sasaran sebanyak 22% menjelang tahun 2020.

Jika dibandingkan peratusan kitar semula masyarakat negara maju seperti Jepun atau Hong Kong, peratusan kitar semula adalah tinggi. Contoh, Tokyo pada 2006, kadar kitar semula adalah 72% untuk sisa kertas, 99% untuk sisa konkrit, 80% untuk sisa berasaskan kayu. Hong Kong pula telah mencapai 45% kitar semula pada 2007 berbanding hanya 5% pada 2004. Kita juga dapat lihat daripada kesungguhan daripada Kerajaan Jepun dalam menangani isu pepejal iaitu dengan mengadakan Program *Tokyo Super Eco Town* iaitu antara lain bertujuan untuk mentransformasikan masyarakat mereka kepada masyarakat yang berasaskan kitar semula dan menyelesaikan isu sisa pepejal. Satu perkara lain yang boleh dicontohi adalah keazaman Kerajaan Jepun dan Hong Kong dalam usaha meminimumkan dan mengurangkan sisa pepejal dan sisa buangan terakhir. Sebagai contoh pada 2010, Tokyo telah berjaya mengurangkan sisa pepejal terakhirnya kepada 35% sahaja dan Hong Kong pula telah menyasarkan pengurangan sisa pepejal sebanyak 1% setahun menjelang 2014.

Antara faktor kejayaan Program Kitar Semula ada yang mempunyai pusat pengumpulan barangan kitar semula yang selesa iaitu mudah dihubungi, bersih, dipercayai dan mengikut peraturan. Adalah dicadangkan kerajaan memberi banyak ruang terutamanya bantuan modal dan lesen operasi kepada mana-mana pihak yang ingin menyediakan pusat pengumpulan kitar semula. Kerajaan juga harus memperbanyakkan penyediaan tong-tong kitar semula di lokasi strategik. Di samping itu, proses pengutipan sampah mengikut jenis haruslah diperkenalkan secepat mungkin.

Juga mohon penjelasan status pelaksanaan Akta Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam 2007 selain daripada penubuhan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam.

Dengan jumlah penghasilan sisa pepejal yang sentiasa meningkat, isu tapak pelupusan sampah, *sanitary* amat perlu diberi perhatian kerana daripada 290 buah tapak pelupusan hanya tujuh sahaja merupakan tapak pelupusan *sanitary* iaitu mesra alam. Selebihnya beroperasi secara pembuangan terbuka atau *open dumping*. Keadaan ini akan membimbangkan negara dari aspek alam sekitar iaitu pencemaran udara dan bau serta pencemaran air. Pencemaran udara dan bau disebabkan pembebasan gas metana yang terhasil daripada proses pereputan sisa pepejal.

Sebagai makluman, satu kajian menunjukkan gas metana menghasilkan 25 kali risiko pemanasan global berbanding gas karbon dioksida dan *open dumping system* ini akan sedikit-sebanyak mengganggu komitmen negara untuk mengurangkan kesan rumah hijau sebanyak 40% menjelang 2020. Pencemaran air pula berlaku melalui peresapan air larut, resap ke sumber di bawah tanah dan seterusnya mengganggu sumber bekalan air negara. Sebagai contoh, pencemaran Loji Pembersihan Air Sungai Semenyih yang telah menjejaskan bekalan air bersih kepada 1.2 juta penduduk, kesan daripada tapak pelupusan Sungai Kambung.

Saya ada beberapa respons daripada jawapan Menteri pada soalan nombor enam pada 24 April 2012. Soalan, apakah KPI untuk pengurusan sisa pepejal yang akan dikuatkuasakan oleh kementerian pada September 2012 seperti yang telah dinyatakan oleh Menteri KPKT. Saya ingin mencadangkan agar salah satu KPI adalah mengadakan sasaran untuk setiap kerajaan tempatan untuk mengurangkan jumlah sisa pepejal mereka setiap tahun sebagai satu pertandingan. Dalam isu pengurusan sisa pepejal, aduan orang ramai adalah kurang sesuai untuk dijadikan KPI memandangkan masalah sampai dan boleh dilihat dan boleh dinilai oleh mata kasar sama ada kerja itu diurus dengan betul atau tidak. Bagi membantu menjayakan Program 3R - *reduce, reuse, dan recycle*, dengan izin, kerajaan tempatan juga haruslah mempunyai *target* peratusan berapa banyakkah sisa terakhir yang dilupuskan, memperbanyakkan tong kitar semula di tempat strategik, memperbanyakkan tempat pengumpulan barang kitar semula yang mesra kepada pengguna. Program pengutipan sampah mengikut jenis perlu diperkenalkan semula secepat mungkin bagi mendidik masyarakat.

Saya ingin bertanya kepada Menteri, apakah kejayaan penggunaan lima mini *incinerator* yang telah diguna pakai di beberapa pulau iaitu di Langkawi, Pangkor dan Tioman? Kenapakah kejayaan ini tidak diuar-uarkan untuk menambah keyakinan masyarakat awam terhadap kebaikan *incinerator*? Sehingga kini, apakah bentuk latihan modal insan atau kepakaran yang disediakan untuk meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap keupayaan Malaysia untuk mengendalikan *incinerator*? Kita percaya bahawa masyarakat bukan menolak kebaikan *incinerator* tetapi masyarakat tidak yakin keupayaan modal insan kita untuk menguruskan *incinerator* berdasarkan situasi sekarang, masalah asas seperti sampah harus dibuang ke dalam tong sampah pun masih dibuang merata-rata dan tidak diambil tindakan. Mana pergi peraturan ataupun undang-undang

yang saya ingat 20 tahun yang lalu di mana ada iklan yang menunjukkan jangan buang sampah di sini kena denda RM500 atau RM200. Apa jadi dengan peraturan atau undang-undang yang begitu dan kita tidak nampak lagi.

■1820

Undang-undang perlu diadakan bagi mewajibkan semua operator tapak pelupusan sisa pepejal melaksanakan tapak pelupusan sanitari bagi memastikan semua 290 buah tapak pelupusan sisa pepejal yang ada sekarang terjamin selamat kepada alam sekitar, manusia dan selaras dengan dasar alam sekitar dan komitmen negara dalam isu pemanasan global.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang lagikah?

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Isu wanita, isu...

Tuan Yang di-Pertua: Berapa muka lagi?

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Muka, boleh tahanlah. Tuan Yang di-Pertua, saya cuba ini. Kalau tidak bagi saya sedikit masa esok pagi, kalau tidak habis. Boleh saya?

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, teruskanlah. Teruskanlah kalau begitu. Teruskan, teruskan.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Tuan Yang di-Pertua, saya menjunjung kasih titah Tuanku merakamkan penghargaan kepada wanita dalam pembangunan negara seperti kata Yang Berhormat tadi, wanita bak mutiara. Pelbagai dasar dan program telah pun dilaksanakan bagi memperkasakan kaum wanita di negara ini. Antaranya pada tahun 2004, kerajaan telah meluluskan dasar sekurang-kurangnya 30% wanita pada peringkat pembuat keputusan dalam sektor awam dan pada tahun 2011 peratusan wanita menyandang Jawatan Utama Sektor Awam (JUSA) telah mencapai 32.3% dan pada Jun 2011, kerajaan juga telah meluluskan dasar sekurang-kurangnya wujud 30% wanita pada peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat menjelang 2016 dan terkini kerajaan menyasarkan penyertaan 55% wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2015.

Di sini saya memohon penjelasan dalam usaha mencapai sasaran 30% wanita pada peringkat pembuat keputusan dalam sektor korporat, apakah kaedah pemantau yang akan digunakan dan pihak manakah yang dipertanggungjawabkan untuk memantau usaha ini. Juga memohon penjelasan status pencapaian terkini. Saya juga memohon pihak kementerian memberi laporan terkini mengenai pelaksanaan beberapa program dan dasar seperti *Small Office, Home Office (SOHO)*, *gender budgeting* dan *focal point*. Saya mencadangkan agar kementerian mengadakan jawatankuasa khusus untuk mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan dasar kerana dasarnya amat cantik sekali untuk membantu wanita negara ini. Saya juga memohon penjelasan mengenai perkembangan dana nafkah oleh Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia yang diumumkan pada Julai 2009 bagi membantu isteri-isteri yang diceraikan. Apakah mekanisme bagi menyelesaikan masalah bekas suami yang lari dari tanggungjawab membayar nafkah dan berapakah jumlah kes yang dapat dibantu dengan dana ini?

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) mengumumkan cadangan menubuhkan dana nafkah dengan jumlah peruntukkan RM15 juta. Beberapa isu pokok yang masih menjadi penghalang kepada penglibatan wanita dalam kerja negara hari ini. Antaranya ialah permasalahan penjagaan dan pengasuhan kanak-kanak dan isu yang sering dikaitkan adalah masalah tiada pusat asuhan kanak-kanak di tempat kerja, kualiti perkhidmatan pusat asuhan kurang memuaskan, kalau ada pun kadar bayaran bulannya agak tinggi. Pusat penjagaan kanak-kanak tidak berdaftar. Sehingga Januari 2012, sebanyak 2,339 buah taska yang belum berdaftar di seluruh negara dan pusat asuhan menggunakan tenaga kerja asing sebagai pembantu pusat asuhan.

Kita juga dimaklumkan pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilakukan oleh kerajaan seperti memberi subsidi, menubuhkan pusat sehenti bagi memudahkan proses pendaftaran taska, mengadakan kempen pendaftaran dan juga usaha advokasi oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Namun usaha ini seolah-olah tidak memberi keyakinan kepada wanita terutamanya wanita profesional untuk menghantar anak mereka ke pusat pengasuhan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin memohon merujuk kepada satu sumber dari Penyata Rasmi Parlimen dan Pejabat Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara di mana wanita pertama yang dilantik sebagai senator adalah Yang Berbahagia Tan Sri Datin Paduka Aishah Ghani yang dilantik pada tahun 1963. Pencapaian 30% itu sebenarnya kita sudah capai. Contohnya pada tahun 2005, seramai 34% Ahli Dewan Negara adalah wanita. Pada tahun 2006, seramai 32% wanita, tahun 2007 seramai 31% tetapi sehingga kini pada tahun 2012 turun kepada 16 orang iaitu 25% sahaja. Tuan Yang di-Pertua, saya memohon dalam perkara ini, memandangkan Dewan ini adalah Dewan tertinggi, wanita mengharapkan Dewan ini akan mengorak langkah untuk membantu menambahkan Ahli Dewan Negara wanita. Sekarang ini kita ada jumlah Senator seramai 65 orang. Hanya 16 orang Ahli Dewan Negara adalah wanita.

Tuan Yang di-Pertua, ada empat minit, macam mana?

Tuan Yang di-Pertua: Teruskanlah. Yang Berhormat teruskan... *[Ketawa]*

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Ada lagi satu tajuk, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak apa you teruskan. Kemudian nanti saya buat pengumuman.

Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit: Okey, okey. Mengenai isu belia. Saya ingin mengalih pandangan sidang Dewan ini kepada satu usaha yang lebih penting iaitu melahirkan golongan belia yang lebih produktif dan progresif berserta dengan nilai-nilai utama negara iaitu mereka mempunyai nilai cintakan agama, bangsa dan negara. Perhatikan apa yang berlaku hari ini, terdapat banyak unsur politik dan kepartian yang kurang sihat telah mula menjajah minda golongan belia serta pendidik di negara kebelakangan ini. Belia di Malaysia tidak boleh dinafikan telah mendapat perhatian yang penuh oleh pihak kerajaan. Dasar Pembangunan Belia Negara telah digubal pada tahun 1986 dan digagaskan untuk berperanan menjadi tulang belakang dalam apa juga agenda dan gerak kerja kerajaan berkaitan dengan pembangunan belia Malaysia.

Satu kementerian khas diwujudkan bagi menyelia gerak kerja belia iaitu Kementerian Belia dan Sukan. Pada tahun 1997, Dasar Pembangunan Belia Negara disemak semula bagi menyerap

masuk nilai-nilai Wawasan 2020 bagi memastikan agenda belia selari dengan misi nasional iaitu Wawasan 2020. Belia Malaysia pada hari ini dilihat sebagai golongan yang amat penting terutama dalam menentukan kelangsungan pembangunan negara. Masalah yang melanda pemikiran belia sebelum ini tidak pernah difikirkan secara serius. Belia kebelakangan ini banyak disogok dengan program-program segera dan berjangka masa pendek. Ini tidak memberi kesan yang mendalam dalam pembentukan perwatakan dan kerohanian. Kita semua telah maklum bahawa penjajahan minda dengan indoktrinasi pemikiran tertentu kian marak kebelakangan ini.

Belia ingin mengambil tahu banyak perkara tanpa bertanya atau mengkaji proses kesahihan perkara tersebut. Akibatnya belia mudah terpesong dan menolak apa yang disampaikan secara formal. Mereka lebih banyak mengambil terus apa yang mereka ketahui atau pelajari tanpa menapis atau berfikir kesan baik dan buruk yang akan menimpa mereka. Apakah Kementerian Belia dan Sukan terlepas pandang kepada segolongan belia yang banyak melibatkan diri dalam bersama kelompok para agamawan. Mungkinkah pihak kementerian terlupa untuk bertanya ke mana perginya semua pelajar Malaysia yang telah dihantar ke negara-negara Timur Tengah. Setelah mereka pulang, mendapat ijazah di dalam pelbagai bidang ilmu agama atau pulang tanpa ijazah. Berapa ramai mereka yang telah pulang ke tanah air dan di manakah mereka? Apakah inisiatif kerajaan untuk mencari mereka, graduan agama ini, bukan sahaja di luar negara tetapi juga di dalam negara.

Kita sedia maklum dengan sejarah yang lalu bagaimana pelbagai fahaman agama telah menular terutamanya dalam Islam. Kita juga maklum pelbagai aliran seperti Syiah, Al-Arqam, *New Age Movement* dengan izin, juga tidak hebat menular masuk ke dalam negara kita...

■1830

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, Ahli Yang Berhormat. Saya nampaknya jam telah tepat menunjukkan 6.30 petang kerana kita telah buat keputusan tempoh tadi bahawa kita akhiri Majlis kita pada petang ini. Saya ingin menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, yang pentingnya saya telah mohon kerjasama supaya mengemukakan nama-nama siapa yang hendak berucap. Hari ini kita sudah terima berjumlah sepuluh orang. Itu kita tidak ada kenakan sekatan masa kerana kalau sekiranya ramai hendak berucap, kita boleh sanggup sampai ke malam pun tidak mengapa. Akan tetapi, tidak dapat nama itu susah saya hendak membuat perancangan.

Oleh demikian, saya memohon esok saya ada terima, esok jangan lupa esok hari akhir bagi Titah Ucapan Diraja. Orang yang memberi nama ialah sepuluh orang, Yang Berhormat S. Bagiam a/p Ayem Perumal, Yang Berhormat Tunku Abdul Aziz bin Tunku Ibrahim, Yang Berhormat Mulia Datuk Raja Ropiaah binti Raja Abdullah, Yang Berhormat Datuk Maijol Mahap, Yang Berhormat Tuan Subramaniam a/l Veruthasalam, Yang Berhormat Dato' Muhammad Olian bin Abdullah, Yang Berhormat Tuan Lihan Jok, Yang Berhormat Tuan Mohamad Ezam bin Mohd. Nor, Yang Berhormat Dato' Nallakaruppan a/l Solaimalai dan juga Yang Berhormat Dato' Ng Fook Heng.

Saya harap pada hari ini, esok kita sambung kepada Yang Berhormat Puan Hajah Mariany binti Mohammad Yit. Saya benarkan lima minit esok sambung sudah panjang sudah itu. Saya sudah buat keputusan hendak bagi peluang kepada Yang Berhormat Mumtaz binti Md. Nawi pada petang ini tetapi kerana masa tidak mengizinkan Yang Berhormat esoklah. Saya hendak menarik perhatian semua Ahli Yang Berhormat, beri kerjasama supaya kita senang merancang masa. Kalau kita panjang nanti pula tidak ada pula orang hendak bercakap, susah juga saya.

Oleh demikian saya mohon benar-benar. Sudah itu esok agaknya kalau..., saya akan bagi peluang kepada semua berucap tetapi mungkin kena sekatan masa. Itu kena saya buat. Akan tetapi walau bagaimanapun saya bagi peluang seberapa mana yang boleh kalau tidak cukup masa petang itu kita sambung sampai ke malam. Ini saya hendak beri peringatan pada awal supaya jangan esok ada membuat *complain* ataupun tidak diberi peluang berucap. Saya ingin menyatakan pendirian saya hendak semua bekerjasama dan bersikap adil dan saksama kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat.

Sekian sahajalah. Saya tangguhkan mesyuarat pada petang ini sehingga 10 pagi, hari Khamis, 26 April 2012. Sekian, terima kasih.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.33 petang.